



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 7)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 28)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – Senator

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, [Tanjong Piai] [Kosong]
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH

18. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – Senator
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – Senator
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – Senator
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - Senator

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - PPBM
4. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
5. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
6. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
7. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
8. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
9. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
10. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] - PPBM
12. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
13. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
14. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
15. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
16. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
17. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
18. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
19. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
20. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
21. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM

22. Yang Berhormat Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
23. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
24. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
25. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
26. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
27. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
28. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
29. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
30. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
31. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
32. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
33. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
34. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
35. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
36. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
37. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
38. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
39. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
40. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
41. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
42. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - PPBM
43. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
44. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
45. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
46. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
47. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
48. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
49. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
50. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
51. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
52. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
53. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
54. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
55. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
56. “ Tuan Pang Hok Liang [Labis] – DAP

57. Yang Berhormat Tuan P. Prbakaran [Batu] – PKR
58. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
59. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - PPBM
60. “ Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
61. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
62. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
63. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
64. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
65. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
66. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
67. “ Dr. Su Keong Siong [Kampar] – DAP
68. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
69. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
70. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
71. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
72. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
73. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
74. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
75. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
76. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
77. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
78. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
79. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
80. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
81. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
82. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - PPBM
83. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] - PPBM

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
3. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggaru] – UMNO
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO

8. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
9. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
10. “ Dato' Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
11. “ Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
12. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
13. “ Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
14. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
15. “ Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
16. “ Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
18. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
19. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
20. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
21. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
22. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
23. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
24. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
25. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P., S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
26. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
27. “ Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
28. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
29. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
30. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
31. “ Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
32. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
33. ‘ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
34. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO

35. Yang Berhormat Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
36. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
37. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
38. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
39. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
40. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [lgan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

8. Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBRs)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Halijah binti Mat Sin @ Md Zain
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nurammarah binti Md Isa
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Khamis, 24 Oktober 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari Isnin, 28 Oktober 2019, tiada persidangan Dewan Rakyat. Memandangkan pada hari Ahad, 27 Oktober 2019 adalah merupakan hari Deepavali. Persidangan Dewan Rakyat akan bersambung semula pada hari Selasa, 29 Oktober 2019 dengan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Belanjawan 2020 di peringkat dasar.

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ingin mengucapkan selamat menyambut hari Deepavali, Deepavali *Navvazhthukkal* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua penganut yang beragama Hindu yang akan menyambut perayaan tersebut... *[Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah pelarian yang berada di Malaysia di masa ini mengikut negara asal dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan mereka ini benar-benar berstatus pelarian dan menjamin keberadaan mereka tidak mengancam keselamatan negara.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia bukan negara anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1991 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Dasar negara juga sehingga kini tidak mempunyai peruntukan atau takrifan khusus yang menyentuh mengenai pelarian, termasuk Akta Imigresen 1959/63.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan arahan Majlis Keselamatan Negara, MKN No. 23, mekanisme pengurusan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR). Kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan PATI yang memegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini dengan menggunakan asas satu kes untuk satu kes ataupun *case-to-case basis*, dengan izin.

Atas pendirian ini, Pejabat UNHCR Kuala Lumpur menjalankan mandatnya untuk menentukan kelayakan seseorang mempunyai status pelarian di Malaysia sehingga 30 September 2019. UNHCR merekodkan sejumlah 177,943 orang PATI yang memegang kad UNHCR dan berdaftar dengan UNHCR dari 57 buah negara dan jumlah pendatang yang tertinggi adalah dari Myanmar seramai 153,591 orang, Pakistan 6,495 orang dan Yaman 3,568 orang.

Kerajaan pada masa ini sedang dalam proses rundingan bersama pihak UNHCR untuk memastikan agensi kerajaan juga turut dalam proses penentuan status pelarian yang dilaksanakan oleh pihak UNHCR.

Perkara ini dilaksanakan bagi menentu sahkan status pelarian yang diberikan kepada seseorang, di samping memastikan kepentingan negara khususnya dari segi aspek keselamatan diberikan keutamaan.

Saya turut menekankan kepentingan pelaksanaan strategi ini secara kolaboratif bersama pihak UNHCR dalam pertemuan saya dengan Pesuruhjaya Tinggi UNHCR, Tuan Filippo Grandi di Geneva, Switzerland pada 8 Oktober 2019 baru-baru ini. Selain itu, untuk menjaga kerangka polisi berkaitan pengurusan PATI yang memegang kad UNHCR yang lebih komprehensif, pihak Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri sedang menambah baik dan memperkemas Arahan No. 23 sebagai garis panduan kepada kementerian dan agensi kerajaan.

Sebagai usaha untuk memastikan keselamatan negara tidak dikompromi, pihak kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia senantiasa menjalankan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa terhadap keberadaan PATI dalam negara, termasuk PATI yang memegang kad UNHCR. Melalui 1 Januari hingga 21 Oktober 2019, sebanyak 14,482 operasi telah dilaksanakan untuk melibatkan pemeriksaan ke atas 169,760 orang warganegara asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu padat. Soalan tambahan saya ialah, adakah Malaysia telah mendapat kerjasama daripada agensi-agensi antarabangsa untuk menempatkan pelarian ini ke negara ketiga. Kalau ada, berapa ramai kah pelarian yang telah ditempatkan ke negara tersebut?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Depot Tahanan Imigresen Ajil yang dibuka pada tahun 2002. Persoalan saya, apakah kementerian tidak mempunyai cadangan untuk memindah depot tersebut? Oleh kerana ia tidak strategik, berada di tengah bandar dan bersebelahan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Ajil yang kita rasa amat tidak sesuai untuk masa sekarang keberadaan depot tersebut di kawasan tersebut. Pohon pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, menjawab dua minit, 30 saat.

■1010

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat, UNHCR juga turut menjalankan proses penempatan semula ke negara ketiga bagi parti yang memegang kad UNHCR tadi dan selain itu menghantar mereka pulang ke negara asal. Ini ialah antara tanggungjawab UNHCR di bawah mandat yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dari 1 Januari hingga 30 September 2019, seramai 2,318 orang PATI yang memegang kad UNHCR telah ditempatkan di negara ketiga. Antara negara ketiga yang dikenal pasti oleh UNHCR ialah Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Finland, Perancis, Jepun, Korea, New Zealand, Norway, Sweden dan *United Kingdom*.

Dalam pertemuan saya dengan Pesuruhjaya Tinggi UNHCR yang saya sebutkan tadi, saya telah menyarankan supaya UNHCR dan komuniti antarabangsa khususnya negara-negara konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 dan protokol mengenai Status Pelarian 1967 menyalurkan bantuan kewangan untuk membantu memenuhi keperluan PATI yang memegang kad UNHCR dan pemohon suaka yang berada di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita ada satu depot tahanan imigresen di Ajil. Ini luar sedikit daripada soalan tetapi saya boleh jawab. Tidak ada lagi, setakat ini rancangan untuk kita pindahkan ke tempat lain. Akan tetapi, oleh sebab dah dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil daripada BERSATU, saya sebagai Presiden kena beri perhatian. *Insyallah*, terima kasih [Ketawa]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada pelarian dan juga PATI yang datang ke negara kita, kemungkinan besar ada anak-anak yang dilahirkan di dalam negara kita daripada pelarian dan juga PATI di dalam negara kita.

Baru-baru ini kita digemparkan apabila 1.4 juta ada sijil kelahiran tetapi tiada MyKad. Adakah ada jaminan daripada kerajaan, anak-anak pelarian dan juga PATI ini tidak mendapat sijil kelahiran dan juga tidak mendapat MyKad bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara. Mohon jawapan pada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedari perkara itu berlaku kerana isu pelarian ini bukan baru dah sekian lama. Pasti dalam tempoh mereka berada di Malaysia ada yang sudah berkahwin, ada yang berkahwin baru dan sebagainya, tentunya melahirkan anak mereka di sini. Akan tetapi, status mereka adalah tetap, status sebagai anak kepada pelarian.

Cuma yang penting di sini untuk direkodkan, fasal kita hendak pastikan semuanya ada dalam rekod kita. Jadi, kita akan bekerjasama dengan UNHCR supaya mungkin kad baru juga boleh dikeluarkan. Tidak bermakna dengan itu, mereka boleh mendapat status warganegara. Itu ada peruntukan Perlembagaan dan undang-undang lain yang perlu kita patuhi.

Apa yang penting ialah supaya setiap apa yang berlaku di kalangan *refugee* ataupun pelarian di Malaysia ini sama ada taraf dia UNHCR ataupun tidak itu mesti ada rekod. Apa yang penting untuk kita mengetahui di mana mereka berada, apa yang mereka lakukan dan juga mungkin isu-isu yang berbangkit soal persekolahan mereka, soal kesihatan mereka. Ini perlu kita ambil perhatian. Terima kasih.

2. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Pertahanan menyatakan berkenaan kempen derma Tabung Pahlawan 2019 seperti berikut:

- (a) pada 21 Oktober 2019 yang baru lalu, pihak kementerian telah menganjurkan majlis makan malam bagi kutipan derma Tabung Pahlawan; apakah tujuan sebenar penganjuran ini; dan
- (b) apakah strategi yang diambil oleh kementerian dalam Kempen Tabung Pahlawan 2019 untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menyumbang kepada tabung berkenaan dan berapakah nilai kutipan Tabung Pahlawan yang telah berjaya diperoleh sehingga kini.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Tampin. Sebelum saya menjawab pertanyaan, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Parlimen Malaysia atas kebenaran yang diberikan untuk Kementerian Pertahanan mengadakan kempen kutipan Tabung Pahlawan di koridor Parlimen pada 15 dan 16 Oktober 2019. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengeluarkan derma ikhlas semasa kempen berkenaan berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Makan Malam Amal Kempen Tabung Pahlawan telah diadakan pada 21 Oktober di Dewan Perkasa Wisma Perwira ATM, dianjurkan bertujuan untuk tanda penghargaan Kementerian Pertahanan kepada semua penyumbang-penyumbang kempen Tabung Pahlawan 2019. Kementerian Pertahanan telah menggunakan pelbagai platform dalam strategi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bagi memberi sumbangan kepada tabung kempen Tabung Pahlawan.

Penganjuran program Semarak Kasih Veteran seperti *food for* gelandangan dan kempen derma darah. Promosikan kempen Tabung Pahlawan melalui pelbagai media. Kutipan jalanan oleh persatuan-persatuan veteran. Kerjasama dengan lain-lain kementerian telah diadakan, termasuklah Kementerian Multimedia yang telah membantu untuk menyiarkan iklan promosi-promosi mengenai kempen Tabung Pahlawan serta kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghebahkan pelaksanaan kempen Tabung Pahlawan di semua institusi pengajian di seluruh negara.

Kita *target* untuk mengutip pada tahun ini sebanyak RM6 juta, berdasarkan kutipan-kutipan sebelum ini iaitu sekitar RM3 hingga RM4 juta. Di mana yang banyaknya datang daripada sumbangan kerajaan. Oleh itu, kita meletakkan *target* untuk kutipan tahun ini melalui malam jamuan itu sebanyak RM6 juta. *Alhamdulillah*, kita memperoleh RM9.5 juta. Inilah rekod kutipan yang diperoleh oleh kempen untuk memperingati Tabung Pahlawan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada penderma-penderma.

Memang kali ini penyumbang terbesar tabung ini adalah daripada mereka yang tidak ada perniagaan dengan MinDef. Penyumbang yang terbesar RM1.6 juta seorang *businessman* daripada Sarawak. Ini telah ada kesedaran di kalangan masyarakat bahawa perniagaan mereka dapat berjalan dengan baik di antaranya kerana negara ini berada dalam keadaan aman. Maka, timbal balas itu mereka sumbang kepada tabung ini dan saya amat berterima kasih melebihi *target* yang kita letakkan iaitu sebanyak RM6 juta kepada RM9.5 juta. Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan. Dewan ini mengalu-alukan pelawat daripada Sekolah Menengah Sains Alam Shah, Cheras... [Tepuk]

Saya ingin merakamkan tahniah atas usaha bersungguh-sungguh dalam kempen Tabung Pahlawan 2019, dengan kutipan melebihi daripada sasaran. Soalan saya ialah ke manakah wang itu akan dibelanjakan dan apakah inisiatif lain kementerian dalam memastikan sosioekonomi golongan veteran ATM terus diperkasa, seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dana yang terkumpul ini akan disalurkan ke dalam akaun Tabung Rayuan Hari Pahlawan di bawah seliaan Yayasan Veteran ATM. Ia digunakan untuk memberi bantuan kepada veteran ATM dan keluarga mereka yang memerlukan bantuan seperti bantuan sara hidup bagi mereka yang tidak berkemampuan dan tercedera, keperluan perubatan dan peralatan, bantuan pendidikan sekolah dan pengajian tinggi dan bantuan lain-lain yang berunsurkan kebajikan termasuklah bencana alam, kebakaran dan sebagainya. Memanglah bila veteran ini kita tahu umur semakin meningkat, maka bantuan untuk kesihatan itu amat perlu dipertingkatkan.

Peranan Yayasan Veteran ATM dengan kempen Tabung Pahlawan, Yayasan Veteran ATM ditubuhkan untuk membantu JHEV ATM dalam hal-hal kebajikan veteran ATM. Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM adalah sebuah jabatan kerajaan. Jabatan kerajaan tidak boleh menerima dana sumbangan dan derma daripada syarikat atau orang ramai. Maka, diberi kepada yayasan untuk mengendalikan wang itu. Ketua Pengarah JHEV adalah Timbalan Pengerusi Yayasan Veteran ATM.

■1020

Jawatankuasa tahun 2019 akan menetapkan jenis sumbangan dan jumlah sumbangan kepada veteran ATM dan persatuan veteran. Duit ini akan diagihkan sebaik-baiknya dan dikawal dengan begitu teliti. Yayasan Veteran ATM berperanan sebagai pemegang akaun di dalam tabung ini. Tema untuk kita terus berkempen lagi dan saya mengharapkan sebelum akhir tahun ini kita akan mencapai sekurang-kurangnya RM10 juta kutipan untuk kita dapat memberi bantuan kepada veteran-veteran Angkatan Tentera Malaysia. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak puas hati. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memandang tinggi usaha kementerian ini kerana kita mesti bantu veteran ATM, itu perkara pokoknya. Akan tetapi persoalannya Yang Berhormat Menteri, kutipan RM9.5 juta ini tidak perlu dibanggakan kerana apa jumlah veteran lebih kurang hampir 95 ribu kalau dibahagikan dengan RM9.5 juta ini lebih kurang RM100 sahaja untuk seorang. Jadi, apakah strategi kementerian yang lebih nampak realistik daripada kita buat kutipan jalanan, malu veteran, Yang Berhormat Menteri.

Kutip dari satu tabung ke satu tabung. Selepas itu, kerajaan kata hendak bagi geran, kutip RM100 dapat RM100 daripada pihak kerajaan. Adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan supaya minta dengan kerajaan-kerajaan negeri ini tanah supaya yayasan ini dapat berniaga dan akhirnya keuntungan ini dapat disalurkan kepada tabung veteran ini, tabung pahlawan ini. Ini kerana ini yang lebih penting kerana nasib mereka perlu dibela, minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Membantu veteran adalah banyak hal perumahan, kesihatan dan ada peruntukan di Jabatan Hal Ehwal Veteran. Akan tetapi hari ini adalah soalan tentang Tabung Kempen Pahlawan, maka saya tumpu kepada jawapan itu.

Bukan soal malu yang pentingnya kita hendak *create awareness* iaitu kesedaran tentang peranan yang dimainkan oleh angkatan tentera.

Kalau kita pergi ke England, selepas sahaja imigresen sudah ada bunga popi, tabung popi diletakkan di situ. Bukan Kerajaan *United Kingdom* tidak mampu untuk membantu veteran tetapi kita lihat semua pemimpin pegawai kerajaan Ahli Parlimen pakai bunga popi menandakan mereka menghormati peranan angkatan tentera mereka. Begitu juga di Australia, peruntukan dan penghormatan kepada veteran begitu tinggi. Anak-anak sekolah dibawa ke Muzium Tentera setiap minggu untuk memperingatkan mereka bahawa Australia menjadi begitu hebat di antaranya pengorbanan daripada angkatan tentera mereka.

Di Malaysia ini sampai ada yang mengatakan bahawa tentera makan, tidur. Ini kerana *awareness* di kalangan rakyat itu telah berkurangan. Sebab itulah kempen seperti ini perlu digerakkan. Kita dahulu di sekolah ada datang, orang datang untuk meminta Tabung Hari Pahlawan dan kita beri 10 sen, 20 sen, sekupang, dua kupang. Bukan itu nilai yang dilihat dari sudut angka itu, tetapi *awareness*. Ini yang perlu ditekankan dan saya sebut pada tahun ini.

Di antara penderma yang tinggi mereka yang tidak berniaga dengan ATM. Ini bermakna bahawa sudah ada kesedaran bahawa mereka dapat berniaga, mereka dapat jadi korporat yang hebat kerana negara ini aman, *awareness* inilah yang perlu kita terus berkempen di samping pihak kerajaan akan terus memohon bantuan-bantuan tambahan pada masa akan datang terutama mewujudkan pekerjaan yang kedua kepada veteran yang telah bersara supaya mereka bersara dalam umur yang begitu muda 40 tahun, 41 tahun, mereka perlu kepada pekerjaan yang kedua.

Ini terus kita akan jalankan dari semasa ke semasa tetapi kempen tabung ini akan kita pergiatkan untuk mewujudkan kesedaran umum terhadap pengorbanan pasukan keselamatan yang telah berjasa sehingga kita boleh berada mengamalkan demokrasi di Malaysia ini dengan baik kerana keselamatan negara terjamin sekarang ini. Terima kasih.

3. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam rangka mengangkat agenda *Rahmatan lil alamin* dalam pentadbiran Islam di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]: Terima kasih.

*Tegak perjuangan seperti Jebat;
Epik wira Melayu lama;
Suara Kapar sentiasa hebat;
Suara rakyat tetap terutama... [Tepuk]*

Tiga teras Tuan Yang di-Pertua terbina di atas *Rahmatan lil alamin* iaitu pertama Gagasan Rahmah Islam yang mengikuti cara bagaimana Islam itu tersebar secara *rahmah*. Kedua, ialah prinsip *maqasid* syariah dan ketiga, ialah model Malaysia yang menjadi panduan dalam pelaksanaan Islam. Jadi, Malaysia tanpa meninggalkan prinsip-prinsip yang teras dan asas. Dari usaha ini kita telah pun memulakannya sejak tahun 2018 dan kita telah pun menjelaskan dalam program penerangan dan penjelasan pembudayaan dan penyelarasan.

Adalah penting untuk saya maklumkan juga di Dewan yang mulia ini bahawa dasar ini telah pun dibawa ke pengetahuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila Baginda bertitah pada 11 Mac 2019 dengan menyatakan sokongan mempromosi nilai dan budaya kerja melalui pendekatan *Rahmatan lil alamin*.

Pada 14 Mac 2019, perkara ini telah dibawa untuk pengetahuan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam. Di dalam majlis itu telah diperbincangkan dan di situ telah menerima sebulat suara bahawa pentadbiran Islam hari ini adalah berdasarkan kepada gagasan untuk kita membina sebuah masyarakat dan negara *rahmah*.

Yang lebih utama, pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254, pada 4 Julai 2019, Majlis Raja-Raja telah memberi perkenan kepada dasar baru ini yang telah kita persembahkan dan dimaklumkan kepada Majlis Raja-Raja.

Negeri-negeri yang telah kami pergi untuk menyampaikan dalam program penerangan penjelasan, Melaka, Perak, Selangor, Kedah, Sarawak, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan. Manakala negeri-negeri yang telah pun melancarkan Program Rahmah di peringkat negeri ialah Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Wilayah Persekutuan, Perak dan Negeri Sembilan.

Dari sudut *engagement*, kita telah membuat libat urus dengan kementerian-kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Wanita dan Keluarga, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan. Dalam rangka kita menjelaskan dasar-dasar ini, pihak Kementerian Pertahanan telah pun memberikan ruang untuk kami menjelaskan dasar ini termasuk juga Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar ini *insya-Allah* pada esok hari akan dibentangkan dalam memorandum untuk diterima dan dibahaskan di peringkat Majlis Jemaah Menteri, doakan agar dasar ini akan menjadi *way forward* dalam kita membawa dasar-dasar Islam di dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua membantu rakyat menyelesaikan penghidupan dari kesusahan derita dan sengsara kepada keselesaan dan keamanan daripada tidak mengundang masalah rakyat berterusan dalam rangka Islam. Apakah langkah kerajaan untuk rakyat menghadapi, memahami dan tidak terkecuali Menteri-Menteri, agenda *Rahmatan lil alamin* itu dapat diselesaikan dalam sasaran kejayaan tersebut? Mohon penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Terima kasih juga kerana memperingatkan kami tentang tanggungjawab ini oleh kerana dia adalah merupakan dasar kerajaan maka sudah tentu apabila ia diterima, ia akan diterima oleh keseluruhan Kabinet dan keseluruhan Menteri. Saya sudah membuat *engagement* dengan pelbagai kementerian dan setakat ini mereka memang positif. Saya boleh rujuk kepada Kementerian Luar Negeri mereka telah mengambil dasar rahmatan ini sebagai salah satu kata kata elemen dalam Dasar Luar Negara.

Saya juga telah memberi input kepada Kementerian Pertahanan yang kita menanti Kertas Putih yang akan dibentangkan juga telah kami memberi pandangan kami kepada Kementerian Pertahanan. Termasuk Kementerian Kesihatan, termasuk Kementerian Pendidikan dan hasrat ini diterjemahkan dalam bajet baru-baru ini di mana Kementerian Kewangan yang saya pun telah *engage* untuk menjelaskan dasar ini telah memperuntukkan RM10 juta bagi menjayakan program ini.

■1030

Doakan, *insya-Allah* bukan sahaja Menteri, bukan sahaja Ahli Parlimen, saya juga bersedia untuk menjelaskan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang di sebelah sana tentang dasar ini kerana ia bukan dasar politik atau kepentingan diri tetapi ia merupakan dasar merentas kepentingan politik dan menjadi satu dasar yang kita akan bangga bukan sahaja di Malaysia tetapi menjadi model kepada seluruh dunia.

Jadi doa-doa agar 2020 satu lagi petanda aras kejayaan kita untuk membawa Malaysia Baharu ini dengan naratif *Rahmatan lil alamin*. Saya juga telah membuat pertemuan dengan Duta-duta Kesatuan Eropah untuk menjelaskan dasar ini. Saya juga telah membuat pertemuan dengan Duta-duta OIC untuk menjelaskan dasar Malaysia ini.

Insya-Allah jika tiada aral melintang, pada bulan November saya akan membentangkan dasar ini di *Cambridge University* bagi menjelaskan betapa hari ini dasar *Rahmatan lil alamin* ini sifatnya progresif, inklusif dan amat-amat rapat dengan SDG yang Malaysia merupakan salah satu daripada yang menandatangani *sustainable development goals*. Terima kasih, Yang Berhormat Kapar kerana memberi sokongan kepada dasar hari ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya tertariklah dengan agenda *Rahmatan lil alamin* ini progresif, inklusif dan sebagainya tetapi ini semua perkataan yang tidak ada maknanya sekiranya tidak betul-betul memberikan rahmat kepada rakyat khususnya dalam pentadbiran Islam itu.

Jadi antara institusi yang perlu diperkasakan ialah Mahkamah Syariah. Saya mendapat banyak aduan daripada terutama sekali kalangan wanita khusus dalam kes-kes kahwin cerai dan sebagainya tanpa penguatkuasaan berkait nafkah anak dan sebagainya yang tidak dapat dikuatkuasakan menjadi zalim kepada mereka yang mana perlukan kepada kuasa yang lebih diberi kepada Mahkamah Syariah. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian di dalam memperkasakan lagi bidang kuasa Mahkamah Syariah? Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu di atas soalan yang kebetulan bersandarkan kepada dasar ini yang terbina atas tiga teras yang saya sebutkan tadi. Pihak JKSM melalui dasar ini telah pun menubuhkan satu mahkamah khas yang dinamakan sebagai mahkamah Bahagian Nafkah dan Hadanah.

Ini melibatkan soal aduan yang memang saya amat bersetuju Yang Berhormat Kuala Terengganu bahawa ini menjadi suatu masalah kepada wanita-wanita yang tidak dibela. Kami di dalam mahkamah ini juga telah membuat satu peruntukan penguatkuasaan iaitu bailif yang gagal memenuhi keputusan Mahkamah Syariah yang boleh diambil tindakan seperti membekukan hartanya ataupun boleh diambil daripada *bank account* ataupun KWSP untuk dibayar seperti mana yang telah diputuskan.

Akan tetapi saya ingin jelaskan, walaupun keputusan itu telah dipersetujui oleh Majlis Jemaah Menteri kerana ia tidak melibatkan apa-apa akta yang dia hanya berkuasa di wilayah sahaja. Kita hendak jelaskan apabila kita cuba membuat tindakan susulan dengan pihak-pihak lain yang akan terlibat dalam penguatkuasaan ini, kita terpaksa berbincang dengan Kementerian Kewangan kerana di dalam akta bukan di bawah kami tetapi akta dalam Bank Negara, keputusan Mahkamah Syariah tidak terikat. Ini masalah kita. Keputusan Mahkamah Syariah tidak terikat kepada akta tersebut.

Begitu juga dengan KWSP. Jadi setelah kita membuka ruang untuk melihat bagaimana wanita-wanita ini perlu dibela melalui Mahkamah Syariah. Kami sekarang dalam perundingan yang amat intensif dengan pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk berbincang bagaimana kita hendak jadikan keputusan Mahkamah Syariah ini juga terikat di dalam akta mereka.

Terima kasih kerana prihatin kepada isu ini, *insya-Allah* bekalkan kejelasan *rahmatan lil alamin* bukan sahaja isu mahkamah tetapi juga isu keharmonian, isu kita kata melibatkan ekonomi, isu melibatkan berbagai-bagai aspek yang memantulkan konsep, "*Wama arsanalka illa Rahmatan lil alamin*", kita akan terokai dan kita akan lakukan dengan baik dengan syarat di sebelah sana juga menyokong sebagai ianya dasar kerajaan, bukan dasar parti. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, langkah diambil menurunkan kuasa kepada Jabatan Pelajaran Sabah dan Sarawak, untuk memperbaiki dan menaik taraf sekolah-sekolah luar bandar, demi meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar di kedua-dua negeri di seberang Laut China Selatan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Perkara 74 dan 80 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan dan kuasa eksekutif dalam perkara berkaitan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam item 13, Senarai Pertama, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru negara kita melaksanakan Sistem Pendidikan Berpusat dan semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang menjadi rujukan utama berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan memberikan perhatian kepada sekolah yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan serta naik taraf kemudahan institusi pendidikan seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Bagi memperkasakan penyelenggaraan, aset bangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di sekolah dan institusi pendidikan kerajaan di Sabah dan Sarawak. KPM telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM27.49 juta pada JPN Sabah iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan RM16.64 juta kepada JPN Sarawak pada tahun 2019.

Peruntukan yang disalurkan adalah untuk mengekalkan fungsi aset berkenaan, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala, dengan izin, *periodical maintenance* dan penyelenggaraan pembaikan, dengan izin, *corrective maintenance* berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Bagi menambah baik dan mempercepatkan lagi proses berkaitan perolehan melibatkan institusi pendidikan, KPM di Sabah dan Sarawak pegawai KPM melalui Jadual Perwakilan Kuasa bagi pengurusan perolehan berkala dan perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 15 Julai 2019 telah menurunkan kuasa kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah dan Sarawak untuk meluluskan perolehan secara tender sehingga RM5 juta.

KPM percaya langkah ini dapat mempercepatkan lagi kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf sekolah-sekolah dalam usaha untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek adalah masih bergantung dan tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 182 yang menyatakan bahawa pelaksanaan projek-projek pembangunan di KPM adalah dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal iaitu pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Bolehkah saya simpulkan berkenaan jawapan yang panjang itu penurunan kuasa itu- melainkan penurunan kuasa yang diberi oleh perolehan tender negeri. Tidak ada penurunan kuasa yang lain diturunkan kepada pihak negeri.

Satu lagi saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah langkah-langkah proaktif Kementerian Pelajaran dalam masa jangka masa panjang untuk memastikan keseimbangan pembangunan pendidikan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak sejajar dengan apa yang dirancang iaitu menyediakan rancangan kehidupan yang lebih wajar atau *decent standard of living*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sipitang.

■1040

Saya ingin memaklumkan bahawa beberapa perubahan yang telah dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan terutamanya untuk Sabah dan Sarawak. Saya hendak beri contoh, seperti pada bulan Ogos ini untuk negeri Sarawak, kita telah memberi kuasa pemilihan kontraktor bagi setiap projek yang di bawah Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak. Jadi, ini adalah kuasa baharu yang telah diberikan kepada LPP Sarawak. Selain daripada itu, LPP itu perlu ada wakil daripada KPM dan juga wakil Perbendaharaan Malaysia daripada Kementerian Kewangan.

Selain daripada itu, had nilai dan kuasa LPP Sarawak telah ditingkatkan daripada RM30 juta kepada RM40 juta. Projek di negeri Sarawak juga akan dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Jadi, ini merupakan kuasa yang telah diturunkan kepada Sarawak. Sama juga untuk di Sabah, di mana kita telah mewujudkan satu jawatankuasa tender khas di peringkat negeri di mana Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah adalah pengerusi dan juga mempunyai wakil daripada Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah, wakil daripada Kementerian Kewangan, wakil daripada Kementerian Pendidikan dan juga wakil daripada KKR. Selain itu, semua projek juga dilaksanakan oleh JKR Sabah.

Jadi, ini merupakan kaedah-kaedah baharu yang kami turunkan kuasa kepada negeri-negeri supaya projek boleh dilaksanakan dengan lebih cepat. Sekian, jawapan saya.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu sekolah daif dan peruntukan. Kita masih ingat semasa Barisan Nasional memerintah dahulu, kita telah menganggarkan lebih kurang *at least* RM1 bilion perlu diperuntukkan setiap tahun ataupun dalam beberapa tahun dan itu pun telah diberikan untuk Sabah dan Sarawak. Akan tetapi selepas PH mengambil alih kerajaan, peruntukan itu sudah kucar kacir.

Bagi Sarawak, kita telah membuat satu pendirian ataupun persetujuan bahawa dengan kontrak yang dikehendaki oleh Menteri Kewangan bahawa Sarawak perlu membayar RM1 bilion dan kita telah pun membayar RM350 juta. Apakah status duit ini sekarang? Berapakah jumlah sekolah atau peruntukan yang telah dipersetujui dan diperuntukkan untuk Sarawak untuk menggunakan duit sebanyak ini setakat sekarang? Senaraikan kalau boleh, projek-projek yang akan dilaksanakan. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Kanowit. Untuk tahun 2019, peruntukan yang telah diberikan kepada negeri Sarawak untuk projek-projek sekolah daif adalah sebanyak RM100 juta dan juga ditambah daripada bayaran daripada Kerajaan Negeri Sarawak iaitu RM350 juta. Peruntukan RM100 juta itu kita telah senaraikan 32 buah projek dan juga untuk RM350 juta itu selepas perbincangan dengan kerajaan negeri, kita telah senaraikan 37 buah projek. Jadi saya rasa tidak perlu lah saya baca satu demi satu, tetapi saya akan berikan senarai secara bertulis. Terima kasih.

2. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah kerajaan melihat kempen Dahulukan Produk Muslim (#BMF) ini dapat memberi kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong untuk pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang lain, yang dijadualkan bagi soalan yang sama dan ada kaitan iaitu Yang Berhormat Bukit Bintang pada 7 Oktober, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Tumpat pada 6 November, Yang Berhormat Sekijang pada 14 November, Yang Berhormat Tumpat pada 18 November, Yang Berhormat Hulu Terengganu pada 21 November dan Yang Berhormat Bachok pada 3 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi kementerian adalah untuk mewujudkan satu ekosistem perniagaan yang sihat dan kondusif kepada komuniti ekonomi dan juga pengguna. Iklim perniagaan yang positif dan kondusif menyuburkan amalan persaingan dalam perniagaan, harga yang kompetitif, produk atau perkhidmatan yang berkualiti, tidak mengabaikan aspek halal, melindungi hak pengguna dan menghormati pilihan pengguna. Berdasarkan kepada landasan ini, maka kementerian mengambil peranan untuk terus mempromosikan, "Beli Barangan Buatan Malaysia."

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Parit Sulong menjurus kepada kesan terhadap kempen ataupun penganjuran, 'dahulukan produk Muslim'. Untuk bercakap tentang kesan, kita harus melihat dari segi angka dan statistik. Setakat ini sedang kita menjawab soalan ini iaitu pada bulan Oktober, statistik terakhir kalau hendak dilihat dari segi sektor perdagangan, borong dan runcit, ia cuma memberikan angka terakhir setakat *quarter* kedua pada tahun ini.

Setakat ini, kedudukan sumbangan perdagangan dalam sektor runcit terus berkembang baik mencatatkan 7.5 peratus kepada KDNK negara, perdagangan borong 7.5 peratus. Masing-masing memberikan total sumbangan kepada KDNK berjumlah hampir RM58 bilion. Oleh sebab kempen yang disebut Yang Berhormat dalam soalan hanya bermula sekitar Julai hingga Ogos, setakat ini kementerian bahkan kerajaan belum ada apa-apa statistik untuk mengaitkan kempen itu dan kesan sama ada baik ataupun buruk kepada ekonomi. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri soalan ini dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak hendak pun menyebut perkataan BMF tersebut. Sebenarnya Yang Berhormat, kempen BMF ini juga adalah salah satu kepada kempen barangan Malaysia.

Antara lain usahanya adalah untuk mempromosikan produk Malaysia selaras dengan usaha untuk menjadi peneraju industri halal global. Apa lagi 68.8 peratus daripada PKNS adalah peniaga bumiputera. Jadi, soalan saya adalah sejauh manakah Kementerian serius dalam menangani isu lambakan produk waswas yang diragui statusnya di pasaran? Apakah Kementerian akan mengkaji semak kelulusan lesen perniagaan kepada syarikat bukan Muslim yang memanipulasikan penggunaan nama ataupun logo berteraskan Islam? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Usaha Kementerian bukan sahaja Kementerian ini, bahkan Kementerian-kementerian lain dalam mempromosikan perdagangan akan sentiasa ditingkatkan bukan sahaja melalui kempen dalam negeri bahkan di luar negeri. Kalau boleh saya berkongsi beberapa contoh. Jepun sekarang sedang menganjurkan Piala Dunia Ragbi dan saya menyokong *All Black*, ia masuk *semifinal*. Tahun depan dia akan menganjurkan Sukan Olimpik.

Jadi, Kerajaan Jepun menjangkakan dua sukan ini akan menarik ramai pelancong Muslim. Lalu, Kerajaan Jepun meminta untuk Kerajaan Malaysia ikut membantu bagaimana memperkukuhkan industri halal bagi memenuhi permintaan ketika musim sukan ini. Itu satu contoh. Dalam banyak-banyak negara ini, Jepun tengok kepada kita sebab katanya sijil perakuan halal JAKIM diiktiraf hampir di 50 buah negara di dunia. Dia tidak percaya negara lain. Itu satu kebanggaan dan ini bukan usaha setahun dua ini, ini usaha berterusan yang telah dimulakan dahulu termasuk sahabat saya daripada Bagan Datuk, pernah duduk dalam Kementerian ini, Kementerian yang mengawal selia JAKIM.

Saya baru balik dari Sarajevo menyertai halal *fair* yang terbesar di Benua Eropah buat masa ini, sebelum London bulan Disember ini. Saya membawa 200 orang anggota delegasi dan membuka *Malaysian Pavilion*, 20 buah syarikat mempamerkan. Hasilnya, kita telah menandatangani perjanjian di antara *Perak Halal Corporation* dengan sebuah syarikat tempatan untuk membekalkan ayam halal bagi seluruh Eropah kerana kedudukan strategik Bosnia Herzegovina sebagai *gateway* kepada Benua Eropah.

■1050

Di bawah bimbingan Kementerian, ini tidak termasuk Kementerian lain kita ada 1,850 usahawan PKS yang 80 peratus adalah industri F&B. Oleh kerana Kementerian ini juga kawal selia industri peruncitan, pasar raya besar yang bertapak di negara ini yang satu pasar raya ada 80 *outlets*, satu pasar raya ada 100 *outlets*. Melalui bimbingan kepada usahawan kita ini dalam melakukan pembungkusan yang baik, pelabelan yang baik, jaminan mutu, keselamatan makanan, aspek halal kita telah dapat mengetengahkan produk ini ke pasar raya-pasar raya ini.

Hasilnya, beberapa pencapaian kalau boleh saya sebut misalnya *Kopi Hang Tuah*, itu jualannya sudah tujuh angka; *Rempah Mak Siti*; kek *Frutissimo*; *Kicap Jalen* dan *Sos Jalen* itu jualannya semua sudah mencapai tujuh angka. Kebetulan pula daripada F&B ini, daripada 1,850 itu kebanyakannya adalah usahawan PKS bumiputera. Jadi pencapaian yang kami lakukan ini, kami percaya akan memberikan kesan yang baik kepada ekonomi negara dan kalau keadaan ekonomi negara berkembang baik kebaikan itu akan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri soalan saya, dalam masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama di Malaysia yang majmuk ini, adakah kempen Utamakan Produk Muslim (BMF) ini patut digalakkan. Apakah pendirian rasmi kerajaan?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Pendirian rasmi kerajaan berdiri di atas landasan yang telah saya sebutkan tadi iaitu apa pun usaha perdagangan baik penghasilan barangan atau perkhidmatan, pendirian rasmi kerajaan ialah pertama ia tidak boleh bersifat monopoli dan menyekat peluang orang lain. Makanya iklim persaingan perniagaan yang sihat adalah diutamakan.

Harga mesti kompetitif, produk mesti berkualiti, perkhidmatan mesti berkualiti, elemen halal tidak boleh diketepikan. Melindungi hak pengguna dan menghormati pilihan pengguna adalah landasan apa-apa program yang kerajaan hendak buat. Oleh sebab itu, kita tampil dengan kempen Beli Barangan Buatan Malaysia kerana rakyat Malaysia itu ada Melayu, ada Cina, ada India, ada Iban, ada Kadazan dan ada segala macam.

Jadi kita harus bergerak bersekali kerana itu lebih baik untuk kebaikan semua. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya nampak Yang Berhormat Menteri keliru dengan program *Buy Muslim First*. Pertamanya, ia bukan kempen boikot barangan *non-Muslim*.

Kedua, *Muslim product* juga adalah barang buatan Malaysia, itu sama- tidak ada bezu. Bila tidak boikot bermakna boleh membeli barangan buatan Muslim di dalam kedai-kedai *non-Muslim*. Di dalam *supermarket non-Muslim* dan sebagainya yang menjual produk Muslim.

Jadi saya keliru apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan kempen kesedaran pengguna. Apabila timbul kempen kesedaran pengguna di kalangan Muslim untuk membelikan produk yang benar-benar suci dan halal, kita tidak patut menyekat kerana ini juga merupakan kesedaran pengguna Muslim yang ingin melindungi hak mereka. Di dalam Kementerian, kempen kesedaran pengguna adalah supaya pengguna boleh membuat pilihan untuk kepentingan diri mereka, boleh membuat pembelian untuk menjaga kepentingan mereka.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri tidak keliru dan memberikan pandangan yang negatif kepada Kempen Beli Barangan Muslim kerana ia tidak ada kena mengena dengan memboikot barangan bukan Muslim dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bahkan tidak keliru sama sekali. Saya sangat jelas, *very clear in fact- crystal clear*. Dalam jawapan terhadap Yang Berhormat Parit Sulong dan jawapan tambahan beliau bahkan jawapan Yang Berhormat Pasir Gudang tidak langsung ada perkataan "*boikot*" dalam jawapan saya, tidak ada. Saya juga percaya sahabat saya Yang Berhormat Bera pun tidak keliru kerana jawapan itu sangat jelas.

Saya menyebut memberikan landasan ataupun prinsip dalam mengamalkan perdagangan yang baik, yang sepatutnya menjadi pendirian kerajaan dan saya gariskan. Daripada situ saya bergerak di atas landasan ini saya kemukakan beberapa contoh. Kemudian dalam beberapa contoh itu saya berikan satu, dua *success stories* dan saya mendaratkan jawapan saya itu dengan menyebut bahawa sebagai sebuah negara yang didiami oleh pelbagai kaum, saya fikir usaha untuk mengangkat usaha semua pihak.

Kalau di sana ada usaha yang dimulakan oleh usahawan Muslim, kita akan ikut mendukung. Kalau di sana usaha baik dalam sektor perdagangan runcit atau borong atau F&B yang diusahakan oleh rakan-rakan bukan Muslim, kerajaan juga akan ikut mendukung. Asal menepati prinsip dan landasan yang telah saya gariskan. Sekali lagi saya ulangi, saya tidak sama sekali terkeliru.

3. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, kesan Program Minggu Sains Negara terutama dalam meningkatkan minat rakyat Malaysia khususnya para pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017 telah bersetuju supaya Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menganjur dan menyelaras Minggu Sains Negara di seluruh negara setiap tahun dengan objektif:

- (i) meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI dalam kehidupan seharian;
- (ii) menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar yang memilih jurusan STEM selaras dengan agenda STEM negara; dan
- (iii) menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan kejayaan dalam bidang sains.

Tuan Yang di-Pertua, Minggu Sains Negara 2019 adalah merupakan kali kedua penganjurannya bertemakan *Sains untuk Kesejahteraan*. Dilaksanakan secara dua fasa iaitu fasa pertama pada 1 hingga 7 April 2019, melibatkan empat buah wilayah dan negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Fasa kedua pula telah dilaksanakan pada 2 hingga 9 Ogos 2019 di 10 buah negeri yang lain iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

Penganjuran Minggu Sains Negara 2019 telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Jumlah keseluruhan pengunjung yang dicatatkan adalah seramai 928,206 berbanding dengan tahun 2018 yang melibatkan seramai 88,000 orang sahaja. Jumlah ini menunjukkan peningkatan penglibatan hampir 11 kali ganda berbanding pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program interaktif yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan orang awam telah diadakan. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti eksperimen makmal, *science show*, *board blogging*, *blogging run*, cabaran robot, cabaran dron, *stargazing*, pertandingan sains dan inovasi, kempen plastik sekali guna dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, penganjuran Program Minggu Sains Negara secara keseluruhannya telah berjaya menarik minat penglibatan pelajar-pelajar sekolah yang signifikan. Berdasarkan kepada sambutan dan penyertaan yang menggalakkan khususnya daripada golongan pelajar dan belia di seluruh negara terhadap pertandingan yang diadakan seperti cabaran robotik, dron, pertandingan sains dan inovasi, pertandingan roket air dan lain-lain.

Secara umumnya Minggu Sains Negara dapat membantu dan menyumbang kepada peningkatan minat rakyat Malaysia khususnya para pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Program ini akan diteruskan dilaksanakan sebagai program tahunan kementerian dalam usaha pembudayaan ESTECC serta memupuk minat masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah dalam bidang STEM. Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Pertama sekali, saya ingin ambil kesempatan ini untuk ucapkan tahniah kepada Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya yang telah disenaraikan sebagai salah satu kedudukan 15 di dunia sebagai universiti untuk belajar *engineering* di dunia. Tahniah diucapkan kepada Universiti Malaya... [Tepuk]

Pada masa yang sama, pada bulan Mac yang lalu Menteri Pendidikan telah menyatakan bahawa jumlah pelajar STEM kian merosot kalau dibandingkan tahun 2018 dengan tahun 2012. 44 peratus pada tahun 2018, berbanding 49 peratus berbanding tahun 2012. Soalan saya, apakah yang akan diusahakan oleh kementerian dan kerajaan bila masa kita lihat peningkatan 11 kali ganda jumlah kehadiran di Minggu Sains Negara untuk secara konkrit, secara jelas meningkatkan jumlah pelajar STEM, terutama dari kawasan desa dan kampung? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan tambahan. Ya, kita memang dalam perancangan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lebih ramai penglibatan para pelajar yang akan mengambil jurusan STEM ini di masa SPM, di menengah atas. Dalam masa yang sama juga kita tidak mahu meninggalkan para pelajar yang berada di luar bandar. Kita mahu bawa Sains ini di seluruh negara.

Saya percaya juga kita perlu mencungkil lebih ramai bakat, terutamanya yang berada di luar bandar. Statistik yang kita ada setakat ini, kalau saya boleh baca sedikit. Ini kita ada Program ASTEC In Schools dan juga Program Singgah Sains, di mana Program ASTEC In Schools ini masih berterusan sehingga sekarang walaupun Minggu Sains Negara sudah berakhir. Kita juga mensasarkan 1 juta pelajar untuk *engagement*, untuk hadir dalam program-program ASTEC di sekolah.

Setakat ini, sehingga 18 Oktober 2019, kita telah pun mencapai 729,488 untuk Program *ASTEC in Schools* sahaja sehingga 18 Oktober. Kalau saya boleh *share* sedikit tentang penglibatan para pelajar. Ini adalah berdasarkan rakan strategik swasta kita kerana kita menyimpan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita menyimpan setiap data, setiap nama pelajar yang hadir ke program-program Minggu Sains Negara dan juga *ASTEC in Schools* ini, di mana untuk sekolah menengah, yang ini adalah berdasarkan rekod rakan strategik swasta kita.

Sekolah menengah bandar 132 sekolah, bilangan pelajar 58,239. Luar bandar, 96 sekolah, bilangan pelajar 57,922. Sekolah rendah pula, bandar 245 sekolah, bilangan pelajar 130,046. Luar bandar 269 buah sekolah, dengan bilangan pelajar 82,281. Kita percaya bahawa kita akan terus meningkatkan juga program-program ini di masa-masa akan datang. Kita juga mengambil *feedback* daripada semua pengunjung, responden yang memberikan komen-komen positif dan juga negatif dalam program kita ini. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, akhirnya. Baru-baru ini di muka depan akhbar, gaji jurutera tepu. Puluhan tahun tidak naik. Cadangan saya ialah, adakah kementerian berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah ini? Kalau kita mempromosi STEM tetapi apabila rakyat tahu gaji jurutera tidak naik 20 tahun, maka ia merupakan perkara yang tidak baik. Kedua ialah sekarang ini dunia berubah daripada STEM kepada *integrated STEM* ataupun *STEM bersepadu*. Adakah kementerian juga menuju ke arah itu? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Pontian kerana saya juga adalah bekas seorang jurutera sebelum ke arena politik. *Insyah-Allah* kita akan bawa perbincangan ini dengan Kementerian Sumber Manusia. Kita juga sentiasa mengalu-alukan apa-apa cadangan untuk meningkatkan dan mengalu-alukan mana-mana *proposal*, mana-mana cadangan tentang bagaimana kita untuk meningkatkan Minggu Sains Negara atau *ASTEC in Schools* atau apa-apa lagi program yang terlibat untuk kita sama-sama menarik minat para pelajar untuk STEM. Terima kasih.

4. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah terdapat sebarang keperluan perubahan *standard operating procedure* (SOP) bagi sebarang pertunjukan bersenjata yang dilakukan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia susulan daripada kematian seorang pegawai tentera tempoh hari.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Sebelum saya memulakan jawapan, saya minta yang beragama Islam membaca Al-Fatihah kepada Allahyarham Mohd Zahir. Al-Fatihah... [*Membaca al-Fatihah*]

Terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan oleh enam Ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan isu berkaitan kejadian nahas semasa menjalankan tugas yang telah menimpa Allahyarham Mejar Mohd Zahir bin Armaya, seorang Pegawai Komando dari Rejimen Ke-11, Gerak Khas pada 4 September 2019 yang lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini ialah Yang Berhormat Libaran 31 Oktober, Yang Berhormat Bukit Bintang 12 November dan pada 21 November pertanyaan oleh Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Jelutong, masing-masing pada soalan nombor 10, 12, 14 dan 36. Saya mengambil masa sedikit Tuan Yang di-Pertua, kerana agak panjang.

Pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menyentuh pelbagai perkara berkaitan kejadian ini seperti *standard operating procedures* latihan yang digunakan, hasil siasatan nahas, langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian tidak berulang, isu peluru hidup yang digunakan semasa latihan atau demonstrasi, standard baju kalis peluru yang digunakan dan bantuan yang dihulurkan kepada waris.

Saya yakin yang bertanya, Yang Berhormat Bagan Datuk biasa menjadi Menteri Pertahanan, amat arif hal-hal seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan *standard operating procedures* latihan dan arahan keselamatan yang telah dikeluarkan oleh Angkatan Tentera Malaysia adalah terperinci dan menyeluruh dalam menjamin keselamatan latihan.

SOP yang digunakan merangkumi aspek pentadbiran, pelaksanaan keselamatan latihan dan demonstrasi yang dilaksanakan. Namun demikian, pihak Markas Tentera Darat telah menubuhkan sebuah lembaga siasatan pada hari kejadian itu juga, pada 4 September 2019 bagi mengkaji, menilai dan meneliti secara menyeluruh semua aspek SOP latihan dan sebarang keperluan bagi mengelakkan perkara ini dari berulang.

Pada 25 September 2019 yang lalu, Markas Tentera Darat telah mengumumkan keputusan hasil siasatannya. Ini di mana lembaga siasatan mendapati insiden berkenaan diklasifikasikan sebagai keadaan terpencil dan ia merupakan kemalangan semasa latihan. Pihak lembaga siasatan juga mendapati peralatan dan kelengkapan yang digunakan semasa latihan tersebut berada dalam keadaan baik dan kejadian ini adalah kejadian yang pertama selepas 15 tahun.

Sebagai maklumat Dewan yang mulia ini, dalam gimik demonstrasi semasa kejadian berkenaan, SOP latihan yang digunakan adalah prosedur tetap latihan Bab V, seksyen 21, *confident shooting*. Seksyen 22, *body armour confident shooting* dengan menggunakan peluru hidup. Penggunaan peluru hidup sememangnya telah dilaksanakan oleh pasukan khusus serata dunia. Latihan seperti ini jelas dapat melahirkan anggota Gerak Khas atau Pasukan Khusus yang kompeten dan berkeyakinan tinggi untuk menghadapi operasi khusus, terutama semasa operasi menyelamatkan tebusan dalam situasi *hostile*.

Dari segi risiko latihan menggunakan peluru hidup, pihak kementerian tidak menafikan risiko yang terdedah kepada anggota yang terlibat dengan latihan sebegini. Namun, ia adalah setimpal dengan hasil yang diperolehi berdasarkan kepada kemampuan 21 Group Khas menyediakan pengawal dan anggota berkeyakinan tinggi dan bermotivasi untuk terus melaksanakan misi khusus dan strategik negara.

■1110

Justeru itu, latihan sebegini akan diteruskan bagi mengekalkan dan meningkatkan kompetensi pasukan khusus. Namun begitu seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, pihak ATM akan meneliti semula SOP latihan melalui penubuhan sebuah *team* khas untuk membuat penambahbaikan SOP sedia ada agar kejadian yang sama tidak berulang.

Bagi isu baju kalis peluru yang digunakan pula, standard baju kalis peluru yang digunakan semasa demonstrasi berkenaan adalah mengikut piawaian-piawaian *Nasional Institute of Justice Level III United States* di mana sesuai digunakan untuk operasi dan latihan tempur jarak dekat tentera darat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian amat prihatin ke atas nasib yang menimpa kepada waris dan anak-anak yang ditinggalkan. Bagi menghargai jasa yang telah dicurahkan, Allahyarham Mejar Mohd Zahir bin Armaya telah disokong dan dinaikkan pangkat kepada Leftenan Kolonel oleh Majlis Angkatan Tentera Ke-578 yang bersidang pada 17 September 2019 serta telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Manakala antara bantuan yang telah dan sedang diusahakan bagi membantu waris dan anak-anak Allahyarham ialah:

- (i) bantuan pengurusan jenazah sebanyak RM3000 tunai daripada Markas Tentera Darat telah diberikan terus kepada waris bagi menguruskan jenazah Allahyarham;
- (ii) bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara sebanyak RM22,000 akan diberikan kepada waris dan anak-anak secara *one-off*. Bantuan dalam proses kelulusan TAPPN. Menteri Pertahanan tahulah perkataan TAPPN itu;
- (iii) waris dan anak-anak Allahyarham akan menerima bantuan daripada Skim Takaful Berkelompok ATM bagi khairat kematian sebanyak RM3,000 dan manfaat caruman skim dengan nilai RM16,000 tertakluk kepada bilangan unit yang telah dicarum oleh Allahyarham;
- (iv) faedah kematian yang boleh diberikan kepada tanggungan, balu, anak dan ibu bapa Allahyarham berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Angkatan Tetap Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain 1982;
- (v) pencen terbitan dan ganjaran terbitan, faedah gantian cuti rehat, pencen orang tanggungan yang diberikan kepada balu, 1/4 dan setiap orang anak 1/24 dan ibu bapa 1/8; dan
- (vi) *ex-gratia* orang tanggungan yang diberikan kepada balu, 3/5 daripada jumlah keseluruhan dan anak 2/5 daripada jumlah keseluruhan.

Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Sahabat saya Yang Berhormat Menteri Pertahanan, saya amat kagum dengan keprihatinan Yang Berhormat sejak mengambil alih jawatan sebagai Menteri Pertahanan. Bukan sahaja melonjakkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, memberikan amaran kepada negara-negara dan kuasa besar. *Elephant and an elephant fight, grass will suffer*. Saya juga peminat kepada roti *John* dan ini merupakan satu *military diplomacy* yang cukup baik.

Saya fikir ramai lagi pemuka-pemuka tentera antarabangsa yang minat dengan roti *John* seperti saya. Oleh yang demikian, keprihatinan di dalam negara, saya lihat menurun dengan segera terutamanya apabila janji-janji tidak dapat ditunaikan. Janji kepada pegawai dan anggota tentera tidak terlaksana, mereka berasa kecewa. Begitu juga dengan elauan Komando yang dahulunya RM900 sebulan diberikan.

Soalan saya, selain daripada insentif, selain daripada *compensation*, dengan izin, yang diberikan kepada Allahyarham Mejar, sekarang Leftenan Kolonel Mohd Zahir bin Armaya, kita harus melihat bahawa selain daripada SOP yang telah disebutkan tadi, harus ada langkah-langkah yang lebih proaktif untuk menentukan supaya kejadian yang sama tidak berulang dan saya fikir menggunakan peluru hidup tidak lagi sesuai dalam keadaan sekarang.

Apatah lagi apabila perkakasan pada anggota itu telah usang dan saya faham bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan pun tidak memberikan peruntukan kepada MinDef walaupun dalam bajet yang lalu nampak ada kenaikan tetapi saya faham. Saya amat simpati dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana bajet sebenarnya untuk perkakasan dan untuk kebajikan tentera tidak dipedulikan pun. Saya amat simpati dengan pegawai dan kakitangan ataupun pegawai rendah Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tak tanya pun soalan hal ini, berkaitan roti *John* ini apa cerita? Itu orang yang menyebut hal roti *John* bukan saya sebut tetapi Bekas Menteri Pertahanan, sebab itulah kena duduk sebelah sana. Sebab sikapnya begini. Tanyalah soalan hal ini dan memang peruntukan Kementerian Pertahanan meningkat 12 peratus pada tahun ini bukan berkurangan. Tadi kita sebut Lembaga Tabung Angkatan Tentera, kita kutip RM9 juta, yang *target* kita RM6 juta. Sebelum itu, zaman sebelum ini kutipan RM2 juta ke RM3 juta, kerajaan yang beri RM2 juta atau RM5 juta. Sekarang kita kutip sendiri dah ada RM9 juta. Ini tanda prihatin kita.

Soal latihan menggunakan peluru hidup akan diteruskan. Ini adalah menunjukkan—ini adalah satu *accident* yang berlaku dalam masa 15 tahun dan pihak yang membuat siasatan itu sekarang ini mengatakan bahawa untuk SOP dilihat dan diperbaiki, itu adalah satu perkara yang penting. Akan tetapi pasukan Komando mesti berani dan Komando Malaysia memang terkenal terutama kita lihat tentera kita dalam operasi di Somalia dan baru ini Tentera Laut kita dalam latihan di Laut Pasifik menyelamatkan tentera Amerika. Jadi, kebolehan tentera kita memang hebat di peringkat dalam negeri atau peringkat antarabangsa. Soal kebajikan mereka, kita akan tingkatkan daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersimpati dengan ahli pasukan komando kita yang terlibat dalam kemalangan dan saya berharap Kementerian Pertahanan akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan isu kebajikan keluarga beliau dijaga.

Persoalan saya ialah, beberapa bulan yang lalu kita ada mendengar isu pembekalan pakaian bomba yang sebenarnya tidak kalis api. Jadi, saya ingin kepastian daripada Kementerian Pertahanan untuk memastikan bahawa baju kalis peluru yang juga dipakai oleh anggota tentera kita tidak menghadapi masalah itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak hadapi masalah. Saya kata tadi, ia adalah satu *accident*. Sudah 15 tahun dan saya sendiri melihat di Kem Mersing, bagaimana peluru hidup digunakan dalam tembakan dekat, bagaimana cekalnya tentera-tentera kita membuat operasi. Akan tetapi, ini adalah satu *accident* dan siasatan telah lengkap. Siasatan daripada pihak polis pun telah lengkap dan pihak keluarga mereka sendiri mengatakan tidak perlu inkues dan walau bagaimanapun, sekarang di tangan Peguam Negara untuk menentukan.

Yang pentingnya ialah SOP itu perlu ditambah baik, itu penting. Akan tetapi, latihan peluru hidup kepada komando perlu diteruskan. Ini pandangan daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia dan termasuk pasukan komando itu sendiri mengatakan, '*kami telah berada dalam pasukan ini dan menggunakan peluru hidup dalam latihan kami dan kami tidak menghadapi masalah*'. Cuma kejadian ini amatlah kita kesali dan ianya *insya-Allah* tidak berulang dengan segala pembaikan yang sedang dibuat sekarang ini.

5. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah kerajaan untuk membantu golongan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ingin balik ke negara sendiri dan bagaimanakah mereka dapat balik sekiranya tidak memperoleh pasport yang sah atau langsung tidak mempunyai pasport.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lanang. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia sedang melaksanakan Program Pendatang Asing Tanpa Izin pulang ke negara asal ataupun Program *Back for Good* yang bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa di bawah seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 atau tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah di bawah seksyen 6(1)(c) akta yang sama untuk pulang ke negara asal secara sukarela mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Program ini dilaksanakan bermula 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019 dan kerajaan tidak bercadang untuk *extend* program ini setelah tamat tempoh nanti. Di Semenanjung Malaysia sahaja dan bagi Sabah dan Sarawak oleh kerana kuasa imigresen itu terletak di negeri tersebut, maka jika Program *Back for Good* ini ingin diadakan di negeri Sabah ataupun Sarawak, ianya memerlukan kelulusan daripada Ketua Menteri di kedua-dua negeri ini dan melibatkan bayaran kompaun sebanyak RM700 bagi setiap PATI yang menyertai program ini.

Warga asing yang terlibat hendaklah membawa dokumen perjalanan yang sah iaitu pasport dan sijil perjalanan kecemasan serta tiket untuk pulang ke negara asal dalam tempoh tujuh hari.

■1120

Sekiranya mereka tidak mempunyai pasport yang sah atau langsung tidak mempunyai pasport, mereka perlu merujuk ke kedutaan negara masing-masing untuk mendapatkan sijil perjalanan kecemasan.

Pihak kedutaan akan mengeluarkan sijil perjalanan kecemasan untuk PATI pulang ke negara asal mereka. Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia tanpa penglibatan pihak ketiga sama ada vendor ataupun ejen. Pihak JIM telah menyediakan lebih 80 kaunter di Pejabat Imigresen di seluruh Semenanjung Malaysia bagi menjayakan program ini.

JIM telah mengadakan sesi libat urus mengenai program ini bersama dengan pihak kedutaan asing di Malaysia pada 12 Julai 2019, termasuk jugalah dengan pejabat Peguam Negara di mana melalui program ini terdapat pengecualian-pengecualian dari segi pelaksanaan akta-akta yang ada khususnya di negara kita melibatkan pendatang asing tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, dari 1 Ogos 2019 sehingga 22 Oktober 2019, seramai 66,364 PATI telah berdaftar dengan program *Back for Good* ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 46,976 telah pun pulang ke negara asal mereka manakala 19,388 sedang menunggu giliran dan akan pulang ke negara asal dalam tempoh tujuh hari. Sekian, terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas jawapan yang diberi mengenai program *Back For Good* dan memandangkan kuasa Jabatan Imigresen di Sarawak tertakluk kepada kerajaan negeri Sarawak, sama ada ini bermaksud segala data atau anggaran kemasukan dan penghantaran pendatang asing tanpa izin yang dibekalkan di Parlimen tidak ada termasuk pendatang asing dari Sarawak.

Juga mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1 merumuskan berlaku manipulasi dan penipuan dalam sistem MyIMMS bagi meluluskan kuota pekerja asing sehingga menyebabkan kehilangan hasil kepada negara dan adakah sistem integrasi imigresen yang baharu bagi menggantikan MyMMS ini telah dibuka tender dan dapat dimulakan secepat mungkin supaya kemasukan pendatang asing tanpa izin dapat dikurangkan. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Ya, terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Angka yang saya sebutkan tadi benar. Ianya tidak termasuk Sabah ataupun Sarawak. Ianya hanyalah angka yang kita pungut sewaktu program *Back for Good* ini mula dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan sebagaimana kita tahu juga, sebagaimana saya sebutkan tadi kuasa imigresen, khususnya Sabah dan Sarawak kita terletak di negeri tersebut kerana Sarawak dan Sabah mempunyai kanun negeri berkenaan dengan imigresen.

Jadi berkenaan dengan dari segi *synchronization* ataupun penyelarasan dari segi data, *of course* memang ada penyelarasan. Cuma maksud dia ini kuasa-kuasa imigresen itu masih terletak di negeri Sabah. Akan tetapi data kita *of course* dari segi *synchronization* itu memang ada.

Berkenaan dengan yang disebut tadi, satu soalan lagi tadi.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Sistem baharu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Sistem baharu. Okey sistem baharu itu, *of course* kita masih dalam proses untuk dibuka tender yang mana ianya dijangkakan *insya-Allah* harap-harap dapat dilaksanakan tahun hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, Jelebu soalan tambahan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jempol.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada banyak yang berminat. Saya jemput Yang Berhormat Keningau.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak tanya soalan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil kesempatan sekejap. Bagi saya kesempatan sekejap Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat ADUN Lui, Yang Berhormat ADUN Pertang dan Jawatankuasa UMNO Bahagian Jelebu... [Dewan tepuk]

Yang Berhormat Puncak Borneo, Jelebu akan tetap dengan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Keningau, teruskan.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Okey terima kasih. Saya mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya apakah usaha kerajaan untuk memujuk Kerajaan Filipina supaya meletakkan konsulat mereka di Sabah. Terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat Keningau tadi. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Keningau saya rasa *even* sejak daripada kerajaan terdahulu lagi sebenarnya kita telah memujuk Kerajaan Filipina ini untuk membuka konsulat dia di negeri Sabah termasuklah juga kerajaan pada hari ini.

Kita berharap agar Konsulat Filipina dapat dibuka di negeri Sabah, akan memudahkan khususnya rakyat mereka yang berada di negeri Sabah untuk dihantar pulang jika ada isu-isu sebagaimana yang kita sebutkan pada hari ini. Akan tetapi ianya tertakluk kepada negara Filipina kerana negara Filipina keputusan mereka itu di luar kawalan kita.

Tapi Yang Berhormat Keningau *let us be assure* dan *of course* Kerajaan Pakatan Harapan hari ini akan sentiasa mendesak agar Kerajaan Filipina untuk membuka konsulat mereka di negeri Sabah agar memudahkan penghantaran pulang rakyat mereka yang berada di negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Satu lagi, saya rasa penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi peluang Yang Berhormat Jempol. 30 saat, sila.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Jadi saya, terima kasih Yang Berhormat Jelebu, komando Jelebu. Terima kasih. Saya hendak tanya- saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, program *Back for Good* untuk kepulangan sukarela PATI yang berada di Malaysia. Saya hendak tanya jumlah sebenarnya yang PATI yang ada di Malaysia. Ada yang menyatakan 400 ribu, ada yang menyatakan 500 ribu, ada juga menyatakan 1 juta. Jadi saya hendak tahu sebenarnya PATI.

Keduanya saya hendak tanya adakah kita membuat ataupun pihak kerajaan membuat pemutihan, ada yang balik sukarela, boleh balik dengan tiket, dibayar dan sebagainya. Ada yang hendak duduk dekat Malaysia. Kita tahu bahawa sektor perladangan sekarang ini memang terlalu sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan mereka duduk dalam ladang. Mungkin operasi dia lain, tidak boleh tangkap. Jadi, adakah program pemutihan ini akan dilaksanakan untuk program tersebut? Terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Sebagaimana kita tahu, isu PATI ini, isu pendatang asing tanpa izin yang masuk ke negara kita sentiasa berubah-ubah daripada hari ke hari kerana ada di antara mereka ini yang masuk ke negara kita melalui pas sosial. Akan tetapi apabila tamat tempoh, mereka tidak balik. Jadi, jumlah ini sentiasa berubah dari hari ke hari.

Pun begitu dari segi statistik dia- mungkin saya boleh bagi secara bertulis sebagaimana saya sebutkan tadi kerana dia sering berubah-ubah daripada hari ke hari. Walau bagaimanapun dalam operasi-operasi yang kita lakukan, khususnya melalui Jabatan Imigresen Malaysia, tangkapan yang kita buat sehingga 22 Oktober 2019 contohnya sudah sebanyak, seramai 43,292 orang.

Jadi itu yang saya sebutkan tadi, jumlah itu sentiasa berubah-ubah daripada hari ke hari dan berkenaan dengan soalan program pemutihan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sebelum ini pun telah menyatakan bahawa kita tidak ingin mengadakan program pemutihan ini terlalu kerap kerana ia akan menghantar *signal* kepada mereka ini seolah-olah negara kita ini, masuk saja negara Malaysia, tunggu dalam satu tempoh yang tertentu, nanti akan ada pemutihan. Jadi ini akan memberi gambaran yang tidak baik di mana mereka-mereka yang telah masuk ke negara kita melalui cara yang sah ini hanya perlu masa saja untuk tinggal di negara kita yakin akan ada lagi program pemutihan dianjurkan oleh kerajaan.

Sebab itulah melalui program *Back for Good* ini, selain daripada kita mempermudah untuk mereka pulang, tetapi perlu juga diingat bahawa kita akan menguatkuasakan juga peraturan di mana kita akan *blacklist* mereka daripada masuk ke negara kita kerana mereka mempunyai sejarah masuk ke negara kita melalui cara yang sah tetapi tidak mahu keluar. Jadi itulah, terima kasih dengan soalan tambahan tadi.

6. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, apakah rancangan rundingan mahupun usaha sama yang bakal dijalinkan bersama Kerajaan Indonesia bagi menyelesaikan masalah jerebu rentas sempadan yang menjejaskan kualiti hidup rakyat serta bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang pada masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 26 soalan berkaitan jerebu. Soalan bertarikh 24 November 2019 daripada Yang Berhormat Petrajaya, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Kampar dan Yang Berhormat Tanah Merah. Pada 31 Oktober daripada Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Batu.

Pada 6 November daripada Yang Berhormat Tangga Batu, 12 November daripada Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Nibong Tebal, dan Yang Berhormat Tenom. Pada 18 November daripada Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pada 21 November daripada Yang Berhormat Miri, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Jelebu. Pada 27 November daripada Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Bandar Kuching dan 3 Disember daripada Yang Berhormat Sarikei.

■1130

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran seperti berikut, pertamanya MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutus surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia.

Kedua, MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan, ladang di Indonesia.

Pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutus surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan.

Keempat MESTECC telah mengutus surat kepada ASEAN Secretariat pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *teleconference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu rentas sempadan. Delegasi Malaysia telah menghadiri mesyuarat khas bersama negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan yang telah diadakan pada 6 Oktober 2019 bersempena dengan penganjuran Mesyuarat *Committee and Conference of the Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment (AMME)* dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Riep Cambodia.

Di peringkat ASEAN Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara-negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu, negara anggota perlu memberikan perhatian yang serius bagi merealisasikan *The Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan visi *ASEAN Haze Free Region by 2020*.

Dalam pada masa yang sama, Malaysia telah menghadiri mesyuarat Mesyuarat *Committee and Conference of the Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment (AMME)* dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Riep Cambodia seperti yang saya cakap tadi. Kerajaan juga sedang meneliti penggubalan Akta *Transboundary Haze* yang baharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menangani masalah jerebu, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Meteorologi Malaysia juga telah melakukan operasi pembenihan awan. Dalam tempoh lima tahun iaitu dari 2015 sehingga kini, sebanyak 30 operasi *wet seeding* dan *dry seeding* telah dijalankan bagi menangani masalah jerebu. Jumlah perbelanjaan yang terlibat adalah sebanyak RM2,000,016,379. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan atas langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah jerebu ini. Namun demikian kita tahu bahawa Kerajaan Indonesia telah memutuskan untuk memindahkan ibu negara mereka daripada Jakarta ke Kalimantan yang terletak bersebelahan dengan negara kita Sabah dan Sarawak.

Soalan saya, sudahkah Kerajaan Malaysia melakukan apa-apa rundingan awal dengan Indonesia sebagai langkah berjaga-jaga dengan kemungkinan berlakunya kebakaran hutan semasa proses pembangunan ibu negara baharu itu yang dijangka akan bermula pada tahun 2021 yang pastinya akan menyebabkan masalah jerebu yang lebih serius lagi. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Di peringkat MESTECC untuk *specifically* kita bercakap tentang pemindahan ibu negara ini tidak ada setakat ini. Walau bagaimanapun usaha berterusan untuk kita sama-sama bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk memastikan tidak ada lagi jerebu merentas sempadan sentiasa kita akan lakukan walaupun telah banyak yang telah kita cuba dan usahakan di peringkat MESTECC dan juga Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia.

Saya ingin juga memetik daripada mesyuarat ke 15 *Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* 9 October di Cambodia yang lepas. Kita telah menyatakan pendirian kita supaya negara-negara anggota perlu meningkatkan kerjasama khususnya perkongsian maklumat, kajian saintifik dan teknikal, pemantauan, tindakan bersama secara *environmentally, sound policies* dan amalan terbaik dan penggunaan teknologi terkini.

Selepas itu kita juga mengulangi komitmen untuk melaksanakan usaha di peringkat nasional dan kerjasama serantau selaras dengan perjanjian yang telah dimeterai dan bersetuju agar kajian akhir dan penilaian ke atas pelaksanaan serta pencapaian ke arah ASEAN Bebas Jerebu pada 2020 ini disegerakan.

Malaysia juga menegaskan bahawa insiden jerebu pada September 2019 telah disebabkan oleh pembakaran hutan dan ladang yang tidak terkawal. Malaysia juga telah menggesa negara-negara anggota yang terlibat mengambil tindakan undang-undang ke atas penyebab kebakaran sama ada individu atau syarikat tanpa mengira negara asal syarikat terbabit. Malaysia turut memaklumkan pendirian bahawa walaupun isu kebakaran hutan dan tanah merupakan isu domestik, pencemaran udara merentas sempadan ini perlu ditangani segera secara holistik kerana ia melibatkan isu *regional* yang melibatkan kebanyakan negara-negara rantau ASEAN.

Malaysia juga bersedia untuk menghulurkan bantuan pemadaman kebakaran kepada negara-negara terjejas bagi mengelakkan berulangnya insiden jerebu merentas sempadan yang memberikan impak kepada sosioekonomi dan kesihatan rantau di negara ASEAN.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiawangsa ingin bertanya sebab apabila tiap-tiap kali berlaku insiden jerebu ini kita lihat ada berlaku, dengan izin, *blame game*. Kita lihat negara jiran akan salahkan, dia kata sebahagian besar ini adalah syarikat-syarikat misalnya daripada Malaysia atau Singapura.

Jadi, kita tidak, bukan kita menerima alasan itu sebulatnya kerana benda itu berlaku apa-apa syarikat pun berada di negara jiran. Akan tetapi persoalan saya adakah MESTECC melihat, kita boleh adakan mekanisme bagaimana kita meminta syarikat-syarikat kita yang mempunyai ladang yang besar bukan sahaja di Indonesia akan tetapi di negara-negara lain untuk mengamalkan kod amalan pengurusan alam sekitar yang terbaik dan bertanggungjawab.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya terima cadangan. Terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat Setiawangsa. Satu cadangan yang baik dan kita juga, saya ingin tegaskan di sini kita tidak pernah melindungi mana-mana syarikat Malaysia. Jika disabit kesalahan yang menyebabkan kebakaran di Indonesia. Sehingga setakat ini kita juga tidak menerima sebenarnya maklumat terperinci tentang mana-mana kompeni Malaysia di Indonesia.

Kesukaran ini berlaku juga apabila biasanya memang saya rasa dipraktikkan di mana-mana negara, bila kita buka syarikat kita perlu *joint venture* dengan syarikat *local*. Setakat ini juga kita sedang mengkaji untuk melihat keperluan untuk mengadakan Akta Pencemaran Alam Sekitar merentas sempadan. Ini termasuklah jerebu secara keseluruhannya, di mana pelaksanaan itu yang penting kita boleh kenakan tindakan kepada syarikat yang bukan juga original daripada Malaysia. Akan tetapi kita kena tengok secara holistik tentang pelaksanaan akta ini oleh sebab itu kita di peringkat kajian. Terima kasih.

7. Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] minta Menteri Pendidikan menyatakan, cadangan menaik taraf Sekolah Kebangsaan Sungai Siput bagi keperluan tambahan bilik darjah kerana kepadatan pelajar yang tinggi.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penelitian Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa kini belum lagi ada keperluan yang mendesak bagi cadangan menaik taraf dan pembinaan bangunan tambahan di Sekolah Kebangsaan Sungai Siput.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Kebangsaan Sungai Siput mempunyai *enrollment* berjumlah 651 orang murid dengan 23 bilik darjah. Sehubungan itu, nisbah kelas dengan murid iaitu satu nisbah 29 di sekolah tersebut masih berada di tahap optimum.

Selain itu KPM juga telah mengambil kira taburan sekolah sedia ada dalam perancangan pembinaan bangunan tambahan tersebut. Didapati terdapat tiga buah sekolah kebangsaan, tiga buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil dalam jarak di antara 800 meter hingga 75 kilometer dari sekolah tersebut. Semua sekolah tersebut beroperasi di bawah kapasiti optimum dan masih mampu menampung permintaan penduduk dan keperluan pendidikan murid di kawasan berkenaan. Sekian, terima kasih.

■1140

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap tentang naik taraf dan mengadakan pertambahan bilik darjah tadi. Saya hendak tanya Menteri, bagaimanakah kriteria yang perlu wujud kerana ada sekolah-sekolah yang telah dilantik sebagai pusat bencana alam dan juga pusat pendidikan khas untuk pelajar-pelajar pendidikan khas, tetapi kelas tidak ada. Ini yang berlaku.

Contohnya di Parlimen Bagan Serai, di Sekolah Kebangsaan Sungai Kepar. Baru-baru ini saya lihat ia dipilih kerana bencana sekarang tengah berlaku, contohnya banjir di kawasan kita, tetapi tempat tidak ada. Malah, tempat untuk pelajar-pelajar nak berhimpun dengan selamat pun tidak ada. Apakah kerajaan boleh membantu sekolah-sekolah yang begini? Terima kasih.

Dr. Mazlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Sungai Kepar di kawasan Bagan Serai, kita akan melihat terperinci kepada keadaan tersebut melalui Pejabat Pendidikan Daerah. Berkaitan dengan kriteria, biasanya kriteria kepadatan kelas dan juga biasanya sekolah yang mempunyai dua sesi yang ingin kita kurangkan menjadi satu sesi seperti mana kebanyakan sekolah-sekolah yang ada.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Universiti Islam Antarabangsa kerana semalam buat pertama kali selepas 40 tahun, kesatuan pelajar- *student union* telah dihidupkan kembali di tanah air kita di Universiti Islam Antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah yang diambil bagi meringankan bebanan golongan petani, pekebun dan pesawah khususnya di negeri Kedah yang begitu terkesan dengan pemotongan pelbagai subsidi dan insentif dalam Belanjawan 2019.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2019, kerajaan telah meluluskan RM1.54 bilion untuk keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi dan beras. Bagi pembekalan baja di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), sebanyak RM382.5 juta telah diperuntukkan.

Manakala RM413.8 juta bagi pembekalan komponen di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) seperti baja tambahan NPK serta racun makhluk perosak. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM626.5 juta bagi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) iaitu peningkatan daripada RM300 bagi setiap metrik tan jualan padi kepada RM360 yang mula berkuat kuasa pada Musim 1/2019.

Saya ingin terangkan kepada Yang Berhormat Jerai dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat ini bahawa sebenarnya walaupun kita tengok buku bajet pada tahun 2019 ada pengurangan dari segi subsidi, tetapi sebenarnya kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selepas itu memohon dan memohon tambahan bajet. Maka, sebenarnya tidak ada penurunan.

Petani di luar kalau katakan mereka dapat subsidi baja, contohnya Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, baja sebatian dulu 12 beg, tahun ini pun 12 beg. Tidak ada penurunan. Kalau katakan baja urea, dulu empat beg, sekarang pun empat beg. Katakan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), dulu enam beg, sekarang pun enam beg. Tidak ada pengurangan. Jadi, saya hendak ambil peluang ini untuk terangkan bahawa tidak ada penurunan dari segi pemberian subsidi baja, baja urea dan sebagainya, tidak ada ya. *So, we want to kill this issue once and for all, please take note ya.*

Untuk tanaman lain pula selain daripada padi dan beras, kerajaan memperuntukkan insentif-insentif tertentu di bawah pelaksanaan projek seperti:

- (i) input pertanian meliputi perolehan benih, baja dan racun;
- (ii) pembangunan kawalan meliputi pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur ladang;

- (iii) penyediaan sistem pengairan, saluran dan perparitan; dan
- (iv) pembinaan pusat pengumpulan dan pemprosesan dan stor.

Antara langkah-langkah lain yang diambil bagi meringankan bebanan golongan petani, pekebun dan pesawah khususnya di negeri Kedah adalah seperti berikut:

- (i) memperuntukkan sebanyak RM150 juta dalam Bajet RMKe-12 bagi meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi;
- (ii) meneruskan harga pembelian padi pada kadar RM1,200 per metrik tan bagi menggalakkan penghasilan padi yang tinggi;
- (iii) menyediakan insentif benih padi sah sebanyak RM75 juta pada setiap tahun bagi memastikan benih padi yang berkualiti;
- (iv) melaksanakan program pemulihan tanah- *soil profiling* bertujuan mengenal pasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja dalam usaha meningkatkan kecekapan bantuan input; dan
- (v) membangunkan *rice check* dan prosedur operasi standard (SOP) bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kehilangan lepas tuai- *post-harvest losses* yang seterusnya boleh meningkatkan pendapatan padi.

Selain itu, kementerian juga menggalakkan pesawah untuk melaksanakan penanaman bercampur- *mixed cropping* dengan tanaman-tanaman lain yang bersesuaian bagi mempelbagaikan pendapatan pesawah. Sekian, terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya saya ingin mendapat penjelasan, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sekarang ini menguruskan kontrak pemprosesan subsidi baja padi. Soalan saya, sejauh manakah langkah atau cadangan mengadakan tender terbuka terhadap kontrak proses subsidi padi tidak menjejaskan ahli pertubuhan peladang yang berlatarbelakangkan ahlinya para pesawah? Sekian.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sebenarnya, kita dalam proses mengkaji tentang pemberian kontrak secara *open tender*. Saya hendak beritahu bahawa NAFAS sememangnya adalah satu syarikat yang diberi perhatian yang penuh oleh kerajaan. Kita akan menjamin bahawa apa-apa *open tender*, NAFAS adalah *the player, one of the major player*. Saya nak katakan *major player* kerana mereka merupakan wakil-wakil daripada petani. Mereka mempunyai *advantage* daripada segi itu. Kita akan memastikan bahawa sebarang polisi akan menjamin kebajikan para petani. Terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar saya tidak mahu persoalkan. Saya rasa Kementerian Kewangan juga akan memberikan insentif dan subsidi yang agak baik belanjawan yang lepas dan belanjawan ini, cuma pelaksanaan. Misalannya, salah satu masalah terbesar sekarang yang dirumitkan ialah benih padi, benih padi tidak cukup dan benih padi subsidi itu tidak sampai. Jadi, apakah pelaksanaan itu ada tersangkut di mana-mana ataupun perlu dilihat kembali untuk melancarkannya? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih soalan Yang Berhormat Kuala Kedah yang sangat baik. Ini sangat relevan dengan apa yang berlaku *underground* sekarang di mana ada beberapa tempat yang mengadu bahawa benih subsidi padi, benih padi sah tidak sampai atau lewat. Ini adalah disebabkan oleh isu-isu yang- ada sesetengah syarikat yang diberikan benih padi sah itu, mereka mengalami masalah terutamanya masalah penyakit *bacterial leaf blight* dan juga padi angin. Maka, benih-benih padi sah daripada syarikat-syarikat tersebut telah dihentikan. Jabatan Pertanian telah *rejected* benih-benih padi sah tersebut kerana kita tidak mahu bahawa kualiti itu *compromise*.

■1150

Kalau benih padi sah tersebut masuk ke pasaran, petani akan mengalami kekurangan pengeluaran. Jadi, kita *reject*. Jadi, apa yang berlaku adalah apabila kita *reject*, kita perlu ambil benih padi sah daripada syarikat yang lain yang ada stok. Sebenarnya stok ada dan kita perlu ambil. Ia melibatkan proses kewangan.

Jadi, kita kena pergi secara koordinasi dengan Kementerian Kewangan supaya kuota boleh dipindahkan kepada syarikat yang lain dan disalurkan kepada petani-petani. Ini mengambil sedikit masa dan kita tahu bahawa kita *running against time to make it happen*. Kita akan uruskan secepat mungkin demi petani. Terima kasih.

9. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah cadangan untuk menaikkan geran tahunan kepada pusat aktiviti warga emas (PAWE) termasuk elaun kakitangan PAWE yang masih di bawah garis kemiskinan iaitu RM650 sebulan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, terdapat perbezaan antara elaun dan gaji. Di mana elaun merupakan bayaran yang diberikan kepada seseorang yang bertugas secara sukarela di sebuah organisasi seperti di PAWE. Manakala gaji adalah satu pemberian upah tetap yang diberikan oleh majikan kepada pekerja.

Penyelia dan Pembantu Penyelia PAWE yang dilantik merupakan sukarelawan yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti di PAWE. Kementerian telah memperuntukkan bantuan kewangan untuk operasi PAWE sebanyak RM33,330 setahun yang merangkumi kos tenaga kerja elaun sukarelawan, pengurusan dan pengoperasian serta program dan aktiviti di PAWE. Ia merupakan pemberian peruntukan asas oleh kerajaan kepada NGO yang mengendalikan sesebuah PAWE untuk melaksanakan pengoperasian bagi tempoh satu tahun.

Kementerian juga amat menggalakkan agar PAWE berusaha menjana pendapatan bagi mendapatkan dana tambahan dengan mengadakan pelbagai aktiviti penjana pendapatan seperti jualan produk PAWE, sumbangan badan korporat, peruntukan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri setempat dan sebagainya. Dana tambahan ini dapat membantu PAWE untuk melaksanakan pelbagai aktiviti tambahan untuk kesejahteraan warga emas dan seterusnya meningkatkan elaun mereka.

Sejak tahun 2001 hingga 2018 sebanyak 88 buah PAWE telah diwujudkan dengan 37,279 orang warga emas yang berdaftar. Bagi tahun ini, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan akan menjadikan bilangan di akhir tahun ini dijangka 133 buah PAWE. Usaha ini adalah selaras dengan cadangan bagi mewujudkan satu PAWE bagi setiap kawasan Parlimen iaitu objektif kita adalah untuk menubuhkan 222 PAWE seluruh Malaysia. Itu sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Isu berkaitan dengan elaun PAWE yang bernilai RM650 untuk penyelia dan RM400 untuk pembantu penyelia I dan RM400 untuk pembantu penyelia II. Pada kita lah, walaupun namanya elaun, terlalu sedikit. Kita tahu sudah 15 tahun tidak pernah diubah dan tidak pernah dikaji semula.

Kita minta dalam keadaan sekarang ini, walaupun kita melihat ada peruntukan sebanyak RM4.6 juta tambahan dan kita minta kalau boleh dikaji semula berkaitan dengan elaun untuk sukarelawan PAWE ini. Satu lagi soalan, adakah benar melalui peruntukan kepada 37,000 orang warga tua yang mendapat servis di PAWE ini, sarapan pagi hanya bernilai RM1.40 sahaja? Itu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, semua garis panduan untuk menubuhkan PAWE telah jelas diberikan kepada setiap NGO yang bersetuju dengan penubuhan PAWE. Jadi, asasnya adalah NGO warga emas melaksanakan aktiviti mereka. Akan tetapi mereka boleh mohon untuk *convert* satu Parlimen, satu PAWE. Jadi, ini adalah *top-up* yang kerajaan bagi untuk membantu aktiviti mereka. Ini bukan pusat jagaan, jadi isu mengenai yuran ataupun bayaran untuk sarapan semua ini tidak wujud kerana apa peruntukan yang kita beri adalah berbentuk *top-up* untuk membantu memperkasakan lagi aktiviti mereka. Ini berlainan dengan pusat jagaan.

Jadi, cadangan saya adalah untuk Ahli Parlimen yang mempunyai PAWE sedia ada di kawasan mereka untuk membantu, kalau boleh *top-up* dengan peruntukan ataupun mereka boleh bebas menggunakan pusat itu untuk membuat *fund raising*. Apa yang kita syaratkan kepada mereka hanyalah, PAWE kena beroperasi lima kali seminggu. Minimum enam jam sahaja setiap hari. Jadi, mereka bukan *office*, di mana staf itu kena duduk di situ sepanjang masa. Kalau mereka ada aktiviti, mereka boleh mengadakan *fund raising* dan terpulang kepada aktiviti yang mereka hendak lakukan.

Syarat untuk garis panduan jelas mengatakan dalam syarat 18D, status penyelia dan pembantu penyelia PAWE adalah bersifat sukarelawan dan bukan merupakan seorang penjawat awam serta tidak layak mendapat apa-apa keistimewaan sebagai penjawat awam. Okey. Ini berbentuk *top-up* kerana soalan ini sudah banyak kali ditanya. Setiap kali sidang Parlimen, kita akan ditanya perkara yang sama.

Jadi, kalau kita ada peruntukan tambahan yang boleh dipertimbangkan, kita ada keutamaan lain seperti pembantu di PDK semua yang memerlukan penjagaan yang lebih lama. Jadi, kalau kita lihat berbentuk keutamaan, keutamaan kita adalah untuk mewujudkan lebih banyak PAWE dulu. Okey. Jadi, peruntukan yang kita ada kita hendak wujudkan lebih banyak PAWE di setiap kawasan Parlimen. Itu keutamaan kementerian buat masa sekarang. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Antara PAWE yang terbaik adalah PAWE Batu Pahat. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, kita akan menjadi masyarakat menua menjelang 2030. Kita semua tahu itu. Kita mempunyai warga emas yang produktif ketika ini yang sekiranya kita mengambil kira *specialty* ataupun kepakaran yang ada pada mereka.

Tempat-tempat seperti PAWE ini menjadi tempat-tempat yang produktif. Soalan saya adalah, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mewujudkan budaya kerja yang produktif di kalangan warga PAWE supaya ada pulangan ekonomi untuk warga PAWE? Sudah pasti ada di kalangan warga emas yang ada kepakaran seperti yang saya sebut tadi dan pengalaman yang berhasil. Dalam masa yang sama, ia akan menimbulkan rasa berguna dan penghargaan di akhir usia. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan ini jauh daripada soalan PAWE tetapi saya boleh jawab, kerana bermula 1 Januari 2019, KWSP telah mengadakan satu skim baharu untuk mendorong warga emas pulang bekerja. Jadi, bagi majikan yang mengajikan warga emas berusia 60 tahun ke atas, caruman majikan akan berkurangan daripada 6 peratus kepada 4 peratus. Saya hanya ada statistik yang saya ingat dalam memori tetapi saya boleh bagi secara bertulis.

Semenjak mereka memulakan skim ini sehingga bulan Mei, lebih daripada 29,000 warga emas telah pulang bekerja kerana mempunyai skim yang mendorong majikan mengajikan warga emas.

Jadi, kementerian kita memang sentiasa mencari jalan untuk memastikan golongan warga emas kita kekal produktif. Dalam program-program PAWE juga, kita menggalakkan mereka untuk mengadakan aktiviti, bukan hanya untuk rekreasi tetapi untuk menambah *skill* mereka seperti kelas komputer semua, supaya mereka mempunyai *skill* baharu untuk berhadapan dengan budaya sosial media sekarang. Terima kasih.

10. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta Menteri Pertahanan menyatakan, berapakah harga kediaman mampu milik yang ditawarkan menerusi Projek Perumahan Taman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bukit Jalil sebanyak 2,000 unit di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil khusus untuk Anggota ATM dan Veteran ATM serta keluarga.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Soalan spesifik ya Tuan Yang di-Pertua. Lembaga Tabung Angkatan Tentera melalui perbadanan milik sepenuhnya, Perbadanan Perwira Harta Malaysia sedang membina 2,000 unit pangsapuri berkeluasan 850 kaki persegi di Taman LTAT Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan.

■1200

Pada akhir tahun 2018, Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) telah bersetuju untuk memberi subsidi kos pembinaan kepada 500 unit pangsapuri. Manakala baki sebanyak 1,500 unit lagi akan dijual kepada umum pada harga pasaran di bawah program Residensi Wilayah yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 500 unit ini untuk angkatan tentera subsidinya sebanyak RM23.2 juta. Pihak PPAM dan LTAT juga bersetuju bahawa sebanyak 500 unit rumah mampu milik yang diberi subsidi tersebut akan dijual kepada anggota ATM, veteran ATM serta keluarga mereka yang layak pada harga RM199,750 seunit. Kerja pembinaan pangsapuri tersebut hampir siap sepenuhnya dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan, *certificate of completion and compliance* (CCC) dijangka akan diterima pada suku pertama tahun 2020.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana meneruskan projek Skim Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia yang dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu, dilancarkan pada tahun 2016. Soalannya sejauh mana komitmen kementerian untuk pastikan supaya harga rendah dan dinikmati oleh warga angkatan tentera sama ada yang telah berpencen dan sebagainya. Kemudian, apakah inisiatif baru projek perumahan baru yang dilaksanakan oleh kementerian sekarang? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Memang segala projek yang baik dibuat oleh kerajaan dahulu kita sambung. Cuma yang tidak baik yang tinggal itu iaitu kita kena cari jalan penyelesaian, misalnya helikopter, sepatutnya sampai pada November 2017, tetapi tidak sampai.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Helikopter bukan rumah, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi, rumah pun begitu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Helikopter bukan rumah. Saya hendak tahu rumah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, yang baik kita teruskan sebab bukan kita ambil alih ini kita kata macam Malaysia ini satu tanah baharu. Jadi, semuanya telah berjalan, yang baik kita sambung, seperti perumahan, oleh sebab soalan itu spesifik saya akan beri jawapan bertulis apa program kita untuk- yang pentingnya kalau ada RKAT memang meningkat, tahun ini peruntukan untuk baik pulih RM150 juta yang dahulunya kita tingkatkan.

Perumahan-perumahan lain masih di peringkat rundingan. Banyak *proposal* yang datang begitu banyak sekarang ini dan kita akan pertimbangkan untuk perumahan angkatan tentera ini. Memang kalau kita lihat di sini RM199,750 agak tinggi tetapi ini Bukit Jalil di kawasan ini sebab itu pun subsidi kerajaan beri RM32 juta untuk 500 unit rumah.

Saya jamin segala projek yang baik dibuat oleh kerajaan dahulu, kita akan sambung tetapi *hat* tidak baik kita akan lawan, biasalah itu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang baru, projek baru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hendak tanya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, ini yang menghina tentera tidak buat kerja, makan tidur sahaja, apa tindakan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Ketawa]* Tidak sangka soalan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

Tuan Mohamad bin Sabu: Akan tetapi saya sudah jawab tadi masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jawapan dan banyak sudah beri penjelasan. Memang kita memberi penjelasan termasuk kempen Tabung Veteran di antaranya timbul *awareness* itu.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Bolehlah satu soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput soalan tambahan kedua, sila Yang Berhormat Putatan.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya didatangi oleh beberapa persatuan daripada veteran angkatan tentera dan mengajukan beberapa soalan atau aduan.

Aduan yang pertama ini di Sabah. Mengikut persatuan veteran, setiap tahun terdapat 10 buah rumah yang disalurkan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran, sebanyak 10 buah rumah untuk pesara tentera. Akan tetapi sekarang ini, sebanyak 10 buah rumah itu mengikut mereka sudah tidak ada lagi.

Kedua, pembaikan rumah untuk balu-balu tentera ataupun tentera yang mana pada waktu itu tidak ada had, tetapi mengikut mereka sekarang skim ini sudah tidak ada. Ketiga, mereka memohon untuk pelarasan pencen untuk anggota-anggota tentera yang telah bersara, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk ketiga-tiga aduan ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan asal semuanya spesifik, jadi soalan-soalan itu perlu kepada angka dan sebagainya. Saya memohon soalan itu dikemukakan kepada saya dan saya akan menjawab secara bertulis. Semua dan yang pentingnya kalau ada rumah-rumah. Pada tahun ini kita ada lebih kurang lebih daripada 12 ribu buah rumah yang perlu diperbaiki. Dengan peruntukan RM150 juta, kita akan cuba naik tarafkan rumah itu. Untuk tahun ini sudah tentulah tidak boleh habis sebanyak 12 ribu buah rumah itu. Akan tetapi, peruntukan ini akan kita mohon lagi pada masa akan datang sehingga tentera kita berada dalam keadaan yang lebih selesa.

Soalan-soalan lain itu saya akan catat dan *insya-Allah* saya akan beri jawapan secara angka dan bertulis kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Macam itulah jawapan Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi satu setengah jam pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion Ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." [*23 Oktober 2019*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Selayang untuk berucap diikuti oleh Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Ketereh. Silakan Yang Berhormat Selayang selama 15 minit.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan peluang untuk berbahas Belanjawan 2020. Perkara yang pertama yang saya hendak sentuh ialah tentang pakej rangsangan ekonomi.

Hasrat kerajaan dengan membentangkan Belanjawan 2020 ialah untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara supaya hasil dapat dikecapi oleh semua rakyat tanpa menjejaskan usaha memulihkan keadaan fiskal negara. Saya cadangkan kerajaan mengadakan satu pakej rangsangan ekonomi selain daripada apa yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2020.

Pakej rangsangan ekonomi akan membantu dan memberikan perlindungan kepada rakyat terutamanya golongan B40 daripada kesan buruk kemelesetan ekonomi yang akan melanda Malaysia. Ini adalah lebih penting berbanding dengan mengawal kadar defisit. Kenaikan defisit dengan mengadakan pakej rangsangan ekonomi ini daripada 3.2 peratus KDNK kepada 3.4 peratus KDNK boleh dijustifikasikan dengan pertumbuhan kepada ekonomi dan kebaikan kepada rakyat. Ramai Ahli Parlimen di dalam sesi ini telah memohon projek infrastruktur dilaksanakan di kawasan masing-masing. Ini adalah jelas bahawa projek infrastruktur dan projek pembangunan diperlukan dan akan membantu rakyat.

Alasan yang lain ialah pakar ekonomi seperti Joseph Stiglitz dan Paul Krugman telah memberikan amaran bahawa dasar *austerity* pada waktu kemelesetan ekonomi adalah salah. Kerajaan perlu mengikut dasar Keynesian pada waktu krisis seperti yang akan bakal dialami kita. Konsep *austerity* adalah konsep yang telah gagal.

Adalah terbukti bahawa pakar ekonomi seperti Alberto Alesina dan Kenneth Rogof yang menasihatkan dasar *austerity* telah melakukan kesilapan.

Rakyat negara-negara yang melaksanakan dasar *austerity* seperti Greece, Portugal dan United Kingdom telah mengalami kesengsaraan selama ini. Baru-baru ini diberitahu oleh pakar-pakar ekonomi bahawa pengorbanan mereka adalah sia-sia. Dengan izin, *they have been made to experience unnecessary suffering and misery. United Kingdom Office for Budget Responsibility* baru ini telah melaporkan bahawa KDNK United Kingdom telah kurang 100 bilion pound dalam tempoh sembilan tahun akibat pelaksanaan dasar *austerity*. Oleh yang demikian, saya cadangkan pakej rangsangan ekonomi disediakan.

Perkara kedua adalah tentang kawalan kos sara hidup dan keselamatan makanan. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri dan KPDNHEP atas Kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang telah mengeluarkan satu laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan yang menjelaskan sebab-sebab kenaikan harga barangan kebelakangan ini dan juga kesan negatif salah guna permit kelulusan atau *approved* permit untuk makanan terutamanya daging, ikan kembung, sayur dan rumusan bayi.

■ 1210

MyCC juga telah mencadangkan beberapa syor penambahbaikan kepada proses persaingan dalam kelima-lima subsektor ini selari dengan usaha dan inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup.

Tentang daging. Jabatan Kajian MyCC berkenaan daging menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap import di dalam kes daging. Daging yang di import ke Malaysia kebanyakan datang daripada dua negara sahaja iaitu Australia dan India. Bergantungan melampau mengakibatkan antaranya kenaikan harga yang berterusan dan kekurangan pilihan. Antara kesan-kesan adalah berikut, di dalam seluruh dunia hanya tujuh negara dibenarkan untuk eksport daging kepada Malaysia dan daripada setiap tujuh negara ini tidak ada lebih daripada 10 pusat sembelih dibenarkan mengeksport daging kepada Malaysia.

Untuk India, tiga daripada tujuh pusat sembelih adalah dimiliki oleh satu kumpulan syarikat. Di Brazil, lima daripada lapan pusat sembelih dimiliki oleh satu kumpulan syarikat sahaja. Untuk import daging kepada Malaysia, dua syarikat sahaja yang menguasai 40 peratus sehingga 50 peratus jumlah import. Kesanya ialah harga daging dari India telah naik melambung, harga daging borong, *wholesale* telah naik 80 peratus dan harga *retail* telah naik 70 peratus untuk tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2017.

Pada tempoh yang sama, daging-daging di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan harga dunia mengikut *Food And Agriculture Organization Index*. Australia, *Singapore* dan Indonesia harga daging adalah lebih murah masing-masing sebanyak 80 peratus, 16 peratus dan 17 peratus masing-masing. Saya tanya kerajaan, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Untuk rumusan bayi, Yang Berhormat Port Dickson telah menyentuh perkara ini. Saya hendak tambah bahawa untuk rumusan bayi hanya tujuh syarikat multinasional menguasai *market share* untuk pembuatan dan pengimportan susu bayi. Akibatnya, harga rumusan bayi telah naik antara 15 peratus sehingga 20 peratus dan kenaikan adalah sebanyak 71 peratus mengikut harga tahun 2010. Harga rumusan bayi di Malaysia adalah juga lebih tinggi daripada harga dunia.

Untuk ikan kembung. Isu-isu utama bagi subsektor ikan adalah kewujudan beberapa perantara di dalam rantai bekalan dan kewujudan ketidakcekapan pasaran di hab pengedaran utama. Hab ini adalah Pasar Borong Kuala Lumpur. Saya juga bertanya, apakah kerajaan akan melakukan tentang AP import ikan kembung?

Kajian melaporkan bahawa daripada jumlah 75 syarikat yang diberikan AP, 10 syarikat sahaja yang memegang 87 peratus jumlah AP yang dikeluarkan. Dua syarikat tertinggi antara mereka menguasai 66 peratus pasaran import ikan kembung. Dengan adanya golongan kecil seperti ini, mereka mendapat kuasa-kuasa dominan untuk menentukan harga ikan kembung. Harga ikan kembung telah naik sebanyak 101 peratus untuk *wholesale* dan 86 peratus untuk *retail* dalam tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2018.

Untuk kubis bulat. Kajian juga telah mendapati bahawa ada penyalahgunaan permit kelulusan AP yang diberikan untuk mengimport kubis bulat. MyCC mengesyorkan pemantauan rapi terhadap proses selepas AP dikeluarkan bagi memastikan terdapat pilihan kepada pengguna dalam harga yang kompetitif bagi kubis bulat di pasaran.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencelahan, boleh?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Bagi saya habis dahulu. Nanti saya bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Dah* habis, siapa yang hendak tanya lagi?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, saya akan jumpa kalau ada masa. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja, tidak boleh?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Kesalahan guna AP untuk import kubis bulat sedang berlaku adalah seperti di bawah. Sebanyak 90 peratus import kubis bulat adalah daripada China dan 10 peratus daripada Indonesia. Mereka yang diberikan AP, menjual atau sewa AP kepada syarikat-syarikat China. Dengan demikian, syarikat-syarikat China dapat menguasai dan ada pengaruh kepada harga kubis bulat di negara kita, yang memikul beban adalah petani-petani tempatan dan juga pengguna-pengguna iaitu rakyat-rakyat Malaysia.

Antara kelemahan ialah Kementerian dan agensi tidak pantau sama ada mereka yang diberikan AP adalah sebenarnya peniaga. Daripada mereka yang diberikan AP, 10 syarikat sahaja menguasai 1/3 pasaran, mereka yang diberikan AP juga tidak ada pengalaman dan langsung tidak terlibat dalam industri pengimport sayuran atau kubis.

Selain daripada lima item makanan terpilih ini, Pasar Borong Kuala Lumpur juga diberikan penekanan dalam kajian MyCC ini kerana posisi sebagai pasar borong terbesar di Semenanjung Malaysia yang membekalkan kira-kira 50 peratus atau lebih hasil segar ikan, sayuran dan buah-buahan kepada Zon Tengah Semenanjung Malaysia dan negeri-negeri yang berdekatan.

Kajian mendapati bahawa yuran operasi tambahan, kebanjiran pekerja atau penjual warga asing, penyewaan gerai secara haram, pembanteras perbekalan dan isu jenayah, semua ini mengadakan satu faktor yang dan pengaruh yang diberikan pengaruh kepada harga.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, saya tadi beritahu bila saya habis dan ada masa, saya akan beri peluang untuk adil kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila teruskan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Antara-antara yuran ialah *parking fee*, RM10.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Selayang kata dia hendak teruskan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Okey, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey Yang Berhormat Pasir Salak sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagus, macam itulah baru baik *gentlemen*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, singkat ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat setuju atau tidak kenaikan harga yang begitu tinggi di antara puncanya ialah ringgit kita sudah jatuh nilai, pengimport kena bayar dalam bentuk USD. Jadi duit Ringgit Malaysia berbanding dengan USD sudah jatuh, berapa? Hampir 30 *percent*. Ini satu daripada sebab. Makanya kos peniaga telah meningkat dan harga barangan juga telah meningkat.

Saya setuju dengan Yang Berhormat, monopoli ini mesti dihapuskan. Saya dahulu cuba hendak memecahkan monopoli ini tetapi bukan senang. So, saya harap Kerajaan Pakatan Harapan, Yang Berhormat Menteri yang baharu ini yang sampai menangi memperjuangkan hasil rakyat ini boleh buatlah. Pecahkan monopoli ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih saya setuju bahawa memang kewangan adalah satu sebab tetapi monopoli itu yang kita hendak mengatasi. Saya juga memberikan peluang kepada Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Saya 100 peratus bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat. Oleh sebab AP diberikan kepada 10 syarikat yang nampaknya menindas penanam-penanam sayur di kawasan saya juga. Apakah tindakan Yang Berhormat yang boleh kita cadangkan kepada Kementerian supaya gejala ini dapat kita berhentikan kerana tidak ada *supply and demand*. Kalau kita keluar secara berleluasa AP ini tidak akan kita galakkan penanam sayur-sayuran menanam, itu adalah masalah utamanya.

Jadi, apakah tindakan yang sepatutnya kerajaan ambil dalam soalan ini untuk mempertahankan hak kita iaitu kebajikan rakyat Malaysia yang menanam sayur-sayuran. Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Pertamanya, memang kita hendak memberikan perlindungan kepada petani kita. Akan tetapi apa yang kita dapat di dalam kajian ini ialah salah guna AP dan ini juga hendaklah dipantau dengan rapi bahawa mereka yang diberikan AP itu tidak akan menjejaskan petani-petani tempatan.

■1220

Antara perkara yang saya akan sentuh ialah tentang Pasar Borong Kuala Lumpur di mana kos tambahan dan tinggi ada pengaruh. Bayangkan bayaran *parking fee* kepada peniaga untuk lori dan kereta mereka ialah RM10 sejam, lebih tinggi daripada *shopping complexes*. Mereka juga hendaklah menyewa bakul. Peniaga tidak dibenarkan menggunakan bakul sendiri tetapi perlu menyewa bakul daripada pasar borong dan perlu bayar antara RM1.20 sehingga RM1.50 satu bakul. Mereka juga perlu sewa kontena plastik dan fiber untuk makanan segar seperti ikan, sayur dan buah-buahan.

Pekerja peniaga perlu membayar deposit untuk dibenarkan menggunakan kenderaan di pasar borong. Peniaga tidak boleh menggunakan pekerja sendiri dan perlu menggunakan perkhidmatan oleh pengurusan untuk naik turun barang dengan bayaran yuran RM1 satu karton. Bayangkan satu kontena berapa karton yang mereka hendak bayar dan kos yang perlu ditanggung. Peniaga tidak boleh menggunakan bekalan ais sendiri dan perlu mendapat bekalan ais hanya daripada pengurusan. Bukankah ini satu ciri monopoli? Dan juga semua barang perlu disimpan di dalam kemudahan *cold storage* yang dioperasi oleh pengurusan pasar borong. Semua ini adalah ciri-ciri yang kita lihat memang adalah salah guna kuasa monopoli.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat. Sila menggulung.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Keteroh]: Yang Berhormat, boleh satu soalan? Tadi berdasarkan kepada pandangan-pandangan Yang Berhormat yang saya rasa agak menarik, boleh kah Yang Berhormat bersetuju menyatakan sebahagian besar itu adalah kerana kelemahan kerajaan dan pihak autoriti sendiri untuk menguatkuasakan supaya itu semua tak berlaku.

Jadi pertama, kelemahan kerajaan dalam mengawal mata wang misalnya barang di pasar borong ada yang datang dari Thailand. Dahulu RM1 sama dengan THB1, sekarang THB100 sama dengan 69 sen. Jadi satu, dah *exchange* duit kita jatuh, wang kita jatuh.

Kedua, kalaulah penguatkuasaan agensi-agensi kerajaan atas perkara-perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi, adakah Yang Berhormat setuju menyatakan kegagalan kita mengawal kos sara hidup dan juga kos barang ini adalah kelemahan kerajaan itu sendiri?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya setuju. Tak kira kerajaan siapa, yang penting sekarang ialah kita dapat mengawal apa yang kita boleh buat. Mata wang itu adalah sesuatu yang di luar tetapi untuk menguatkuasakan itu adalah di dalam tangan kerajaan tak kira siapa itu juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya. Akhir sekali, saya hendak mengulang sekali lagi, beberapa kali saya telah minta peruntukan untuk FT.3209 untuk Projek Meluaskan Jalan di Rawang yang daripada masa merdeka sampai hari ini tidak dapat diluaskan dan ini memberikan kesengsaraan kepada penduduk di Rawang juga masalah tentang Jalan E1 dari Kuala Lumpur ke Rawang di mana untuk mendaki bukit, selalunya kenderaan berat rosak dan kesesakan jalan itu sampai PWTC. Tidak banyak, hanya RM10 juta sahaja yang diminta untuk membuatkan satu lorong untuk lori mendaki bukit dan saya harap dengan jumlah yang kecil ini, peruntukan dapat diberikan untuk projek. Sekian, terima kasih. Selayang mohon menyokong Belanjawan 2020.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Ya, Yang Berhormat Labis. Ada apa?

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Saya mohon izin mencelah. Saya mengalu-alukan rombongan dari kawasan Labis ke Parlimen pada pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, selamat datang kepada semua... [Tepuk] Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Bharu. Sila.

12.24 tgh.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk saya turut membahaskan RUU Perbekalan 2020. Saya terus kepada poin saya yang pertama. Saya ingin bercakap mengenai royalti Kelantan yang telah banyak juga disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak penyokong kerajaan. Terima kasih khusus saya kepada Yang Berhormat Pasir Gudang dan saya harap Yang Berhormat Setiawangsa dan sebelah sanalah yang berasal dari Kelantan menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam isu royalti ini, saya tidak akan beremosi.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Setiawangsa mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya tidak akan beremosi.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Boleh? Lepas ini boleh?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh, boleh. Saya tidak akan beremosi dan saya akan membahaskan perkara itu berdasarkan fakta. Pertamanya, saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Langkawi kerana semasa Yang Amat Berhormat Langkawi mempengerusikan Majlis Kewangan Negara yang telah diadakan pada 7 Jun 2018, mesyuarat tersebut telah membuat satu keputusan.

Keputusannya berbunyi, "*Kerajaan Persekutuan akan memansuhkan program Wang Ehsan dan bayaran tunai petroleum akan disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu tanpa mengambil kira status negeri-negeri tersebut yang dikuasai oleh pembangkang*". Tahniah, terima kasih.

Namun demikian, saya ingin mempersoalkan di sini tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan apabila menyalurkan bantuan ataupun kewangan tersebut kepada negeri Kelantan bersabit dengan petroleum ini. Tiga surat bertarikh 21 Februari 2019, 28 Mac 2019 dan juga yang terakhirnya 17 September 2019 menyatakan dengan jelas di tajuk suratnya, '*Penyaluran Wang Ehsan Negeri Kelantan (WENK) 2019*'. Soalan saya, adakah Kementerian Kewangan tidak tertakluk kepada Majlis Kewangan Negara?

Kedua, saya ingin merujuk kepada perjanjian antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan PETRONAS pada 9 Mei 1975 berkaitan dengan wang petroleum dari negeri Kelantan. Ia berbunyi antaranya dalam para yang pertama, "*Petronas hendaklah membayar wang tunai kepada Kerajaan Negeri Kelantan secara bayaran tahunan sebanyak setara dengan lima peratus daripada nilai petroleum yang didapati dan diperoleh di negeri Kelantan. Pembayaran wang tunai yang dikenakan bayar di bawah perjanjian ini hendaklah dibayar pada tiap-tiap setengah tahun*".

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh kerajaan yang ada sekarang ini melalui Kementerian Kewangan, tiga kali dibuat pembayaran, hanya RM28.3 juta sahaja sedangkan negeri Terengganu yang bersebelahan sahaja dengan negeri Kelantan, kita difahamkan mendapat dana khas Kerajaan Persekutuan, Wang Tunai Petroleum lebih daripada RM1 bilion. Apakah formula yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kewangan untuk memberikan royalti ataupun pembayaran tunai kepada Kerajaan Negeri Kelantan?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ketiga, saya juga ingin menarik perhatian bahawa terdapat satu surat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan, Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...Ini saya berdasarkan kepada semua, ada fakta. Satu surat daripada Jabatan Peguam Negara bertarikh 20 Jun 2019 kepada Kerajaan Negeri Kelantan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan hanya akan mempertimbangkan mengenai isu royalti selepas kes yang ada di mahkamah ditarik balik tanpa kebebasan memfailkan semula dengan tanpa kos. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Kelantan pada 13 Mei 2019 telah menarik balik kes tersebut dengan satu Notis Pemberhentian, *Notice of Discontinued* di dalam mahkamah mengenai kes yang telah dimasukkan terhadap petroleum dan Kerajaan Persekutuan sebagai pencelah atau *intervenor* tetapi kenapa persoalan saya, bayaran tunai royalti petroleum tidak lagi dibayar sebaliknya terus kepada wang ehsan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Keempat, saya juga ingin merujuk kepada satu...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan, Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya tidak cukup masa. Saya ingin meneruskan dengan merujuk kepada satu siaran media...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Bharu tak bagi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...Oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 16 Oktober 2019 di ruang legar Parlimen. Beliau telah menyentuh, kononnya Kerajaan Negeri Kelantan telah diberikan suatu pinjaman ataupun pendahuluan oleh Kerajaan Pusat sebanyak RM100 juta untuk membantu membiayai perbelanjaan termasuk untuk emolumen. Ini kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya nak maklumkan di sini dan perbetulkan fakta bahawa Kerajaan Negeri Kelantan pada 12 September 2019 telah menulis surat kepada Kementerian Kewangan menyatakan dan memberitahu Kerajaan Persekutuan bahawa Kerajaan Persekutuan masih terhutang kepada Kerajaan Negeri Kelantan sejumlah RM182.87 juta iaitu premium tanah yang tertunggak.

Oleh sebab itu Kerajaan Negeri Kelantan meminta kalau tak boleh bayar RM182.87 juta, bayar dahulu RM100 juta. Bayar dahulu duit Kerajaan Negeri Kelantan tetapi yang digambarkan seolah-olah Kerajaan Negeri Kelantan meminta pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Ini adalah satu salah fakta yang amat besar sekali. Saya mohon penjelasan kepada perkara-perkara berikut.

■1230

Keduanya, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Kita tahu bahawa Bajet 2020, Kementerian Pendidikan mendapat RM59,264 juta iaitu 24.6 peratus daripada jumlah anggaran mengurus 2020. Saya hendak tanya, betul ataupun tidak Jemaah Nazir yang merupakan satu entiti yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 yang menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan naziran di sekolah-sekolah atas arahan jabatan, telah diarahkan melakukan kerja tanpa kos. Tidak ada tuntutan boleh dibuat untuk perbatuan, penginapan dan makanan. Tidak kira pergi ke Malaysia Timur ataupun Malaysia Barat.

Ketiga, Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin bertanya berapakah peruntukan telah diberikan untuk membaik pulih dan menaik taraf balai-balai polis yang ada di seluruh negara yang dalam keadaan uzur dan juga bantuan dari segi pentadbiran. Ini termasuklah beberapa balai polis dalam kawasan IPD Kota Bharu yang mana bangunan balai polis, saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau perlu, tidak yang terletak di bangunan yang disewa. Bangunannya terletak satu pagar dengan bangunan yang diduduki oleh tuan rumah atau pun tuan bangunan itu. Penjelasan saya pohonkan.

Seterusnya saya ingin mengetahui daripada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perumahan. Apakah rasional dasar untuk membenarkan pemaju-pemaju menjual rumah yang berharga RM1 juta ke atas dengan harga RM600 ribu kepada pemilik-pemilik asing. Apakah rasional dasar ini dan bagaimana boleh berlaku Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengatakan bahawa perkara ini tidak dirunding atau dibincangkan dengan mereka.

Kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang, saya ingin bertanya sejauh mana tindakan dibuat untuk memisahkan fungsi Peguam Negara dengan pendakwa raya. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan ingin melaksanakan selepas ini pelantikan Peguam Negara daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen sebagaimana Manifesto Pakatan Harapan.

Seterusnya mengenai rasuah dan SPRM. Saya menyambut baik penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Malaysia (GIACC) dan juga pelancaran Pelan Anti Rasuah Kebangsaan (NACP).

Namun demikian, untuk menentukan keberkesanan, saya ingin mengesyorkan supaya diadakan satu kajian keberkesanan SPRM oleh sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai oleh wakil-wakil semua parti politik yang ada dalam negara kita ini dan juga pakar-pakar di semua peringkat. Saya juga ingin bertanya, bilakah jawatankuasa yang disenaraikan di bawah Akta SPRM 2009, contohnya Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah akan dilantik sebagaimana peruntukan yang diperuntukkan oleh Akta SPRM 2009.

Tuan Yang di-Pertua, *point* saya yang terakhir ialah mengenai keadaan politik dalam negara kita ini. Kita melihat bahawa walaupun Kerajaan Pakatan Harapan telah membentuk kerajaan pada 9 Mei 2018, sehingga kini lebih daripada satu tahun lima bulan tetapi keadaan politik negara dilihat tidak stabil dan semakin tidak stabil. Walaupun jumlah kerusi yang menyeberang ke sebelah sana mungkin bertambah daripada asalnya tetapi kita melihat ketidaktentuan berlaku di dalam negara ini begitu ketara sekali.

Sebuah kerajaan yang kuat adalah kerajaan yang mempunyai kesatuan fikiran antara pimpinan kerajaan mestilah mempunyai persamaan dalam tindakan. Berbezanya boleh tetapi bukan bercanggah antara satu sama lain sehingga menjejaskan pentadbiran dan pemerintahan negara. Akan tetapi itu terpulanglah. Ini adalah masalah dalam Pakatan Harapan.

Apa yang saya hendak persoalkan ialah mengenai kedudukan Perdana Menteri. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 43(2), Perlembagaan menyatakan bahawa apabila lepas sesuatu pilihan raya umum diadakan, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menggunakan kuasa mutlak ataupun *prerogative power* di bawah Perkara 43(2) untuk melantik seorang Perdana Menteri yang mestilah seorang anggota Dewan Rakyat dan Perdana Menteri mestilah mendapat kepercayaan daripada majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat dan ketiganya Perdana Menteri mestilah seorang warganegara yang diperoleh melalui kuat kuasa undang-undang. Tidak boleh daripada naturalisasi, tidak boleh. Itu antara perkara-perkara yang perlu disempurnakan untuk seseorang bagi dilantik menjadi seorang Perdana Menteri.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa walaupun Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Langkawi telah mendapat sokongan majoriti daripada khususnya Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan dan juga beberapa orang Bebas tetapi nampaknya kedudukan Perdana Menteri sekarang ini dalam keadaan terumbang ambing. Kini seolah-olah ada usaha-usaha yang dibuat atau diambil oleh pihak tertentu dari dalam Kerajaan Pakatan Harapan sendiri untuk menggugat kedudukan Perdana Menteri.

Perkara ini Tuan Yang di-Pertua dalam konteks politik negara kita ini bukanlah satu yang baru kerana sejak daripada tahun 1990-an lagi kita sering mendengar, termasuk kami di pihak pembangkang pada masa itu kedudukan orang-orang yang berstatuskan *Prime Minister in waiting*. Orang ini ataupun kumpulan ini menjalankan tindakan-tindakan untuk menggugat kedudukan Perdana Menteri untuk beliau ataupun kumpulan mereka mengambil alih pentadbiran dalam negara kita ini. Tahun 1998 cubaan menggugat kedudukan Perdana Menteri yang keempat. Itu semua orang tahu terutamanya rakan-rakan saya daripada sebelah pembangkang yang dahulu menjadi kerajaan tetapi cubaan itu gagal.

Keduanya 16 September 2008 terlipat di dalam sejarah politik negara kita cubaan kononnya untuk menggugat kedudukan Perdana Menteri yang kelima pada masa itu. Dengan usaha yang dibuat untuk mengemukakan usul undi tidak percaya- *vote of no confidence* kepada Perdana Menteri di dalam Dewan tetapi tidak dipersetujui oleh Perdana Menteri dan usul ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua. Ini kedudukan pada 16 September 2008.

Sekarang ini kita mendengar pula seolah-olah sekali lagi ada usaha-usaha untuk mempersoalkan kedudukan Perdana Menteri. *This is not our business*, bukan urusan kita tetapi sebagai wakil rakyat, sebagai pemimpin masyarakat dalam negara kita ini, kedudukan Perdana Menteri dalam sebuah negara adalah penting untuk dibincangkan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara kita ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Satu soalan Yang Berhormat Kota Bharu. Ini satu topik yang sangat serius yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Jadi saya ingin bertanya, adakah situasi yang agak aneh ini berlaku kerana dalam negara kita ada tiga jenis Perdana Menteri. Satu Perdana Menteri *in power*. Kedua, Perdana Menteri *in waiting*, tidak ada dalam negara lain. Ketiga, Perdana Menteri *in charge*, main di belakang tabir. Adakah itu yang menyebabkan berlakunya ketidakstabilan jawatan Perdana Menteri.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya bersetuju. Terima kasih. Sebenarnya ada empat. Satu lagi, PM tepi atau *personnel message* tepi, ada.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ada lagi satu, PM *online*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Perdana Menteri *online*. Betullah itu.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Berceramahlah di Tanjong Piai.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Itu mungkin daripada Perlis. Okey Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang serius. Kita sebagai pemimpin di peringkat akar umbi disoal atau dipinta penjelasan oleh rakyat.

Apa yang akan berlaku kepada negara kita ini? Tidak pernah berlaku dalam sebuah negara lebih-lebih lagi sebuah kerajaan yang baru mengambil alih dalam tempoh lebih daripada setahun, hendak masuk dua tahun suasana dalaman kerajaan sendiri belum lagi dapat diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila gulung Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Keadaan ahli-ahli Kabinet masih lagi tidak selaras dan tidak sekata. Ada yang mahu Yang Amat Berhormat Langkawi diteruskan sampai hujung penggal, ada yang tidak mahu, hanya bulan Mei 2020 sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Port Dickson ada menyebut bahawa maksimum dua tahun. Semalam Yang Berhormat Port Dickson menyebut bahawa majlis presiden yang menentukan, bukan Yang Amat Berhormat Langkawi yang menentukan. Apa pandangan?

Kedua, apabila Kelantan telah menarik balik saman tetapi royalti masih tidak dapat, adakah Kelantan ingin saman semula kerajaan?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Soalan yang kedua dahulu. Apabila kita tarik balik, kita belum putuskan sama ada hendak saman balik atau tidak tetapi dari segi *legalnya* boleh saman kerana kegagalan bayar itu masih lagi berterusan, *continuing*. Itu dari segi undang-undang.

Keduanya mengenai Yang Berhormat Port Dickson itu saya pun tidak pasti. Yang Berhormat Port Dickson ini Perdana Menteri yang mana satu? Saya tidak tahulah. Itu Yang Berhormat Pontian lebih tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Namun demikian, sebagaimana yang kita tahu bahawa ini adalah satu perkara yang amat tidak baik kepada negara dan Perdana Menteri kalau hendak *remove* Perdana Menteri, ada dalam peruntukan Perkara 43(4). Kalau Perdana Menteri tidak mendapat sokongan majoriti daripada Ahli-ahli Dewan, dia kena letak jawatan. Dua opsyen sahaja, letak jawatan ataupun dia boleh minta Yang di-Pertuan Agong bubarkan Dewan. Itu sahaja. Jadi, ini-lah kedudukannya ini...

■1240

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa telah tamat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: ...Kita sangat tidak bersetuju, tidak selesa dengan keadaan ini dan kita mengharapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kabinet dapat menyelesaikan perkara ini.

Akhirnya saya hendak menyatakan, kalau apa-apa berlaku, sebagai Ketua Whip PAS, 18 undi untuk Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puncak Borneo. Sila Yang Berhormat Puncak Borneo.

12.40 tgh.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana saya telah diberi ruang untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2020.

Pembentangan Bajet 2020 bertemakan, “*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama.*” Sebagai rakyat Malaysia, kita kongsi tanggungjawab untuk membangunkan semula negara.

Bagi maksud itu, sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan telah dilaksanakan. Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah memberikan bajet perbelanjaan pembangunan sebanyak RM4.4 bilion. Ini merupakan sejarah kerana Sarawak diberi bajet yang berjumlah sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik usaha kerajaan untuk membantu petani, nelayan dan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan dan kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh.

Di samping itu, kerajaan juga akan meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma yang kebanyakannya daripada Sabah dan Sarawak. Namun, saya berharap agar dana ini sampai kepada kumpulan sasar demi untuk memperkasakan pendapatan mereka. Tahun ini, seramai 56,446 pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak akan menerima manfaat melalui Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma iaitu sebanyak RM44 juta yang diperuntukkan Kerajaan Persekutuan di mana ia membantu seramai 44,762 pesawah di Sarawak.

Namun, saya mencadangkan mekanisme penyerahan bantuan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma ini perlu diperhalusi kerana di Sarawak, ia sering diperalatkan oleh Kerajaan GPS dan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak untuk tujuan politik mereka. Walhal, peruntukan ini adalah usaha dan dana Kerajaan Pakatan Harapan. Bagi memenuhi hasrat *Visit Malaysia Year 2020*, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di mana RM90 juta diikhaskan untuk mempertingkatkan kesedaran, promosi dan program sempena kempen VMY 2020. Saya memohon supaya sedikit daripada peruntukan ini dapat diperuntukkan di kawasan Puncak Borneo yang merupakan salah satu daripada *tourism belt* negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bimbang dengan peningkatan lebih daripada setengah juta rakyat Malaysia yang menganggur pada tahun 2018 di mana 140 ribu merupakan graduan, 290 ribu penganggur merupakan belia berumur sehingga 24 tahun. Perkara ini merusuhkan, namun saya menaruh harapan dengan adanya inisiatif kerajaan melalui #MalaysiaKerja ataupun #Malaysia@Work bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk belia dan wanita, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah.

Saya menyambut baik hasrat PERKESO untuk membina sebuah rehabilitasi baharu dengan kos sebanyak RM500 juta di Perak. Selepas kejayaan pusat *rehabilitation center* di PERKESO di Melaka, pusat baharu ini akan dilengkapi dengan teknologi terkini termasuk robotik rawatan trauma, pusat kecemerlangan bagi mencegah kemalangan dan kerjasama agensi berkaitan. Namun begitu, saya amat terkilan kerana semua pusat *rehabilitation centre* ini dibina di Semenanjung. Kenapa tidak di Sabah ataupun di Sarawak? Saya ingin mencadangkan satu pusat *rehabilitation centre* ini dibina di Sarawak kerana ramai pesakit yang memerlukan pusat ini dan ramai di antara mereka yang tidak mampu pergi ke Semenanjung untuk menerima rawatan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga komited untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada segenap lapisan masyarakat. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan terus menerima peruntukan terbesar sebanyak RM60.2 bilion pada tahun 2019 kepada RM64.1 bilion pada tahun 2020. Ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk melabur demi masa depan anak kita. Kerajaan juga akan memberikan tumpuan kepada pembaik pulih sekolah daif dengan peruntukan sebanyak RM783 juta pada tahun 2020 terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Di Parlimen Puncak Borneo, berjumlah 51 sekolah daif dan setakat ini hanya sekolah SK Sungai Pinang sahaja yang telah di baik pulih. Saya juga faham di antara salah satu sebab sekolah ini tidak dapat diberi bantuan oleh Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan di antara sekolah ini dibina di tapak tanah NCR. Untuk mendapat bantuan dana daripada Kerajaan Persekutuan bagi sekolah kerajaan, tapak tanah mestilah bergerak, tidak dituntut oleh mana-mana individu dan status tanah ini hendaklah dimiliki oleh *Federal Land Commission* (FLC).

Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan Negeri Sarawak bekerjasama untuk memutihkan, menyukat dan mengeluarkan surat hak milik tanah supaya sekolah-sekolah daif ini dapat dibaik pulih dan dibina baharu dengan kadar yang segera. Saya juga ingin mohon penjelasan, apakah status semua proses pembaikpulihan sekolah-sekolah daif di Parlimen Puncak Borneo? Status pembinaan semula sekolah SK Serumbu, status terkini cadangan pembinaan SMK Puncak Borneo, penyambungan grid elektrik SK Kambug dan pembinaan baharu sekolah SK Tabar Said.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga teruja dengan hasrat kerajaan mengurangkan kejadian banjir kilat di mana kerajaan memperuntukkan RM443.9 juta untuk rancangan tebatan banjir dan RM150 juta untuk penyelenggaraan pengurusan kolam takungan banjir sedia ada.

Oleh itu, saya memohon Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui DID Sarawak untuk melihat permasalahan banjir di Kampung Bijuray, Kampung Tringgus, Kampung Duras, Kampung Tijirak, Kampung Beratan, Kampung Mambong, Kampung Sikog, Kampung Ma'ang, Kampung Jambok dan juga Kampung Sebemban. Saya juga memohon projek tebatan banjir bagi Kampung Sebemban yang telah diluluskan bernilai RM2.7 juta dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang di antara bandar dan luar bandar. Strategi di bawah pembangunan inklusif adalah untuk merapatkan jurang di antara bandar dan luar bandar dengan memperluaskan liputan infrastruktur asas bagi kawasan luar bandar terutamanya untuk Sabah dan Sarawak. Untuk tahun 2020, kira-kira RM587 juta akan diperuntukkan untuk bekalan air luar bandar, di mana RM470 juta untuk Sabah dan Sarawak bagi memenuhi sasaran 99 peratus akses kepada air bersih. Kerajaan juga akan membelanjakan RM500 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar yang memberi manfaat kepada lebih 30 ribu isi rumah luar bandar di mana majoriti penerima faedah tinggal di Sabah dan Sarawak.

Satu lagi keutamaan pembangunan ialah jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion di seluruh Malaysia, di mana tumpuan diberikan untuk membina jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Projek-projek di Sabah sebanyak RM326 juta dan Sarawak sebanyak RM224 juta akan memberi faedah kepada 145,00 penduduk. Saya bersyukur kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana pada tahun 2019, berjumlah RM129 juta telah diperuntukkan oleh KPLB untuk bekalan projek air Puncak Borneo fasa 2 yang dilaksanakan oleh JBALB Sarawak.

■1250

Dengan adanya projek ini, saya memohon supaya segala permasalahan isu air terawat di kawasan Puncak Borneo segera diselesaikan, khasnya di kawasan Kampung Kerumboi, kawasan Kampung Menjau, Kampung Petung, Kampung Kuang, Kampung Tebuan Rabak, Kampung Pulau Kendis, Kampung Petak, Kampung Setang, Kampung Bangau, Kampung Pancor, Kampung Rimumawang, Kampung Ritulabuan, Kampung Baru dan Kampung Bunga dan semua kawasan kampung-kampung di kawasan Puncak Borneo yang mengalami masalah air.

Saya juga memohon supaya KPLB meluluskan pelaksanaan semua permohonan saya untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar untuk Kampung Sepit dan kawasan penyambungan rumah-rumah baru. Projek Jalan Perhubungan Desa Kampung Biak Jabir, Projek Jalan Perhubungan Desa Kampung Buk Ayun Nyegol, Projek Naik Taraf Jalan BRS dan Estet dan Projek Jambatan Angpedia Krokong.

Pada Mac 2019, saya juga telah membuat rayuan kepada pihak KPLB supaya Projek Jalan Padawan yang dibatalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu agar dilaksanakan semula. Namun, saya difahamkan, kerajaan negeri telah melaksanakan penaik tarafan jajaran Tapah ke Tiang Bukap. Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak KPLB meluluskan penaik tarafan jajaran Tiang Bukap ke Anang Rais untuk menyejahterakan para penduduk sekitar kawasan Padawan.

Tuan Yang di-Pertua, pada Julai 2019, dua anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) di Batalion Keempat Rejimen Diraja Malaysia di laporkan hilang ketika melaksanakan operasi di Pulau Perak, Kedah sejak beberapa bulan yang lalu. Anggota yang hilang dikenali sebagai Koperal David Edmond Rapi, 39 tahun dan juga Lans Koperal Moses Logers, 25 tahun dari Bauk belum ditemui sehingga ke hari ini.

Kenapa dengan keadaan jarak 60 batu nautika dari Pulau Langkawi dan dengan keluasan hanya lebih kurang 10.48 hektar, pihak Kementerian Pertahanan tidak dapat menemui mereka? Kenapa kerja-kerja pencarian dihentikan? Saya melihat perkara ini seolah-olah pengorbanan mereka ini tidak dihargai. Bayangkan kalau anak orang yang ternama dan mempunyai darjat dalam situasi ini, tidak mungkin Kementerian Pertahanan akan hentikan misi mencari. Malah, saya fikir Kementerian Pertahanan akan mencari sampai dapat. Saya sarankan Kementerian Pertahanan aktifkan semula misi mencari anggota-anggota ini sehingga dijumpai.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25 Julai 2019, Cikgu Catherine Janet Tivi berusia 25 tahun, anak Parlimen Puncak Borneo terkorban kerana terperangkap kerana cuba menyelamatkan rakan serumahnya dalam tragedi kebakaran Kwarters Sekolah SK Batu Bungan di Mulu. Mendiang pada awalnya sudah selamat keluar tetapi masuk semula untuk menyelamatkan rakan serumah beliau. Malang sekali waris mendiang belum mendapat apa-apa pampasan ataupun bayaran pencen walaupun saya telah mengutus surat kepada Menteri Pendidikan agar perkara ini diberi perhatian wajar. Saya amat berharap agar keluarga mendiang Catherine Janet Tivi diberi pembelaan yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab kepada Yang Berhormat Batang Sadong yang mencabar saya untuk mengeluarkan data mengenai syarikat-syarikat mana yang diberi tanah oleh Kerajaan Negeri Sarawak pimpinan JPS dan juga bukti-bukti menunjukkan bahawa pengeluaran geran tanah hanya dikeluarkan pada musim pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 2010 Kerajaan Persekutuan telah memberi Kerajaan Sarawak sekurang-kurangnya RM170 juta untuk tujuan khusus menjalankan kerja-kerja penyukatan perimeter tanah adat ataupun dikenali sebagai *native customary rights* (NCR). Namun begitu, tinjauan membuktikan kebanyakan bidang tanah NCR yang luas telah diberi kepada Menteri-Menteri, ahli-ahli politik Kerajaan Negeri Sarawak serta syarikat besar untuk ladang sawit dan sebagainya. *Sarawak Report* melaporkan bahawa sekurang-kurangnya 20 syarikat yang berkaitan dengan Mohd. Abu Baker Taib, anak kepada Tuan Yang Terutama Sarawak dan rakan perniagaannya, Chris Chung menerima sekurang-kurangnya 50 ribu hektar tanah dalam tempoh tahun 2008 dan juga 2010.

Laporan *Sarawak Report* juga menunjukkan bahawa syarikat Radiant Lagoon Sdn. Berhad secara rahsia diberi tanah seluas 4,500 hektar pada 2018. Oleh itu, saya juga ingin maklumkan bahawa setakat ini di kawasan Puncak Borneo hanya dua sahaja kampung yang telah diberi geran tanah individu iaitu di bawah seksyen 18. Setakat ini, 400 kampung...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Yang telah didokumentasikan atas inisiatif *Dayak-Bidayuh National Association*. Semua penduduk kampung-kampung Bidayuh ini membayar sendiri kos sukatan untuk mendokumentasikan tanah-tanah adat mereka ini.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Puncak Borneo.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Julau.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Mencelah sikit, boleh.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya tidak benarkan sebab saya tidak banyak masa.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Lima saat saja, lima saat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya akan teruskan. Saya juga banyak data-data di sini. Saya akan berikan kepada mana-mana wakil rakyat, Ahli Parlimen yang inginkan data ini. Saya ada data ini tetapi saya tidak ada masa untuk menghuraikannya dengan lengkap.

Oleh itu, dengan data dan pola ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak kepimpinan GPS hanya memberi geran tanah sebagai gimik pilihan raya, membantu Yang Berhormat-Yang Berhormat GPS dan tauke-tauke besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Untuk memiliki saiz tanah yang besar. Seperti apa yang disahkan oleh Temenggung Austin Dimin di akhbar *Borneo Post* bertarikh 11 Februari 2019, bahawa hanya 10 kampung Bidayuh telah diberi geran tanah individu. Setakat ini, di kawasan Bidayuh, di kawasan Puncak Borneo, hanya dua kampung diberi geran individu atas inisiatif baru ini.

Namun begitu, saya memohon dan merayu kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan Menteri Kewangan agar memperuntukkan dana untuk tujuan penyukatan tanah NCR yang spesifik. Di mana dana hanya akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk tujuan penyukatan tanah NCR untuk lot individu di bawah seksyen 18, dengan kawasan yang disukat ditentukan bersama oleh kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan demi memastikan ia menepati hasrat dan juga sasaran. Dengan ini saya memohon menyokong pembentangan Bajet 2020. Sekian, terima kasih. Tuhan berkati.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ketereh. Sila. Mulakan dulu, mukadimah sempat lagi.

12.58 tgh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warrahmatullaahi taala wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbahasan ini dengan memetik sepotong ayat daripada Surah Al-Maidah, ayat 8... *[Membaca sepotong Ayat Al-Quran]* Membawa maksud, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan".

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kita telah dibentangkan dalam suasana permasalahan negara terus gawat. Manakala belanjawan tahun sebelum iaitu Belanjawan 2019 yang telah dilaksanakan oleh kerajaan baharu tidak menampakkan hasil dan kejayaan seperti mana yang telah diunjurkan sewaktu pembentangannya. Tuan Yang di-Pertua, jam sudah pun menunjukkan pukul 1. Saya pohon untuk memulakan semula ucapan saya selepas rehat makan tengah hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa tinggal 12 minit.

Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, Majlis mesyuarat disambung semula di mana Yang Berhormat Ketereh dipersilakan. Masa tinggal 12 minit 49 saat sahaja. Sila Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua sebelum saya memulakan ucapan saya ingin memaklumkan dan mengalu-alukan kehadiran rombongan UMNO bahagian Sungai Petani yang telah pun berada dalam Dewan...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyebut di permulaan ucapan saya bahawasanya negara kita ini sekarang ini berada dalam satu situasi yang seharusnya menimbulkan rasa kebimbangan. Walaupun kita membentangkan belanjawan seperti mana belanjawan yang telah dibentangkan pada tahun sebelumnya, semuanya mengetahui bahawasanya belanjawan kita tidak dapat merangsang suasana, tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kita rasakan amat *fundamental* dalam pengurusan sesebuah negara.

Ekonomi kita gagal untuk berkembang, defisit kita masih tidak dapat kita kurangkan, mata wang negara terus jatuh merudum, market *capitalization* pasaran saham kita turun hampir RM400 bilion, peluang pekerjaan untuk anak-anak muda tidak dapat kita sediakan dan berbagai-bagai kebimbangan. Dalam suasana ini, negara berhadapan dengan beberapa perkara yang menambahkan lagi kebimbangan kita walaupun bajet dibentangkan.

Oleh sebab itu kalau kita perhatikan dahulu ada belanjawan daripada Yang Berhormat Langkawi. Ada belanjawan Yang Berhormat Pekan, ada belanjawan Yang Berhormat Permatang Pauh. Setiap kali belanjawan dibentangkan kita akan melihat rakyat ternanti-nanti dan biasanya selepas belanjawan kita dapat lihat bagaimana ekonomi itu dapat berangsang dan langkah-langkah dapat diambil oleh kerajaan. Berbeza dengan belanjawan Yang Berhormat Bagan disambut dingin oleh rakyat dan masyarakat, tidak menggerakkan pasaran saham malah masih ramai yang bersikap optimistik.

Ini ditambah pula dengan perkara-perkara yang sedang berlaku seperti polemik-polemik politik. Bagaimana baru-baru ini Yang Berhormat Port Dickson menggambarkan bahawasanya adanya usaha untuk mewujudkan kerajaan baharu tanpa DAP dan kita dengar pula suara daripada DAP akan wujud Kerajaan Pakatan Harapan tanpa Bersatu. Seterusnya, polemik-polemik sebegini termasuk soal peralihan jawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini akan menyebabkan belanjawan kita akan menjadi kurang ataupun tidak efektif.

Kewibawaan kerajaan adalah menjadi satu perkara yang paling penting sebelum ekonomi dapat berkembang kalau keyakinan para pelabur, keyakinan masyarakat dan rakyat. Oleh sebab tadi saya membaca surah Al-Maidah, ayat 8 tadi untuk menyatakan antara perkara yang penting yang menjadi tanggungjawab kita semua adalah untuk melakukan tindakan-tindakan yang mempamerkan prinsip-prinsip keadilan dan kebenaran. Akan tetapi apabila belanjawan dibentangkan kita boleh dengar sana-sini suara-suara kebimbangan tentang keadilan yang dibentuk oleh kerajaan. Kita dengar keluhan rakan-rakan daripada Sarawak misalnya tentang bagaimana negeri Sarawak janji kepada Sarawak, royalti Sarawak, kemudahan prasarana Sarawak tidak mendapat layanan sewajarnya.

Kita dengar keluhan Ahli-ahli Parlimen daripada Kelantan bagaimana janji-janji terhadap rakyat Kelantan malah kalau ditanya hatta saya sendiri di Ketereh bagaimana Projek Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab diumumkan dalam Parlimen telah pun dibeli tanahnya, telah pun siap pelan-pelannya, telah pun dilantik konsultannya akan tetapi akhirnya tidak mahu dilaksanakan kerana apa? Kerana Ketereh tidak melompat, Tanah Merah yang juga ada MRSM Ulul Albab yang lebih tidak memerlukan, lebih jauh daripada kawasan bandar terus dilaksanakan. Akan tetapi kerana Ketereh tidak melompat, projek dalam kawasan Ketereh dihalang.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan 84 Ahli-ahli Parlimen Pembangkang adalah antara 84 kawasan terutamanya yang mewakili kawasan orang Melayu dan Bumiputera yang telah dinafikan peruntukan-peruntukan projek-projek kecil. Ini bermakna 84 kawasan Parlimen yang rata-rata orang Melayu dan orang Islam tidak mendapat perkhidmatan yang sewajarnya. Kalaupun tidak mahu diberikan melalui wakil rakyat pihak pembangkang tidak mengapa. Akan tetapi kenapa diberhentikan terus pembangunan bagi kawasan-kawasan yang kebanyakannya di sebelah pembangkang ini adalah kawasan-kawasan luar bandar, kawasan orang Melayu, kawasan orang Islam.

Begitu juga dalam belanjawan itu kita lihat bagaimana *treatment* belanjawan yang menimbulkan keresahan rakyat. Bagaimana sekolah-sekolah kebangsaan yang mendukung Dasar Pelajaran Kebangsaan yang rata-rata berada di kawasan miskin, yang rata-rata berada di kawasan luar bandar mendapat hitung panjang Program Baik Pulih Sekolah hanya pada RM3,000 sebuah sekolah.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya kalau Yang Berhormat Kalabakan minta laluan, dia tidak bagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Akan tetapi berbanding dengan kawasan-kawasan di mana sekolah-sekolah persendirian Cina misalnya yang tidak mendukung Dasar Pelajaran Kebangsaan, hitung panjang bagi satu-satu sekolah sampai RM 250 ribu. Ini menimbulkan satu suasana keresahan begitu juga dalam beberapa peruntukan-peruntukan yang lain.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, keresahan-keresahan ini menambahkan lagi suasana ketidakstabilan pada kerajaan dan menghakis keyakinan terhadap keupayaan kerajaan itu sendiri. Oleh sebab itu pada hari ini saya ingin mengemukakan hendak membantu kerajaan, hendak *highlight* sekurang-kurangnya ada tujuh perkara yang saya hendak bangkitkan di mana perkara-perkara itu menjadi dan seharusnya menjadi perkara yang harus mendapat perhatian daripada kerajaan.

Saya hendak mengesyorkan juga selain daripada tujuh perkara yang harus menjadi perhatian kerajaan untuk memberi pembelaan kepada rakyat adalah tujuh cadangan yang saya hendak syorkan di peringkat akhir ucapan saya nanti sebagai cadangan-cadangan dalam masa yang terbatas ini. Tuan Yang di-Pertua...

■1440

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh celah? Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Daripada ucapan Yang Berhormat Ketereh ini, saya dengar belanjawan ini memang belanjawan kencing rakyat lah. Yang Berhormat setuju atau tidak? Bukan sahaja rakyat kena kencing, Perdana Menteri pun kena kencing. Apabila komik yang bertajuk, '*Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama*' ini yang kita sedia maklum hari ini telah diharamkan oleh KDN dan waktu Perdana Menteri bagi kepada Presiden China, Perdana Menteri pun tidak tahu benda sebenar. Jadi, setuju atau tidak? Bukan sahaja rakyat kena kencing tetapi Perdana Menteri pun DAP kencing.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ini apa yang berlaku peristiwa komik itu sebenarnya satu manifestasi yang sangat membimbangkan. Pada saya, apabila PDRM- kita terlebih dahulu kena ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri yang telah mengambil langkah yang cepat untuk mengharamkan komik BRI itu dan kita juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan, Menteri Pendidikan kerana berani mengambil sikap yang tegas.

Akan tetapi masyarakat harus tahu ya apa yang berlaku itu, orang kata hanya *at the tips of the iceberg*, dengan izin. Apa yang kita nampak itu sedikit. Apakah lagi yang ada di belakang? Apakah negara kita ini sudah diinfiltrasi oleh fahaman komunis ataupun ada percubaan-percubaan hendak memanjangkan, hendak memperluaskan fahaman-fahaman sosialis komunis ataupun dalam kerajaan kita itu telah *being infested* ataupun telah dikerumuni oleh mereka yang mempunyai fahaman-fahaman yang sedemikian.

Saya merasakan ini pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Polis Diraja Malaysia tidak harus berlengah-lengah untuk memastikan penyiasatan yang mendalam. Tidak cukup dengan hanya mengharamkan komik tetapi juga bagaimana dengan orang yang telah terlibat dalam membuat kata pengantar, membenarkan ia disebarkan di sekolah. Timbalan Menteri yang menerimanya tetapi tidak menegur. Kemudian, membenarkan pula ia diedarkan dan sebagainya. Mereka ini harus dipertanggungjawabkan.

Kalau dahulu rakyat memiliki sahaja dokumen, mereka telah dikenakan tindakan ISA dan sebagainya. Bagaimana boleh sekarang Menteri, anggota Kabinet, Timbalan Menteri terlibat dalam dokumen yang telah disahkan oleh Kementerian Dalam Negeri berbaur unsur komunis dan sosialisme diedarkan di sekolah-sekolah. Kita mencabar kerajaan untuk mengambil tindakan yang keras kerana ini boleh membawa bahana yang besar kepada kerajaan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pantun. Pantun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: ...Saya ada masa yang agak terbatas. Saya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pantun. Yang Berhormat Ketereh, pantun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa tinggal dua minit lagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Nanti dulu. Saya belum pantun lagi. Lepas ini siapa hendak celah, saya bagi yang berpantun sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi nanti jangan mengadu masa tidak cukup ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tujuh peringatan untuk Kerajaan Pakatan Harapan yang menyentuh aspek-aspek yang saya harap kerajaan akan mengambil perhatian. Pertama, soal sara hidup.

*Sara hidup terus meningkat;
Sewa mahal, minyak dah tentu;
Dahulu mengharap janji Yang Berhormat;
Lepas PRU, rakyat tertipu.*

Aspek kedua yang Pakatan Harapan harus ambil perhatian mengenai harga barang...

*Keperluan harian terpaksa dibeli;
Di pasar supermarket setiap hari;
RM lima ratus separuh trol;.
Semua barang melambung tinggi.*

Soal pekerjaan.

*Umur 18 boleh mengundi;
Tetapi usia masih bersekolah;
Dana pelajaran sukar didapati;
Pekerjaan pula semakin susah.*

Hutang negara.

*Hutang negara semakin bertambah;
Belum dibayar, berhutang lagi;
Aset negara terjual sudah;
Projek dirogol sesama kroni.*

Pasaran saham.

*Pasaran saham jatuh merudum;
RM empat ratus bilion susut setahun;
Menteri Kewangan hanya tersenyum;
Masih boleh mengedar kartun.*

Politik.

*Politik semakin tidak menentu;
Ramai calon Perdana Menteri;
Sedangkan PM tidak dibantu;
Tikam belakang setiap hari.*

Prestasi Kabinet.

*Prestasi Kabinet amatlah buruk;
Kadir Jasin puas menegur;
Umpama bunga disunting beruk;
Semakin dibaiki, semakin hancur.*

Itu tujuh rangkap pantun untuk memberikan peringatan mudah kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak bagi yang kelapan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya memberi-cepat. Cepat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:

*Dari Kimanis ke Kuala Baram;
Singgah sebentar di Pekan Kapit;
Komik komunis sudah diharam;
Perlulah dihukum pengedar, penerbit?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:

*Pergi Ketereh naik bot;
Singgah sebentar Restoran Malabar;
Kerajaan PH sudah kelam kabut;
Apakah Parlimen wajar dibubar?*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya sambung menggulung. Gulung saya juga dengan tujuh pantun yang terakhir yang berupa cadangan-cadangan. Pertama cadangan daripada sudut politik.

*Kembalikan semula politik kestabilan;
Kerajaan segera keluarkan kenyataan;
PM ketujuh terus dikekalkan;
PM kelapan tunggulah giliran.*

Cadangan kedua.

*Masalah utama ialah ekonomi;
Yang berkuasa Menteri Kewangan;
Kalau dua tahun masih tidak menjadi;
Rombak Kabinet gugurkan Bagan.*

Ketiga, aliran tunai.

*Aliran tunai punca masalah;
Akibat cukai tidak teliti;
Rizab PETRONAS usah dijarah;
Terima kesilapan kembalikan GST.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Keempat, gaji minimum.

*Gaji minimum RM1,500 boleh laksana ikut kawasan;
Para Menteri janganlah rakus;
Elak merogol;
Elak semburitan.*

Cadangan yang kelima, soal komunis.

*Komunis ekstremis sangat bahaya;
Boleh terjejas negara yang aman;
KDN, IGP bertindaklah segera;
Semua petualang kenakan tindakan.*

Cadangan yang keenam, suasana politik.

*Suasana politik tidak menentu;
Cabaran global semakin menekan;
Rekonsiliasi nasional mungkin diperlu;
Bentuk muafakat wujudkan penyatuan.*

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang ketujuh berkaitan dengan hubungan diplomatik yang banyak dirosakkan oleh Pakatan Harapan yang menjejaskan harga sawit, menjejaskan dagangan, menjejaskan pelaburan. Saya ingin menyampaikan cadangan.

*India dan China rakan dagang;
Harus disantuni, bukan dimusuhi;
Dasar luar negara terbilang;
Harus bijaksana penuh diplomasi.*

Saya tengok tidak ada pula hari ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa dah tamat lama. Kena adil kepada semua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Masa dah tamat melihat Yang Berhormat Jelutong tidak ada. Kalau tidak saya sedia satu pantun untuk dia, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah lah. *Don't be personal.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Siakap senohong gelama ikan duri...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payahlah. Sila duduk.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sekijang. Sila Yang Berhormat Sekijang... *[Tepuk]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mengalu-alukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan bazir masa. Apa, mengalu-alukan? Boleh. Boleh, boleh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru-guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Jalil Shah, Seberang Perak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selamat datang semua.

Sila, Yang Berhormat Sekijang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selamat datang dan sokong Barisan Nasional eh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini bukan pasar ya. Sila Yang Berhormat Sekijang.

2.47 ptg.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2020 yang bertemakan, '*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama*' yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 11 Oktober yang lepas.

Walaupun negara menghadapi kekangan kewangan dalam tadbir urus dan pembangunan negara ekoran daripada hutang dan liabiliti yang dibuat oleh kerajaan terdahulu dan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Pakatan Harapan, namun pihak kerajaan tetap komited dalam usaha memulihkan hutang negara dan terus memacu perkembangan ekonomi demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kesediaan kerajaan dalam memberikan peruntukan yang lebih kepada sektor pendidikan. Kementerian Pendidikan diberi peruntukan yang tertinggi dalam Belanjawan 2020 dan hampir semua belanjawan yang terdahulu juga mengutamakan peruntukan dalam sektor pendidikan.

Belanjawan 2020 memperuntukkan sejumlah RM64.12 bilion kepada Kementerian Pendidikan dan ia menunjukkan peningkatan sebanyak 6.45 peratus berbanding dengan RM60.24 bilion pada tahun 2019. Peruntukan yang besar ini memperlihatkan bahawa sektor pendidikan merupakan sektor yang sangat penting dalam usaha untuk mewujudkan kualiti pendidikan yang lebih baik pada masa hadapan. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada isu pendidikan yang saya kira tiada kesudahan sehingga kini dan perlu diberikan penekanan oleh pihak kerajaan.

Pertama, kebajikan guru. Isu guru-guru tidak dibenarkan untuk bersara awal bukanlah isu yang baharu. Sehingga kini ramai guru yang memohon untuk bersara awal atas faktor kesihatan tidak diluluskan oleh pihak kementerian.

■1450

Saya tidak faham apakah rasionalnya pihak kementerian untuk tidak memberikan kelulusan permohonan untuk bersara awal sedangkan guru-guru yang mengalami masalah kesihatan ini tidak berupaya lagi untuk mengajar. Misalnya kes guru yang menghidap penyakit buah pinggang dan perlu menjalani dialisis secara berjadual. Dalam seminggu tiga kali iaitu setiap kali ialah empat jam. Jadi, umum sedia maklum bahawa rawatan dialisis perlu dilakukan sebanyak tiga kali ini dalam masa seminggu maknanya 12 jam akan menjejaskan keadaan kesihatan guru itu sendiri.

Apabila balik semula ke kelas dengan keadaan letih dan tidak bermaya dan ini akan memberikan satu gambaran yang tidak begitu baik kepada pelajar-pelajar ataupun kepada murid-murid apabila melihat keadaan guru yang letih itu. Jadi, apabila ada permohonan daripada guru-guru yang mereka sendiri tahu keupayaan mereka untuk meminta persaraan awal dibenarkan. Ini berlaku di tempat saya sendiri sehingga guru itu memohon sekali lagi untuk bersara dengan alasan tidak berminat untuk mengajar dan beliau telah dapat persaraan itu dan selepas beberapa bulan beliau telah meninggal dunia.

Seterusnya tentang Bantuan Sarapan Percuma di semua sekolah. Saya menyambut baik usaha kerajaan dalam memperkenalkan Bantuan Sarapan Percuma di semua sekolah. Walaupun inisiatif ini merupakan inisiatif yang ditambah baik daripada Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Namun, Bantuan Sarapan Percuma ini memperlihatkan bahawa guru-guru akan turut bersarapan bersama dengan pelajar-pelajar atau dengan murid-muridnya. Perkara yang perlu diberikan penekanan ialah pihak kementerian perlu memastikan Bantuan Sarapan Percuma ini membekalkan makanan yang berkhasiat kepada murid-murid.

Hal ini amat penting bagi memastikan setiap murid mendapat zat dan nutrien yang secukupnya agar pembelajaran dapat berjalan dengan sempurna. Inisiatif ini juga amat baik dalam kita melihat bagaimana hubungan atau interaksi antara guru dengan murid-muridnya sendiri. Misalnya, pada masa itu guru dapat melihat keadaan anak-anaknya secara tidak formal dan murid-murid sendiri bebas untuk bertanya, bersoal jawab semasa mereka makan dan juga boleh juga diajarkan adat resam ataupun macam mana apabila hendak makan kalau yang Islamnya ada doanya, yang bukan Islam pun ada doa sebelum makan dan duduk secara tertib makan dan macam-macam lagi. Yang saya rasa dapat mengeratkan lagi perhubungan antara seorang guru dengan murid-muridnya.

Saya juga bersetuju apabila disarankan supaya setiap hari guru yang berlainan tetapi pada kelas yang sama. Jadi, projek ini atau program ini saya rasa harus dimulakan seawal tahun hadapan iaitu dengan persediaan yang secukupnya iaitu siapakah pembekalnya ataupun yang akan menyediakan makanan. Mereka ini juga perlu diadakan latihan dilihat secara fizikalnya, kesihatan pembekal dan ini adalah amat penting sebab ia tidak berlaku lagi keracunan makan di sekolah-sekolah.

Seterusnya, mengenai penyeragaman bantuan kepada semua sekolah. Umum sedia maklum sekolah yang berstatus sekolah bantuan modal kurang mendapat peruntukkan daripada kerajaan seperti mana sekolah bantuan kerajaan. Sekolah bantuan kerajaan menerima peruntukkan dari segi pembangunan infrastruktur, kemudahan, keperluan mengajar dan sebagainya.

Namun, tidak bagi sekolah yang berstatus sekolah bantuan modal. Sekolah bantuan modal hanya menerima tenaga pengajar daripada kerajaan. Akan tetapi sekolah ini menghadapi kekangan khususnya dari segi kewangan. Bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan sekolah. Sekolah ini juga terpaksa mencari dana sendiri bagi menampung kod pengurusan dan kelengkapan kemudahan sekolah. Alasan yang diberikan oleh pihak kementerian, status tanah di mana sekolah ini didirikan adalah tanah persendirian ataupun tanah wakaf.

Oleh sebab itu, kerajaan tidak boleh melakukan sebarang pembangunan di sekolah berkenaan kerana tanah sekolah tersebut bukanlah tanah kerajaan. Saya merasakan sekolah bantuan modal ini seolah-olah dipinggirkan dari segi pembangunan infrastruktur. Seharusnya pihak kementerian mempertimbangkan cara bagaimana sekolah bantuan modal ini boleh mendapat kemudahan di mana bantuan yang diterima oleh sekolah bantuan kerajaan.

Seterusnya, isu penderaan bayi dan kanak-kanak seperti tiada kesudahannya. Ada yang didera, diabaikan sehinggakan ada juga mati akibat daripada tindakan pengasuh pusat jagaan kanak-kanak. Hakikatnya kini, guru-guru mahupun kakitangan sokongan yang mempunyai anak kecil tidak ada pilihan lain selain daripada terpaksa menghantar anak mereka ke pusat asuhan kanak-kanak ekoran daripada komitmen mereka sebagai penjawat awam ataupun sebagai pekerja.

Oleh yang demikian, ibu bapa tidak dapat memantau anak-anak mereka dengan lebih dekat. Oleh itu saya ingin mengesyorkan agar pihak Kementerian iaitu pihak Kementerian Pendidikan mempertimbangkan untuk mewujudkan pusat asuhan kanak-kanak di sekolah-sekolah utama agar kes penderaan dan kematian bayi tidak akan berlaku lagi, di samping keselamatan anak-anak mereka lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa perumahan begitu penting sebagai keperluan asas oleh setiap keluarga, setiap keluarga mengimpikan sebuah rumah yang baik dan selesa demi kelangsungan hidup yang lebih sejahtera. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk terus mewujudkan rumah mampu milik di kawasan bandar, mahupun di kawasan luar bandar. Kerajaan juga telah mempermudah golongan muda untuk membuat pinjaman perumahan, manakala peminjam yang telah di senarai hitam oleh PTPTN juga boleh membuat pinjaman perumahan.

Namun isu rumah yang terbengkalai masih menghantui setiap pembeli rumah. Saya ingin menarik perhatian kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan isu projek rumah swasta yang terbengkalai di Taman Tengku Abdul Rahman Segamat, Johor. Kerja-kerja pembinaan projek perumahan ini telah dilakukan pada tahun 2003 dan sepatutnya siap pada bulan Oktober tahun 2005.

Namun, projek perumahan ini tergendala dan telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 16 Mac 2012. Apa yang dikesali ialah terdapat pembeli rumah yang masih lagi membayar ansuran pinjaman sehingga kini melalui pemotongan atau simpanan mereka, walaupun projek perumahan ini tidak lagi diteruskan oleh pemaju. Hal ini telah menghampakan harapan pembeli rumah yang sentiasa menanti hari demi hari untuk memiliki rumah yang mereka idamkan.

Saya juga difahamkan bahawa pembeli hartanah telah menghantar surat aduan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang masing-masing bertarikh 24 Julai 2018. Namun, sehingga kini tiada sebarang maklumat dan tindakan yang akan diambil baik daripada pihak kerajaan negeri mahupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya mohon agar pihak Kementerian meneliti kembali isu projek perumahan yang terbengkalai ini dan mengambil tindakan yang perlu bagi menyelesaikan masalah perihal pembelian tanah ini yang telah berlarutan selama lebih dari 15 tahun. Jangan dibiarkan warga emas ini hidup dalam kesempitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah merancang untuk menubuhkan sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di daerah Segamat yang akan didirikan di kawasan Parlimen Sekijang. Penubuhan sebuah MRSM di daerah Segamat amatlah perlu dalam usaha untuk merancakkan sektor pendidikan di daerah ini. Kedudukan daerah Segamat yang strategik, yang bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Pahang dapat memberikan peluang pendidikan yang lebih berkualiti buat anak didik di ketiga-tiga buah negeri.

Namun begitu, penubuhan MRSM ini terencat ekoran daripada peruntukkan daripada pihak Kementerian yang masih kabur dan tanah sebanyak 70 hektar ekar telah pun diperolehi. Oleh itu, saya mohon agar pihak Kementerian dapat mempertimbangkan penubuhan MRSM ini di Sekijang supaya lebih ramai anak didik tempatan dan juga di luar daripada kawasan daerah Segamat yang cemerlang dan berkualiti dapat dilahirkan sebagai modal insan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 daerah Segamat juga berpotensi dalam menyumbang kepada kehadiran pelancong dari dalam mahupun luar negara.

■1500

Pelbagai keistimewaan dan tarikan boleh diketengahkan kepada pelancong untuk datang ke daerah Segamat. Antara tarikan yang ada ialah terdapatnya sukan terjunan udara ataupun *sky dive*. Di Malaysia, sukan terjunan udara tidak diberikan penekanan dalam usaha untuk menarik pelancong dan merancakkan ekonomi setempat. Daerah Segamat memiliki kawasan lapangan terbang atau *airstrip* di mana sebahagian kawasan tersebut dijadikan tempat bagi aktiviti sukan terjunan udara yang hanya dijalankan pada hujung minggu, itu pun tidak selalu.

Jika ditinjau di negara luar seperti Thailand, Australia dan Dubai, sukan terjunan udara memberikan pulangan yang besar kepada ekonomi negara dengan keterlibatan penerjun-penerjun dari seluruh dunia. Agak sayang sekiranya sukan yang mempunyai potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi negara tidak diketengahkan. Saya berharap agar Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Belia dan Sukan dapat membantu dalam memberikan peruntukan dan penekanan kepada sukan ini supaya sektor pelancongan dan galakan masyarakat dalam sukan ekstrem ini dapat diperhebatkan.

Selain daripada itu, Daerah Segamat juga merupakan daerah yang terkenal dengan buah-buahan tempatan terutama sekali durian. Daerah Segamat juga antara daerah yang menghasilkan buah durian yang terbesar di Malaysia. Potensi yang ada ini perlu untuk diketengahkan dengan cara mempromosi '*Kampung Durian*' kepada para pelancong dan menikmati produk industri kecil dan sederhana dalam produk-produk yang dihasilkan daripada buah durian. Penglibatan dan usaha sama daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani secara langsung dapat membantu melebarkan perniagaan dan hasil rakyat tempatan sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Bencana banjir besar yang melanda negeri khususnya di daerah Segamat memberikan tamparan yang sangat mendalam kepada penduduk setempat. Banjir besar yang melanda daerah Segamat pada tahun 2006 dan tahun 2011 telah menyedarkan masyarakat akan pentingnya penjagaan dan pemuliharaan sungai. Pembuangan sampah sarap dan sisa buangan di dalam sungai telah menyebabkan fungsi sungai sebagai kawasan saliran air hujan akan merencatkan ekosistem secara keseluruhannya.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli perlu merangka langkah kontingensi agar bencana banjir yang pernah berlaku satu ketika dahulu tidak akan berulang kembali. Selain itu, Sungai Muar di daerah Segamat juga mempunyai manfaat yang boleh diterima oleh penduduk setempat di mana sungai ini sangat terkenal dengan ikan baung dan juga udang galah yang boleh dikomersialkan.

Penglibatan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga amat penting dalam memberikan peruntukan seperti membaiki dan menaik taraf jeti nelayan di sepanjang sungai agar hasil tangkapan sungai secara tidak langsung dapat menjana pendapatan nelayan setempat.

Pelaksanaan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) di Johor menjelang tahun 2023 mampu mengekalkan prestasi negeri Johor sebagai salah sebuah negeri penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Kesalinghubungan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: ...Digital yang mampan dan menyeluruh merupakan satu keperluan kerana menjadi faktor penyumbang pelaburan langsung asing di negeri Johor selain menyediakan persekitaran kondusif bagi penggunaan teknologi baharu seperti 5G. Hasrat kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat. Sila menggulung.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: ...Bagi pembangunan teknologi baharu 5G amatlah dialu-alukan. Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ayat yang terakhir.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Saya menyeru agar kita bersama-sama membentuk corak dan acuan Malaysia dan bersaing di pentas dunia. Ini kerana kita tidak boleh ketinggalan pada ketika dunia ini dipelopori oleh negara maju dan kaya. Dasar Kemakmuran Bersama 2030...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Mohon bertulis lah.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: ...Yang diketengahkan oleh pihak kerajaan perlu difahami dan diteladani oleh semua rakyat Malaysia agar negara kita mampu bangkit menjadi sebuah negara maju, pertumbuhan ekonomi yang pesat dan bebas dari rasuah. Ambil-lah iktibar daripada pandangan serong dunia terhadap Malaysia sebelum ini. Bersama kita buktikan bahawa Malaysia berupaya menjadi sebuah negara maju berdaya saing dan mampu mengharungi cabaran mendatang, seterusnya membawa Malaysia sekali lagi disegani di mata dunia. Akhir kata, saya mohon untuk mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Serian. Selepas itu Yang Berhormat Bentong. Sila.

3.05 ptg.

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Serian, Serian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Serian, Sarawak.

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk turut sama membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tema Belanjawan 2020 berbunyi, "*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke arah Kemakmuran Bersama*". In English, "*Driving Growth and Equitable Outcomes Towards Shared Prosperity*".

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik tema ini kerana sememangnya kalau betul ia bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain, di antara satu negeri dengan negeri yang lain, di antara orang yang kaya dengan orang yang miskin. Itu-lah sebabnya saya menyambut baik tema Belanjawan 2020. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, setelah saya melihat, setelah saya meneliti kandungan atau inti pati Belanjawan 2020, saya tidak nampak belanjawan ini benar-benar menuju ke arah mencapai matlamat Wawasan 2030, wawasan *shared prosperity* ini.

Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2020 khusus untuk negeri Sarawak dan Sabah, saya menyebut di sini, saya petik, "*Sarawak diperuntukkan RM4.4 bilion iaitu bersamaan dengan 7.8 peratus dari jumlah peruntukan sebanyak RM56 bilion. Manakala Sabah, diperuntukkan RM5.2 bilion iaitu bersamaan dengan 9.28 peratus*".

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dicadangkan untuk negeri Sarawak dan Sabah berjumlah RM9.6 bilion iaitu lebih kurang dari segi peratusnya 17.14 peratus. Ini bererti dari peruntukan tersebut, peruntukan pembangunan untuk seluruh negara peruntukannya ialah sebanyak RM56 bilion. Jikalau Sarawak dan Sabah jumlahnya sebanyak RM9.6 bilion, ini bererti 17.14 peratus diperuntukkan untuk negeri Sabah dan Sarawak dan selebihnya sebanyak RM46.4 bilion iaitu bersamaan 82.86 peratus diperuntukkan untuk Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak besar, kawasannya luas seluruh negeri Sarawak. Kalau Semenanjung ditolak negeri Melaka Semenanjung Malaysia, negeri Sarawak akan sama luas kawasannya dengan seluruh Semenanjung Malaysia tolak negeri Melaka. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, di sini bagi saya, memperuntukkan hanya 7.8 peratus dari seluruh peruntukan dalam Belanjawan 2020 ini adalah tidak menuntut kepada wawasan negara kita iaitu yang berbunyi *shared prosperity*.

■1510

Lebih lagi Tuan Yang di-Pertua, manifesto Kerajaan Pakatan Harapan semasa PRU Ke-14 yang lalu telah menyatakan bahawa bila ketika itu kalau Pakatan Harapan menang, peruntukan pembangunan untuk negeri Sarawak dan Sabah, jumlah yang akan diberi adalah 30 peratus daripada seluruh peruntukan pembangunan. Akan tetapi melihat kepada peruntukan yang telah disediakan dalam belanjawan ini iaitu 17.14 peratus. Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, *we are sort of about* 12.86 peratus. Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap agar peruntukan yang hanya 17.14 peratus ini dikaji semula. Kalau tidak dalam Belanjawan 2020, *consider it to be put in the Rolling Plan*. Itu permintaan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyebut sedikit, akan tetapi walaupun sedikit, maknanya banyak. Iaitu mengenai *oil and gas*. Semasa pilihan raya, sebelum dan semasa berkempen Pilihan raya Keempat belas, saya ada rekod di sini, telah disebutkan bahawa kalau Pakatan Harapan menang, royalti yang akan diberi kepada negeri Sarawak daripada lima peratus yang sedia ada ketika itu akan meningkat kepada 20 peratus. Ini dalam manifesto, ini janji Pakatan Harapan. Setelah menang, sekarang telah pun menjadi kerajaan sejak 10 pagi, 10 Mei 2018, satu tahun lima bulan lebih kurang, apa yang telah dijanjikan itu Tuan Yang di-Pertua, tinggallah janji.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap agar selain daripada peruntukan pembangunan yang hanya untuk Sarawak daripada seluruh peruntukan pembangunan untuk Sarawak yang hanya 7.8 peratus ini ditambah pula dengan 20 peratus royalti minyak dan gas seperti yang dijanjikan dalam manifesto. Saya percaya itulah caranya. Itu langkah yang perlu dibuat dan kalau dibuat, maka jurang perbezaan di antara Sarawak, Sabah dengan Semenanjung, sudah tentu terjawab dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada minyak dan gas, saya pergi ke komoditi sawit dan getah. Saya nampak dalam Belanjawan 2020, ada disebutkan tentang keprihatinan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun, para petani dan nelayan. Di sini, *credit must be given* kepada yang harus diberi. Saya menyambut baik keprihatinan kerajaan untuk membantu para petani khususnya para pekebun kecil yang mengusahakan komoditi sawit dan getah. *Amount was there*, banyak. Terima kasih, tetapi saya berharap dana di bawah peruntukan ini juga dipanjangkan ke negeri Sarawak dan ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, komoditi lada. Bila saya menyebut perkataan lada, mungkin ramai yang tidak tahu, tidak pernah melihat akan pokok lada, *I know*. Oleh sebab ada di antara mereka yang bertanya kepada saya, *what is white pepper? What is black pepper? White pepper and black pepper are the same except the* cara menghasilkannya iaitu dalam mana *white pepper* untuk mengeluarkan lada putih, kita memerlukan ianya dengan izin, *soak in the water for at least two weeks*. Manakala untuk lada hitam, senang. Selepas dipetik, kita jemur selama dua hari ke tiga hari, ia menjadi lada hitam.

Saya menyebut di sini Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap keluarga di kawasan Parlimen saya, di kawasan Betong, di kawasan Sri Aman, di kawasan Sarikei mempunyai sekurang-kurangnya 100 pokok lada untuk ditanam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Serian. Apa pandangan Yang Berhormat Serian, langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan berhubung tentang industri lada ini? Lada hitam, lada putih kerana pada era Barisan Nasional, harganya RM11 ribu lebih se tan tetapi sekarang turun ke RM4,000 lebih, tinggal hanya RM7,000 lebih se tan. Apa punca kejatuhan mendadak harga lada ini ketika zaman PH ini? Kenapa?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Soalan itu hendaklah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Walau bagaimanapun, apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pontian itu betul. Pagi tadi saya telah menelefon balik ke kawasan saya, ya, harga lada memang daripada segi kos pengeluarannya tidak cukup. *The cost of production is not even enough- the cost of the price per kilogram or per tan is not even enough to cover the production cost*. Maka oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut sebentar tadi, berbalik kepada Yang Berhormat Pontian, kerajaan harus mencari jalan untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan lada, sama ada lada putih atau lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini, saya telah menyebut perkataan Serian dalam mana hampir setiap keluarga di kawasan Parlimen saya mempunyai sekurang-kurangnya 100 pokok lada hitam. Kalau harga lada hitam ini melebihi RM11,000 atau melebihi RM10 ribu sebulan, ini bererti rakyat yang mengusahakan komoditi lada ini akan dapat hidup. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sebenarnya pernah menjadi, *I was actually the first Chairman of The Malaysian Pepper Board. The first chairman and I was there for four years before I was appointed as Deputy Minister of Foreign Affairs.*

Tuan Yang di-Pertua, harga lada sekarang memang jatuh. Saya telah menyebut harganya tidak boleh menampung *production cost* tetapi saya tidak mahu perusahaan lada ini seperti mana 20 tahun yang lepas, ramai di antara mereka menebang pokok lada sehingga industri lada ini hilang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat, saya pun ingin dengar kisah industri lada tetapi masa amat cemburu. Sila menggulung.

■1520

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih. Jadi saya untuk memendekkan, lada hanya ditanam di negeri Sarawak 95 peratus. Hanya lima peratus ditanam di Semenanjung Malaysia iaitu di Johor. Maka di sini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak nampak perkataan lada dalam Belanjawan 2020, saya minta agar Kementerian Perusahaan Utama mengambil berat akan kesulitan yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan lada hitam.

Caranya mungkin memang ada orang yang tidak suka dengan perkataan subsidi tetapi saya masih berpendapat bahawa pengusaha khususnya pekebun kecil lada hitam hendaklah diberi bantuan sama ada dengan memberi subsidi. Macam mana subsidi itu hendak diberikan? Itu saya serahkan kepada kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama untuk mencari jalan. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila akhiri ucapan Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Masih panjang lagi Tuan Yang di-Pertua. So, dalam masa yang singkat ini saya harus bercakap tentang Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Tebedu. Kalau dua minggu yang lepas saya telah menyebut tentang perlunya jalan yang menghubungkan pekan Serian dengan Tebedu dinaiktarafkan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika itu telah menyatakan bahawa ia tidak boleh.

Setakat ini oleh kerana LOS, banciaan tidak mencukupi untuk ia di naik taraf...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat, oleh kerana saya terpaksa memberi masa kepada anggota Dewan yang lain, saya cadangkan soal spesifik ini Yang Berhormat tulis surat kepada Menteri, maka diberikan jawapan bertulis. Boleh?

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Okey, terima kasih. Jadi seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada seterusnya lagi...

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: *Last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Masa sudah tamat lama Yang Berhormat. Ya.

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Okey, minta maaf. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama. Sekarang saya menjemput...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Yang Berhormat Bentong.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu Yang Berhormat Machang.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya hendak alu-alukan kehadiran Pemuda PAS Kawasan Tumpat di dalam Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, selamat datang kepada semua. Sila Yang Berhormat Bentong, selepas itu Yang Berhormat Machang. Sila.

3.22 ptg.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2020. Pada pandangan saya, bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membawa manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Saya ucapkan tahniah kepada beliau dan pasukannya.

Namun, saya juga amat setuju dengan rakan baik saya Yang Berhormat Kuala Kedah bahawa kejayaan bajet ini sangat bergantung kepada mekanisme pelaksanaannya. Tidak boleh sekata memberi wang atau kontrak kepada syarikat besar atau *big players*. Saya faham, pemberian seperti subsidi adalah niat baik kerajaan untuk membantu rakyat dalam keadaan kemelut ekonomi yang dihadapi.

Akan tetapi saya rasa ini cuma satu jalan penyelesaian jangka pendek. Contohnya setiap kali selepas saya menandatangani surat kelulusan untuk pemberian sumbangan wang untuk warga miskin di kawasan saya, persoalan yang sering timbul ialah selepas ini macam mana? Terus bagi untuk berapa lama? Dalam jangka panjang seperti yang telah dibahaskan oleh ramai rakan saya, ia akan mewujudkan satu masyarakat kebergantungan.

Oleh itu, aspek penting dalam pelaksanaan yang saya rasa perlu dititikberatkan ialah penglibatan rakyat. Kemenangan Pakatan Harapan pada PRU-14 adalah hasil gandingan mantap dengan rakyat. Tanpa usaha dan pengorbanan rakyat, maka tiadalah Kerajaan Pakatan Harapan.

Akan tetapi sejak mencapai kemenangan, kita terlihat semakin terpinggir dari rakyat. Mereka tidak lagi berpeluang untuk menyumbangkan tenaga seperti dilihat sebelum PRU-14. Kita perlu kembali ke akar umbi dan membawa kembali semangat yang dulu. Rakyat perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian agar mereka menghargai, ada rasa tanggungjawab untuk sama-sama membina negara ini.

Saya tahu, terdapat ramai di luar sana seperti masyarakat sivil dan golongan pakar-pakar dan profesional dari dalam dan luar negara yang sentiasa bersedia untuk menyumbang masa dan tenaga kepada pembangunan negara ini. Mereka cuma menunggu peluang.

Tuan Yang di-Pertua, selepas lebih setahun setengah saya menjadi Ahli Parlimen, saya lihat masih ada segolongan besar rakyat terutamanya di kampung dan estet di mana kehidupan mereka masih tidak ubah seperti zaman ibu bapa saya. Anak-anak yang berlapar perut ke sekolah, ibu bapa yang gelisah setiap kali menjelang musim hujan kerana tiada pendapatan.

Rakyat yang kaki kena potong atau terlantar di atas katil kerana kencing manis, strok dan sebagainya, anak-anak muda dan kaum wanita yang menganggur kerana tiada kemahiran atau peluang. Akan tetapi pada masa yang sama, saya juga lihat terdapat banyak kawasan tanah subur yang terbiar, yang tidak diusahakan. Kita juga dikurniakan sungai yang deras dan sinaran matahari sebanyak 2,000 jam setahun.

Tuan Yang di-Pertua, *the immediate problem* yang dihadapi rakyat miskin ialah kesihatan dan *to put food on the table*. Jadi, saya fikir, bolehkah kerajaan mengadakan sebuah kempen untuk menggalakkan rakyat terutamanya di kampung untuk menggunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk menghasilkan makanan. Bukankah lebih baik kita membantu mereka untuk menghasilkan makanan organik yang berkhasiat daripada terpaksa membekalkan *pampers*, ubat, kerusi roda di kemudian hari. Saya percaya...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bentong...

Tuan Wong Tack [Bentong]: ...Program seperti ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan minta laluan. Sedikit boleh?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Walaupun masa terhad?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja, fasal pertanian.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *Okay, I try my best. Go ahead.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa negara kita ini perlu menuju kepada industri pertanian. Apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya memperkasakan pertanian ini untuk membantu rakyat di luar bandar.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Saya setuju, saya setuju. Terima kasih. Saya percaya program seperti ini juga dapat membantu mengurangkan bil import makanan negara yang telah mencecah lebih daripada RM50 bilion pada tahun lepas. Jadi saya cadangkan agar kerajaan memulakan satu program kebun organik komuniti. Jika pada mulanya kita tidak mampu untuk menggerakkan program ini secara besar-besaran di seluruh negara...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit Yang Berhormat Bentong.

Tuan Wong Tack [Bentong]: ...Bolehkah kita mulakan dengan satu projek pilot di sebuah kampung terlebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kangar minta laluan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Program seperti ini...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta sedikit Yang Berhormat Bentong?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar. Tadi Yang Berhormat Bentong sebut pasal bil import. Saya sebelum-sebelum ini pun juga ada pernah sebut tentang bil import yang telah mencecah RM50 bilion. Cuma saya difahamkan kebanyakan daripada bil import makanan kita ini ialah terdiri daripada makanan haiwan.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Bentong tentang mungkin selama ini kita dalam aspek pertanian kita sendiri kurang menjadi pengeluar produk makanan haiwan yang menyebabkan kita terpaksa import.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bentong teruskan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *Thank you* ya. Jadi, saya cadangkan agar kerajaan memulakan satu program kebun organik komuniti. Program seperti ini tidak memerlukan dana yang besar. Jika boleh saya ingin menggunakan dana wakil rakyat PMR sebanyak RM2 juta untuk projek seperti ini. Akan tetapi malangnya tanah ini hanya dibenarkan digunakan untuk perkara-perkara seperti membaiki sekolah, bumbung rumah, lubang jalan raya dan sebagainya.

Sekiranya kerajaan tidak mampu memperuntukkan beberapa juta lagi untuk program ini, bolehkah saya usulkan agar wakil rakyat dibenarkan untuk menyalurkan dana PMR untuk memperkasakan rakyat untuk menghasilkan makanan dan sekali gus mengembalikan maruah mereka.

■1530

Bayanglah selepas biji benih disemai, dalam masa tiga minggu sahaja sawi, bayam dan banyak sayuran organik lain sudah boleh dihidangkan di atas meja untuk seisi keluarga. *This is low-hanging fruits and it will bring about immediate and direct positive impact to the poor*, dengan izin. Mungkin dalam masa beberapa waktu sahaja, mereka juga boleh mula membekalkan hasil tanaman organik kepada Program Sarapan Percuma di sekolah-sekolah. Ini akan menjadikan program ini lebih bermakna, di samping mengenyangkan perut, program ini juga dapat memperkasakan masyarakat setempat untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bangkitkan berkenaan sawit dan hutan. Sebanyak RM27 juta telah diperuntukkan untuk menangani propaganda anti sawit. Saya berpendapat bahawa cara termudah untuk meyakinkan dunia untuk agar menerima sawit kita ialah dengan membuktikan bahawa kita telah menunaikan janji kita di Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada tahun 1992 untuk mengekalkan 50 peratus liputan hutan. Saya tahu pucuk pimpinan negara kita sudah banyak kali ulang perkara ini tetapi hakikatnya dunia masih tidak percaya.

Jadi, saya ingin cadangkan agar kerajaan tubuhkan satu *independent, transparent and incredible task force with broad based representation*, dengan izin, yang dianggotai oleh NGO serta pakar-pakar tempatan dan luar negara dan serta gunakan *best available technology* untuk membuktikan kepada dunia komitmen kita. Ini bukan saja akan membantu membina semula imej negara tetapi sekali gus melindungi khazanah alam semula jadi negara ini.

Langkah kedua, saya mencadangkan kepada Kementerian Industri Utama untuk mengambil langkah tegas untuk menghentikan pembukaan ladang kelapa sawit di tanah hutan simpan kekal. Bermula tahun 2020, satu cadangan penguatkuasaan yang boleh dilakukan adalah dengan cara menggantung lesen kilang yang memproses hasil dari ladang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Saya tidak ada masa lagi, saya ada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit. Saya hendak sokong Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau tidak perlu sokong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak sokong dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia tidak cukup masa. Teruskan Yang Berhormat Bentong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta Yang Berhormat masukkan dalam ucapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Bahawa kita minta kerajaan negeri haramkan balak mulai tahun depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ini adalah cadangan daripada Yang Berhormat Arau.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Hutan simpan kekal.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh la kira sebab balak sudah pupus di negara ini.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin tekankan ialah Lynas. Keputusan kerajaan untuk memperbaharui lesen operasi Lynas, *it is wrong, very wrong...* [Tepuk] Adakah kita telah lupa pengajaran pahit Bukit Merah sebagai sebuah negara yang telah merdeka selama lebih 60 tahun yang sering melaungkan maruah bangsa dan negara.

Kenapa kita sanggup menjadi tong sampah kepada syarikat asing?... [Tepuk] Berapa besar saiz tanah yang perlu dikorbankan untuk menjadi tong sampah kepada sisa radioaktif Lynas? Berapa banyak Lynas akan bayar untuk guna tanah kita untuk selamanya? *Billion of years*. Mengapa kita sanggup korbankan tanah kita untuk Lynas sedangkan petani kita yang miskin, hendak buat kebun satu dua ekar pun susah diluluskan?... [Tepuk] Apakah kos yang perlu ditanggung oleh generasi akan datang untuk memantau...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Bentong.

Tuan Wong Tack [Bentong]: ...Dan menyelenggarakan sistem radioaktif Lynas selepas Lynas tubuh, ambil untung mereka dan tinggalkan negara kita.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Bentong, sini kawan-kawan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sini-sini, Yang Berhormat Bentong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sinilah, sana tidak pandai, sini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya hendak minta Yang Berhormat Bentong menjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, jangan angkat bakul masuk sendiri.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: ...Menteri siapa yang membenarkan, Menteri mana, kerajaan mana yang meluluskan perjanjian Lynas ini?... [Tepuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, berapakah jumlah bahan radioaktif yang telah datang ke sini? Berapakah yang telah didatangkan tiap-tiap bulan, Yang Berhormat?

Tuan Wong Tack [Bentong]: Ya, *sorry. I have no more time, let me finish this, because there is a few more things*. Miskin sangat kah kita ini sehingga sanggup mendedahkan anak-anak kita kepada tanggungan risiko kesihatan, kewangan dan tekanan psikologi untuk selama-lamanya? Mengapa kita sanggup berlaku begitu kejam terhadap anak-anak kita? Adakah disebabkan 600 pekerjaan?... [Tepuk]

Sebenarnya, jika kita sanggup untuk buka minda, lebih berinovasi dan kreatif, kita boleh wujud banyak peluang pekerjaan dalam industri yang mampan. Contohnya, industri buluh. Ramai yang gelak apabila ia dibangkit oleh Yang Berhormat Seputeh, Menteri Industri Utama. Hakikatnya, sekarang ada 10 juta pekerja di negara China yang bekerja dalam industri buluh. Tambahan pula ia adalah industri hijau yang bukan sahaja di terima oleh dunia, malah semakin berkembang.

Pada hari ini, telah ada lebih daripada 1,500 produk yang dibuat dari buluh. Sebagai Pengerusi Lembaga Kayu Kayan Malaysia (MTIB), saya bersama-sama ahli lembaga ingin menggalak industri buluh untuk terus berkembang... [Tepuk] Saya ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada Menteri yang mungkin terlepas pandang peruntukan kepada MTIB dalam Belanjawan 2020. Kami memerlukan jumlah yang sesuai untuk...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat bercadang untuk Kementerian menubuhkan Lembaga Buluh Negara?

Tuan Wong Tack [Bentong]: Saya ingin membawa perhatian ini, sedang dibincangkan. Perhatian ini untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri. *Not necessary, because it's under MTIB*. Industri buluh adalah di bawah Lembaga Kayu Kayan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau ada lembaga, baru kuat Yang Berhormat. Kita *duk* kawallah, *I mean* sebahagian daripada ucapan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *I have 10 more minutes, sorry.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini bukan soal kawan atau lawan, ini soal buluh.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Ya. Alasan kedua yang sering diluahkan ialah pelabur asing akan lari jika kita tutup Lynas. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimana menutupkan sebuah syarikat yang tidak berhenti-henti melanggar undang-undang dan peraturan negara boleh menyebabkan pelaburan asing lari? Pelabur jenis apa yang negara kita inginkan?

Alasan ketiga yang digunakan ialah untuk menggalakkan negara China memonopoli mineral nadir bumi berikut berantakan yang berlaku sekarang. Jika nadir bumi begitu penting kepada Jepun dan Amerika Syarikat, mengapa mereka tidak membina loji di negara mereka sendiri?... [Tepuk]

Dalam tahun 70-an, Jepun ada loji memproses nadir bumi tetapi mereka tutup kerana bimbang akan risiko pencemaran radioaktif. Mereka kemudian telah menubuhkan usaha sama *Asian Rare Earth* di Bukit Merah dan sekarang melabur di Lynas. Syarikat industri ini begitu menguntungkan, mengapa Australia tidak bina loji di negara mereka? Bahan mentah Lynas adalah dari Australia, kenapa perlu berlayar lebih 5,000 kilometer ke Kuantan?

Tuan Yang di-Pertua, janji 39 Manifesto Pakatan Harapan jelas mengatakan bahawa kita akan memastikan negara kita tidak menjadi tempat pembuangan bahan-bahan tercemar oleh syarikat-syarikat dari negara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bentong, saya faham isu Lynas...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami semua menyokong Yang Berhormat. Manifesto tidak diikuti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bentong, sila mengakhiri ucapan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *Okay, I will gulung.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *It's okay, let me cut short, I will cut short.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sampai ke *paragraph* terakhir.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Saya mahu ingatkan semua, perbincangan mengenai *global warming*, perubahan iklim telah bermula sejak lebih daripada 30 tahun yang lepas. Saya masih ingat pada ketika itu saya menuntut di universiti di Kanada dalam bidang alam sekitar. Kita telah mula bangkit dan memperjuangkan isu ini. Namun pada masa itu, ramai yang menganggap ia sebagai retorik dan tidak memandang serius isu ini. Akan tetapi pada hari ini perubahan iklim melihat sebagai isu yang paling menggugat.

■1540

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *The survival of humanity and we are running out of time*, dengan izin. Jutaan kanak-kanak, anak-anak muda di seluruh dunia seperti Greta Thunberg telah mula...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh bangkit semasa penggulungan *next step* ya.

Tuan Wong Tack [Bentong]: ...Sedar dan bangkit untuk mempertahankan alam sekitar dan masa depan kita. Saya yakin dalam masa yang terdekat kita akan menyaksikan kemunculan satu dunia hijau yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *The emergence of green new world*. Oleh itu, kita tidak boleh tutup mata, dan *go on as business as usual*, dan jangan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, terus baca, terus baca, jangan kira Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *One more line, please, one more line.* Okey..., sehingga menyebabkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.

To end my speech, saya ingin mengingatkan a new generation who make up this green new world will reject anything not green... [Tepuk] Including leaders who are not green. Thank you.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Yang Berhormat Arau bersemangat tinggi.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Saya mohon sokong Belanjawan 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: lalah tapi semua haru biru. Nanti Yang Berhormat Arau yang mengadu. Ya, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Machang.

Ada sepuluh Ahli Yang Berhormat lagi. Sila Yang Berhormat Machang.

3.41 ptg.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: ...Kepada rakan-rakan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum Yang Berhormat teruskan, saya harap semua beri kerjasama mematuhi masa. Jika tidak nanti sampai penghujung saya terpaksa memberi lima minit sahaja. Ia tidak adil kepada anggota Dewan ya. Sila Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua sudah curi 15 saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, nanti saya ganti balik.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya ucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Jelutong. Ada pula petang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti hantar maruku ya. Okey, sila, teruskan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Seluruh rakyat dalam negara ini terutama juga kepada rakyat-rakyat di dalam kawasan saya Machang yang beragama Hindu. Tuan Yang di-Pertua, pada 11 hari bulan yang lepas, Yang Berhormat Bagan telah membentangkan belanjawan yang menjadi tajuk penting perbahasan kita sehingga ke hari ini.

Anggaran perbelanjaan yang telah diunjurkan ialah berjumlah RM297 bilion dengan anggaran pendapatan negara RM244.5 bilion. Antara asas terpenting, belanjawan ini dibuat sudah tentulah ianya berdasarkan pada harga minyak. Kerajaan telah menyasarkan harga minyak pada tahun hadapan sekitar USD62 ataupun USD63 satu tong. Sekiranya harga minyak mencecah pada paras yang ditetapkan atau disasarkan, pihak kerajaan akan menerima dividen ataupun pemberian daripada Petronas yang berjumlah RM30 bilion. Di dalam masa yang sama anggaran perbelanjaan ini menunjukkan defisit 3.2 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sekiranya harga minyak tidak mencecah pada paras yang diharapkan oleh pihak kerajaan, maka sudah tentulah defisit ini akan meningkat. Saya hendak tanya, apakah langkah yang akan dibuat oleh pihak kerajaan. Adakah menambahkan hutang negara sebagaimana yang terdapat di dalam buku ini, 17.7 peratus...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Sedikit saja.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekejap, saya habiskan sedikit.

Sebanyak 17.7 peratus anggaran pinjaman yang akan dibuat. Pertama, adakah kita akan meningkatkan kadar pinjaman ini ataupun daripada sejumlah belanja pembangunan, belanja pengurusan kita tidak boleh usik. Sebahagian daripada belanja pembangunan, adakah perancangan-perancangan kerajaan di dalam urusan untuk membangunkan negara ini projek-projek yang sudah dirangka akan ditangguhkan? Atau sekali lagi kerajaan akan bergantung harap kepada Petronas untuk menjarah duit simpanan ataupun rizab Petronas untuk kali yang kedua. Selepas RM80 bilion sudah pun diambil daripada Petronas yang menyebabkan rizab Petronas semakin menurun.

Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang kita lihat, berkemungkinan sebab ini telah menjadi kebiasaan. Apabila sasaran minyak itu tidak mencapai USD63 per tong, berkemungkinan besar negara Malaysia akan berhutang lagi dengan *the last Samurai* dan apa yang kita lihat kecenderungan kerajaan, menjual aset. Saya tidak tahu apa lagi yang agak-agaknya mereka akan jual Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih. Itulah yang saya hendak sebut. Adakah aset-aset negara akan terus dijual? Adakah aset-aset syarikat-syarikat milik kerajaan akan terus dijual? Seperti contoh IHH dijual, Hotel Royal Chulan dijual dan kita tidak nampak sehingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, apakah perancangan-perancangan hasil daripada wang yang diperolehi daripada penjualan aset-aset tersebut untuk pelaburan-pelaburan baru, kita tidak nampak, tidak diberitahu kepada rakyat.

Maka adakah kemungkinan-kemungkinan yang saya sebutkan ini akan menyebabkan dividen-dividen yang akan diberikan kepada Tabung Haji, kepada LTAT. Sudahlah dividen-dividen yang diberikan diumumkan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Di dalam tempoh yang lepas-sekejap. Apa yang telah diberikan sebelum ini adalah antara yang terendah di dalam sejarah ataupun adakah mungkin tidak ada dividen. Maka ini semua diperhatikan oleh rakyat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini juga ditunggu-tunggu dan dinanti-nantikan oleh rakyat selepas kali kedua pembentangan oleh kerajaan baru. Apa yang dinantikan oleh rakyat Tuan Yang di-Pertua. Rakyat menantikan apakah pengumuman terhadap penurunan harga minyak sebagaimana yang dijanjikan di dalam ceramah-ceramah sewaktu menubuhkan Kerajaan Barisan Nasional. Apakah hutang-hutang PTPTN langsung tidak disebut. Apakah hutang PTPTN akan dihapuskan? Apakah hutang peneroka FELDA akan dihapuskan? Apa yang kita dengar, subsidi minyak.

Tuan Yang di-Pertua, bukan subsidi yang ditunggu oleh kerajaan RM30 ataupun RM12 untuk motosikal dan juga kereta yang kuasa kudanya 1,600 ke bawah, tetapi yang ditunggu oleh rakyat ialah janji untuk menurunkan harga minyak. Sebab itulah rakyat memberi undi kepada Pakatan Harapan. Apa yang ditunggukan oleh ratusan ribu mahasiswa? Mereka menunggu ada pengumuman selepas tahun yang kedua pembentangan belanjawan ini, mereka menunggu hutang PTPTN mereka dihapuskan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Iskandar Puteri mungkin tahu.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini semua tidak menjadi kenyataan. Ini tidak termasuk keluarga-keluarga mereka. Saya masih ingat apabila saya melawat di dalam kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, ada rakyat, pengundi saya yang mengaku bahawasanya mengundi Pakatan Harapan pada pilihan raya yang lepas. Apa tidak undinya, anak balik, mak, abah, bagilah undi pada Pakatan Harapan. Kalau menang mak, abah tidak payah jual kebun, tidak payah jual lembu, tidak payah jual tanah untuk melangsaikan hutang PTPTN. Kerajaan akan hapuskan. Ini adalah semua suatu pembohongan yang jelas dan nyata.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita yakin dan percaya di atas kesedaran inilah, apa saja yang dibuat oleh kerajaan Pakatan Harapan hari ini, rakyat hanya menunggu pilihan raya umum yang kelima belas untuk menumbangkan kerajaan yang ada pada hari ini.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut beberapa perkara – enam minit lagi ada. Berkenaan dengan pertanian. Bidang pertanian telah menyumbangkan 6.9 peratus KDNK negara iaitu berjumlah RM24.7 bilion. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah khususnya penanaman padi. Bagi kawasan-kawasan yang terlibat contohnya seperti MADA dan KADA. Mungkin ia tidak mempunyai masalah kerana mempunyai peruntukan yang khusus daripada kerajaan.

Akan tetapi masalah yang saya bangkitkan ialah masalah petani di kawasan luar jelapang seperti Machang. Kalau di Kelantan seperti Kuala Krai, seperti sebahagian di Tanah Merah, seperti di Jeli. Kawasan-kawasan luar jelapang ini masalah utamanya Tuan Yang di-Pertua ialah masalah pengairan. Sebahagian besar daripada kawasan-kawasan ini tanaman padi hanya boleh diusahakan sekali setahun. Tidak boleh dua kali setahun oleh sebab masalah pengairan. Mungkin kos ataupun belanja untuk menyediakan sistem pengairan ini terlalu besar. Akan tetapi kita memohon kepada pihak kerajaan agar kalau boleh diberi bantuan khususnya penanam-penanam padi ini diberi bantuan untuk tanaman padi organik.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya hendak sentuh di sini ialah berkenaan dengan apa yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan. Pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian telah mengumumkan lima langkah untuk membantu golongan petani, pekebun dan nelayan untuk meningkatkan taraf pendapatan mereka.

Akan tetapi apa yang kita lihat hari ini keadaan tidak berubah. Keadaan masyarakat di luar sana sudahlah kos sara hidup meningkat, harga barang masih lagi tidak turun-turun, walaupun kalau turunnya kerajaan lama naik kerajaan baharu, harga barang akan turun akan tetapi harga barang semakin meningkat. Kos sara hidup meningkat. Malah masyarakat di luar sana berada di dalam keadaan kesempitan.

Soal langkah kita boleh umum Tuan Yang di-Pertua. Nak umum lima langkah, nak umum 10 langkah, 50 langkah kita boleh umum...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta laluan sedikit?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Akan tetapi yang menderitanya ialah masyarakat miskin yang berada di kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kangar minta laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta sedikit Yang Berhormat Machang?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya tiada masa. Tiga minit. Saya tak sentuh soal...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit sahaja, 30 saat sahaja.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya tak ada masa. Saya hendak sentuh soal sawit. Di dalam bajet yang lepas kerajaan telah mengumumkan RM550 juta dana pinjaman kepada pekebun-pekebun sawit.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terdahulu memberikan geran ataupun bantuan RM7,000 per hektar untuk tanaman semula sawit. Di samping RM500 yang telah diberikan oleh kerajaan pada waktu itu sebagai untuk menampung kos sara hidup ini dalam tempoh dua tahun. Apa yang baik kita mesti mengakui baik.

Kita mengalu-alukan apa yang telah diumumkan sebanyak RM550 juta tetapi saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua agar peruntukan ini dikaji balik. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada peruntukan ini ditukarkan menjadi bentuk geran ataupun bantuan kepada petani-petani miskin ini.

Sudahlah di dalam keadaan harga sawit yang terlalu rendah walaupun tempoh bayaran balik dikecualikan selama empat tahun sehingga boleh dituai, boleh di-*harvest* tanaman tersebut. Akan tetapi yang penting selepas itu kalau keadaan harga sawit seperti hari ini apatah lagi dengan masalah pembelian sawit daripada Kerajaan India.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan India menghentikan pembelian sawit daripada negara kita untuk November dan Disember ini, maka akan berada suatu lambakan yang besar. Sebanyak 800 ribu lebih metrik tan yang akan menjadi lambakan. Ke mana hendak bawa sawit-sawit yang menjadi lambakan ini? Hendak simpan di mana? Hendak letak di rumah Yang Berhormat Bagan kah, nak letak di mana? Sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, harga sawit sudah tentu akan merudum. Kalau ini suasana dan keadaannya, maka sudah tentulah peminjam-peminjam ini tidak akan mampu untuk membayar balik. Mereka hendak tanggung keluarga, anak belajar di universiti, anak belajar di sekolah, kos sara hidup seharian sudah tentulah.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini akan menambahkan lagi kerumitan masyarakat terutamanya penanam-penanam sawit ini. Juga saya hendak cadangkan supaya kadar faedah ini dikenakan dua peratus tahun ini dihapuskan. Tak payah di dalam keadaan yang begini. Kalaulah tambahkan kena kadar faedah, bayaran bulanan lagi kena, maka sudah tentulah penanam-penanam sawit ini akan jadi terhutang dan bagi orang Islam Tuan Yang di-Pertua, hendak pergi haji pun tidak boleh kalau hutang tidak selesai. Bukan hutang pokok, hutang *instalment* bulanan tak dapat bayar. Inilah masalah-masalah dan kita sedar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pantun.

*Pergi Machang naik bot;
Singgah sebentar Restoran Malabar;
Kerajaan PH kelam kabut;
Apakah wajar Parlimen dibubar?*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Masukkan dalam ucapan saya. Kira pantun itu pantun saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sebagai penggulungan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya patuh pada masa kerana Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: ...Begitu baik dengan saya petang ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir rumusan yang hendak dibuat. Apa yang baik kita sokong. Bukan semua yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan tidak baik, tidak. Ada yang baik tetapi apa yang kita hendak buatlah penambahbaikan yang saya yakin bukan sebelah sini sahaja pihak kerajaan pun bersetuju.

Kalau beri subsidi yang lebih kepada rakyat, bukan sahaja saya bersetuju. Saya yakin Yang Berhormat Jelutong pun bersetuju oleh sebab itu dia tidak bangun mencelah pada petang ini. Dia setuju dengan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ramai sayang pada Yang Berhormat Jelutong ya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menyokong tetapi saya minta sebelum dibawa dan dibentangkan diminta kelulusan kepada Dewan yang mulia ini buatlah beberapa penambahbaikan demi kepentingan rakyat kerana kita berada di sini tidak kira di pihak mana termasuk Tuan Yang di-Pertua yang berada di depan adalah kerana rakyat. Rakyat mesti kita beri keutamaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Duit rakyat, demi rakyat, untuk rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Machang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Machang, mari sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini ada mesej bawa balik. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Mas Gading.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong batu api.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu Yang Berhormat Kota Tinggi ya. Sila Yang Berhormat Mas Gading.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Barisan Nasional menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Mahathir bubar Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau jangan merayau ya.

3.57 ptg.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu sudah dekat pukul 4.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Barisan hantu raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau akan berulang kalilah.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Masa berjalan. Masa berjalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti makan muruku di rumah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tegur Yang Berhormat Jelutong sama. Jangan saya seorang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, Yang Berhormat Mas Gading.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan *bias*.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk peluang yang diberikan. Belanjawan 2020 ini ternyata lebih baik daripada belanjawan tahun lalu. Boleh tahanlah dengan Sabah dan Sarawak mendapat lebih banyak jika dibandingkan dengan pentadbiran sebelum ini.

Dahulu royalti minyak tidak naik. Kali ini pun tidak naik. Kalau dahulu mereka tidak minta naik sebab mereka tidak yakin dengan pembangkang yang ketika itu. Mereka risau pembangkang akan menentang. Ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat Batang Lupar dalam sidang Parlimen Keempat Belas bertarikh 9 April 2019 sesi petang ketika ucapan bahas oleh Yang Berhormat Batang Sadong.

Yang Berhormat Batang Lupar cakap jangan kata kita tidak buat apa-apa. Kita buat banyak akan tetapi kita masih di dalam proses. Akan tetapi sudah cakap kalau kita membuat terus di dalam Parlimen, jumlah di dalam ini tidak mungkin kita akan dapat meluluskan rang undang-undang tersebut. Jadi kita membuat secara *administrative*. Itu kata Yang Berhormat Batang Lupar.

Itulah masalahnya. Mereka kurang yakin, malu-malu hendak minta. Belum cuba belum tahu. Soalan saya kenapa tidak pernah cuba? *Kenak sik* berani cuba. *Mun kitak* cuba mungkin juak para pembangkang masa ya *madah on* dengan *kitak*. Akan tetapi kalau pembangkang ketika itu menentang, merekalah pengkhianat. Akan tetapi pembangkang ketika itu tidak ada peluang untuk menentang kerana isu itu tidak pernah dibangkitkan di dalam Parlimen. Mereka yang menentang usaha mengembalikan hak Sabah dan Sarawak adalah pengkhianat. Yang Berhormat Batang Lupar kata dalam proses. Dibuat secara administratif. Sekarang pun dalam proses juga secara administratif. Bezanya dalam pentadbiran hari ini ada cubaan untuk membentangkannya dalam Parlimen walaupun ditentang.

Satu lagi bezanya. Kerajaan Persekutuan hari ini bagi lebih banyak kepada Sabah dan Sarawak. Dulu-dulu dalam Belanjawan 2018 oleh Barisan Nasional, RM 6.8 bilion untuk Sabah dan Sarawak. Kali ini Sabah dan Sarawak dapat RM 9.6 bilion. Terima kasih sekali lagi... *[Dewan tepuk]*

Terima kasih juga kerana belanjawan kali ini pendidikan dan kesihatan diutamakan. Dua sektor yang sangat penting untuk rakyat. Kita hendak pendidikan yang terbaik supaya rakyat bijak pandai, tidak lagi ditipu seperti dahulu.

■1600

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Jadi nak rakyat lagi bijak, minda terbuka luas, rangkaian telefon di luar bandar juga harus dinaiktarafkan. Perkhidmatan Internet diperluaskan seperti Kampung Stass, Kampung Sekibang, Kampung Serasot, Kampung Kendaie, Kampung Pasir Tengah, biar nenek-nenek, datuk-datuk, masyarakat kita di luar bandar dapat tengok sidang Parlimen secara langsung, dapat akses maklumat yang penting dengan cepat. Kalau dulu lain, terasa seolah-olah sengaja ditindas, sengaja dibiarkan, dibiarkan susah dan miskin supaya bila tiba pilihan raya, mula-lah beras diedarkan, mula-lah anak pokok diagihkan. Pakatan Harapan, kita tidak boleh buat begitu dan kita jangan buat begitu. Kita bagi sekarang. Apa yang rakyat perlukan, kita perlu beri perhatian. Kalau dulu mereka tak bagi perhatian, mereka bagi penantian...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Contoh Tanjong Piai.

Tuan Mordi Anak Bimol [Mas Gading]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Menteri tentang projek jambatan Selampit, harap kali ini adalah kali terakhir saya sebut tentang projek yang tersepit ini. Menteri cakap bulan Oktober 2019 nak buka tender, ini dah hujung-hujung bulan Oktober. Rakyat di sana sudah bijak ya Menteri. Jambatan Selampit di Mas Gading ini janji enam kali pilihan raya, tak jadi-jadi. Kalau kawasan lain...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Enam kali pilihan raya?

Tuan Mordi Anak Bimol [Mas Gading]: ...Projek yang tak jadi-jadi ini, Kerajaan Negeri Sarawak pasti akan buat sampai jadi. Kita akan buat kata Abang Jo, Ketua Menteri kami di Sarawak. "*Kita banyak duit, kita tak perlu Malaya*", kata Ketua Menteri. Sana cakap tak perlu tetapi di sini merayu-rayu, saya *confused*, kerajaan di sini pun *confused*. Nak atau tak nak? Kalau nak, minta. Jangan malu-malu, kita minta apa yang patut diminta. Kalau Kerajaan Pusat bagi, bagus. Kalau tak bagi, pandai-pandai-lah rakyat kita di Sarawak menilainya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dari dulu lagi wakil-wakil rakyat di Sarawak pandai merayu, pandai meminta, tak-lah Sarawak ketinggalan. Jadi kepada Menteri, apa-apa projek untuk Mas Gading dan Puncak Borneo khususnya, tolong-lah utamakan. Tidak ada projek, cari, gali, kena juga bagi projek. Kawasan yang majoriti Bidayuh ini lain sikit, dari dulu memang tak dipandang.

Cuba tengok di Sarawak seperti di Batang Lupar dan Batang Sadong uar-uarakan, Jambatan Rambongan di bawah Parlimen Santubong tak jadi, mereka jadikan. Jambatan Igan di bawah Parlimen Igan, tak jadi, dijadikan juga. Jambatan Batang Lupar di bawah Parlimen Batang Lupar tak jadi, mereka tekan sampai jadi walaupun kosnya dikongsi. Akan tetapi, tak pasti-lah sama ada diteruskan untuk rakyat ataupun untuk wakil rakyat GPS.

Akan tetapi bila jambatan Selampit di bawah Parlimen Mas Gading tak jadi-jadi, mereka diam. *Opar Rural Growth Centre* di Mas Gading, dua kali pecah tanah, tak jadi-jadi pun dibiarkan juga. Kampung Kendaie, Kampung Sebandi, tiada air, tiada jalan, mereka biarkan juga. Salah siapa? Salah kerajaan, salah Menteri ataupun salah Yang Berhormat? Nak kata tak ada projek pembangunan kerana tak sokong BN, tak juga.

Selama ini sokongan padu mereka berikan kepada BN, masih juga ketinggalan sebabnya masyarakat luar bandar Sarawak yang majoritinya Dayak adalah *fixed deposit* mereka, dibagi baja, dibagi beras masa pilihan raya. Ini berlaku di kawasan Mas Gading. Betul-betul menjatuhkan maruah kami bangsa Dayak di Sarawak.

Dayak di tanah asal kini masih menumpang. Tunggu geran daripada kerajaan negeri, punya lama. Duit juta-juta disalurkan, tak juga jadi-jadi.

Saya nak cadangkan di sini kepada Kerajaan Pusat agar ada kerjasama dengan NGO seperti *Dayak Bidayuh National Association* (DBNA) untuk membantu meringankan beban *Land and Survey Department* Sarawak. Salurkan peruntukan kepada DBNA untuk mempercepatkan proses ukur tanah supaya proses pengeluaran geran tanah oleh *Land and Survey Department* dapat dipercepatkan sebab tak ada geran tanah, rakyat yang susah. Hendak bina rumah PPRT, perlu geran.

Mohon dana untuk projek pertanian, perlu geran. Nak bagi dana bagi baik pulih gereja, perlukan geran. Ini yang saya geram. Bila rumah ibadat bukan Islam minta tanah untuk buat pembangunan, perlukan geran. Padahal dewan, balai raya, semua itu tak ada geran, kenapa boleh disalurkan? Bila gereja minta, tak boleh. Harap kementerian tengok betul-betul perkara ini.

Kawasan saya majoritinya Kristian. Gereja itu penting, tempat ibadat yang membantu membentuk peribadi masyarakat kita. Sama juga seperti agama Islam. Semua agama mengajar umatnya untuk berbuat baik, tidak memberi atau menerima rasuah. Semua agama mengajar umatnya agar tidak pilih kasih dan adil. Hendak bagi projek, kena bagi projek sama rata, semua orang kena bagi.

Semua agama mengajar umatnya untuk berbaik-baik, bekerjasama demi kebaikan semua tetapi di Sarawak, JKPK tidak dibenarkan bekerjasama dengan wakil rakyat PH. Ketua kampung diugut, diberi amaran, malah ada khabar angin atau cerita yang saya dengar, ketua kampung tidak dibenarkan memohon atau meminta projek daripada wakil rakyat PH. Bila kita hendak cadangkan MPKK demi kebaikan rakyat di kampung-kampung supaya maklumat serta program-program Kerajaan Pusat dapat disampaikan kepada rakyat, mereka bantah. Kita tidak mahu lagi mereka ketinggalan. Kita tidak mahu rakyat kita, masyarakat kita di kampung ketinggalan, tetapi hasrat ini tetap dibantah dan ditentang. Kononnya memecahbelahkan perpaduan rakyat, padahal mereka sendiri yang memecahkan perpaduan rakyat di Sarawak.

Oleh itu saya mohon kepada pihak kementerian, pihak Kerajaan Pusat agar pelaksanaan MPKK di Sarawak diteruskan dan jangan ragu-ragu. Walaupun kosnya agak tinggi sekitar RM23 juta setahun, anggap-lah ini sebagai ganti rugi kepada kami di Sarawak.

Saya juga ingin menekankan tentang projek paip graviti di Sarawak. Kalau disalurkan projek untuk projek paip graviti ini biasanya dilakukan secara tender tetapi bila ditender, projek RM45 ribu jadi RM200 ribu. Jadi, ini tidak adil. Jumlah RM200 ribu ini boleh diberikan kepada banyak kampung, mungkin empat buah kampung.

Contohnya di Kampung Kendaie, projek paip graviti yang hendak dilakukan secara gotong-royong oleh orang kampung menelan belanja sebanyak RM45 ribu. Akan tetapi bila diajukan kepada pihak SDO, bila dibuka BQ, kosnya menjadi RM200 ribu. Jadi, saya tidak setuju dengan kos ini. Jadi, saya harap projek-projek paip graviti ini boleh dilakukan secara gotong-royong walaupun kosnya agak tinggi hanya untuk projek paip graviti ini. Ini sebab kalau tunggu pelaksanaan daripada pihak JBALB walaupun dananya dari Kerajaan Persekutuan, dilaksanakan oleh JBALB, pelaksanaannya agak perlahan dan kosnya terlalu tinggi. Jadi, saya harap agar projek paip graviti ini boleh dilakukan secara gotong-royong oleh penduduk kampung.

Jadi dengan ini, saya memohon untuk menyokong Belanjawan 2020 dengan harapan peruntukan yang lebih banyak diagihkan kepada Mas Gading. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Silakan.

4.06 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pontian, jangan kacau ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak, tak.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Apatah lagi Yang Berhormat Jelutong, jauh sekali [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan. Ini berkaitan dengan bajet yang telah dibentangkan. Saya tak nak bercerita panjang kerana ramai kawan-kawan pun dah bercerita, saya nak terus kepada isu dan masalah terutama kepada rakyat dalam kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk FELDA RM250 juta bagi program meningkatkan pendapatan 11,600 orang peneroka. Namun, itu kalau dikira hanya akan memberikan manfaat kepada lebih kurang 10 peratus sahaja peneroka daripada jumlah yang besar. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ini, apa justifikasi program yang akan memanfaatkan 10 peratus sahaja iaitu 11,600 peneroka? Adakah program ini program rintis atau hanya program bersifat *touch and go* saja semata-mata? Agaknya berapa ramai? Saya dah fikir-lah, tentu 12 rancangan FELDA di kawasan saya agaknya tidak ada satu pun peneroka daripada 11,600 itu datang daripada kawasan saya. Jadi, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh berikan gambaran.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, apa agaknya jaminan yang program ini akan diteruskan, diperluaskan kepada baki lagi 90 peratus peneroka yang ada yang terpinggir dalam program ataupun dalam bajet yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, RM70 juta diumumkan untuk perumahan generasi kedua. Kita panggil generasi kedua. Menteri panggil generasi baharu FELDA, kita panggil generasi kedua FELDA. Ada sebanyak RM70 juta dalam Bajet 2020 yang diberikan, adakah ia merupakan kesinambungan daripada saranan Kertas Putih yang telah pun dibentangkan untuk meneruskan projek perumahan yang berada pada tahap 70 peratus kemajuan ataupun adakah ini cadangan untuk projek-projek baharu?

Contoh saya dah bawa dalam ucapan bajet tahun lepas, rumah terbengkalai. Contoh, di FELDA Bukit Aping Barat 200 unit terbengkalai, di Pasar Indah 200 unit terbengkalai tetapi sampai hingga-lah datang Bajet 2020 ini, masih tidak selesai lagi dan ini dimasukkan balik dalam bajet kononnya untuk membantu generasi kedua. Bina rumah bagi generasi kedua FELDA, RM70 juta.

Tuan Yang di-Pertua, RM100 juta untuk bekalan air FELDA pun sama juga. Kami semua dah bangkitkan dalam bajet yang lepas. Bajet yang lepas pun tak selesai. Tahun ini umum bajet RM100 juta lagi untuk bekalan air di FELDA. Saya juga dah bangkitkan masalah air di FELDA Gugusan Lok Heng, Waha, Gugusan Aping, FELDA Tenggara Selatan. Satu isu yang besar, sampai hari ini pun tidak diselesaikan, tetapi dalam bajet dimasukkan lagi. Ini kerana nak mengembirakan hati peneroka FELDA, janji manifesto tak selesai. Akan tetapi tak apa-lah, kita tutup mata peneroka-peneroka FELDA, hulur sikit, senyap lah, tunggu lah pilihan raya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak beralih kepada JAKOA. Saya lihat dalam buku bajet ini, peruntukan hanya setakat RM57 juta yang diberikan kepada JAKOA, kebajikan bantuan; RM83 juta untuk pembangunan ekonomi, pendidikan dan juga infrastruktur.

■1610

Saya hendak tanya lah dengan Yang Berhormat Menteri ini, saya pun jarang tengok Yang Berhormat Menteri ini. Saya hendak tanya, agaknya daripada jumlah yang disebutkan ini berapa banyak baik pulih rumah? Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kampung Orang Asli, Tuan Yang di-Pertua ini, orang yang susah. Duduk dalam rumah PPRT, hendak dapatkan peruntukan, JAKOA daripada daerah mohon kepada negeri, negeri mohon kepada KP, KP kepada Menteri. KPLB hendak dapatkan peruntukan untuk baik pulih rumah pun bukan satu perkara yang senang. Harap Menteri ini turun lebih banyak sikit. Turun lah. Turun pergi tengok kampung-kampung Orang Asli ini. Pergi tengok macam mana Orang Asli duduk, hidup dalam rumah PPRT yang lama, hendak mohon peruntukan untuk naik taraf rumah pun susah, inikan pula hendak mohon peruntukan untuk bina baharu rumah PPRT.

Ada Tuan Yang di-Pertua, contoh di kawasan saya je lah. Tiga tahun duit api dengan duit air pun tidak bayar. Ini antara perkara-perkara yang melibatkan tahap kemiskinan yang cukup tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Saya tidak tahu lah Yang Berhormat Menteri tahu ke tidak.

Jadi turunlah untuk faham lebih dengan apa yang kami bangkitkan dalam perbincangan ini. Turun dan pergi tengok. Turun pada semua kawasan. Jangan turun pergi Kampar, kawasan-kawasan kerajaan sahaja. Turun kawasan pembangkang ini. Kita banyak kampung Orang Asli. Contohnya Johor kita ada 62 perkampungan Orang Asli, di merata-rata sebahagian besar daripada Parlimen ada kampung Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kalau dahulu masa BN perintah, kita ada program bantuan makanan komuniti untuk dimanfaatkan kepada 5,000 pelajar anak-anak Orang Asli. Kita ada insentif bagi pada mak bapak, kalau anak masuk universiti bagi RM3,000 kepada mak bapak sebagai persediaan untuk anak-anak pergi universiti. Dahulu ada program pembangunan bersepadu perkampungan Orang Asli. Sekarang nampak dah tidak ada.

Jadi mungkin agaknya Yang Berhormat Menteri ini boleh tengoklah apa perancangan masa hadapan untuk masyarakat Orang Asli? Jangan pandang remeh. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jelesu dengan Yang Berhormat Cameron Highlands dah bangkitkan banyak. Jadi, jangan pandang remeh. Jangan bila *time* hendak pilihan raya baru lah turun macam durian runtuh peruntukan. Macam yang sedang berlaku di Tanjung Piai. Bila kita tanya, ha! Ini lah yang telah dimohon oleh arwahnya dahulu, jadi kita hendak laksanakan janji-janji yang ada.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tunggu jadi arwah lah baru dapat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ini antara muslihat yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan yang ada pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan tentang Sistem Transit Aliran Johor-Singapura (RTS). Yang Berhormat Menteri cadangkan 50 lorong ditambah Johor. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, warga Johor ini berulang-alik daripada Johor Bahru ke Singapura, ini adalah perkara biasa. Kalau datang tidak nampak, makna bukan Johor Bahru itu lah. Itu bukan Johor Bahru lah kalau tuan-tuan pergi, tuan-tuan tidak nampak atau kalau-kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi tidak nampak itu bukan Johor Bahru, mungkin salah tempat agaknya.

Jadi, Johor Bahru-Singapura 367 ribu orang yang menggunakan kompleks- CIQ yang ada ini. Setiap hari 254 ribu orang datang daripada dalam daerah Johor Bahru itu sahaja dan 113 ribu orang yang gunakan CIQ itu, dan 113 ribu gunakan laluan LinkKedua. Jadi, saya hendak maklumkan kepada Menteri kalau kita lihat kepada kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan Link Kedua ini, maka Menteri Kewangan umumkan RM85 juta dalam Belanjawan 2020 untuk lancarkan kononnya pergerakan lalu lintas terutama yang menggunakan CIQ. Peruntukan RM85 juta ini dibagi untuk buka 50 kaunter tambahan untuk pengguna motosikal.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kalau diikutkan, tidak cukup, sudah tentu tidak cukup. Oleh kerana walaupun kita tambah lorong untuk pengguna, ia tidak akan sebenarnya memberikan kesan kecuali bilangan pegawai yang ditugaskan yang menjaga kaunter-kaunter CIQ itu, kalau tidak ditambah, tidak mencukupi, ia tidak akan selesaikan masalah. Jadi, mungkin agaknya Menteri Kewangan boleh lihat agaknya bagaimana? Adakah ini peringkat awal, RM85 juta untuk selesaikan tambahan 50 kaunter? Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan ada cadangan apa status agaknya projek RTS ini? Kita hendak tahu untuk jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak sebut tentang KPKT ini. Dalam bajet ini, Menteri Kewangan mengatakan nilai ambang hendak naikkan untuk hartanah strata, kondo atau pangsapuri dalam kawasan bandar. Hendak diturunkan daripada RM1 juta kepada RM600 ribu untuk pemilikan asing. Saya pun tidak faham lah apa hal pula Menteri Kewangan ini yang hendak umumkan perkara-perkara ini? Menteri KPKT ini hari-hari ada ini, agaknya tengah solat ini. *Coat* dia ada dekat situ. Menteri KPKT ini tidak dimaklumkan. Bila rakyat tanya, rakyat salahkan Menteri KPKT. Rakyat tidak cakap Menteri Kewangan.

Akan tetapi, Menteri Kewangan tidak bincang dengan Menteri KPKT. Tuan Yang di-Pertua, kenapa hendak ambil alih tugas Menteri KPKT ini. Kita ada Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi. Bincang lah dalam Majlis Perumahan Negara. Menteri KPKT ada, semua Ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar ada dekat dalam. Bincang dengan kerajaan negeri kerana dasar perumahan negara ini Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja terletak di bawah Kementerian KPKT, di kerajaan negeri pun ada dasar perumahan negeri.

Kerajaan negeri juga berhak untuk membuat keputusan ke atas berapa nilai hartanah yang hendak dijual kepada rakyat tempatan dan juga rakyat warga asing. Jadi, tidak payah lah hendak bawa konon hendak *sideline* Menteri KPKT, seolah-olah hendak mencadangkan sesuatu yang baharu. Turunkan daripada RM1 juta kepada RM600 ribu. Turunkan lah lebih banyak harga rumah strata, jual kepada orang tempatan bukan tidak ada orang tempatan yang boleh beli kalau dah turun RM400 ribu.

Galakkan supaya pemaju bina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik. Dasar dah dibuat, RM300 ribu ke bawah. Kenapa tidak pertahankan? Akan tetapi hendak mempertahankan penjualan kepada warga asing. Hah! itu Mantan Menteri saya ada itu, itu Yang Berhormat Tanjong Karang yang membuat dasar rumah mampu milik RM300 ribu. Pada waktu itu kerajaan-kerajaan negeri membuat keputusan bahawa rumah-rumah yang hendak dijual kepada warga asing tidak kurang daripada RM1 juta. Pulau Pinang pun tidak setuju. Ini Menteri Kewangan kan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, tidak faham kah? Macam mana jadi Ketua Menteri dahulu?

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih lah, ya lah betul ada benda yang dibentangkan itu ada yang memang tidak mendatangkan manfaat. Ada benda yang dibentangkan itu sekadar untuk tutup mata rakyat supaya rakyat terlupa tentang janji manifesto, nampaklah perkara luar biasa dalam bajet. Akan tetapi, ada juga benda-benda yang diumumkan itu, ada juga yang kebajikannya kepada rakyat.

Saya ucapkan terima kasih lah kerana mengumumkan di bawah program *rent-to-own* ini. Saya ucapkan terima kasih, saya dah agak dah mesti Menteri KPKT ini minta masukkan dalam ucapan bajet. Saya ucapkan terima kasih kerana teruskan agenda kerajaan Barisan Nasional. *Rent-to-own* ini dimulakan daripada zaman Yang Berhormat Tanjong Karang itu. Itu dia mantan Menteri, dia yang mulakan program *rent-to-own*, yang memulakan program rumah harga mampu milik RM300 ribu ke bawah. Ini lah orang dia. Jadi, saya ucapkan terima kasih kerana diteruskan dengan program *rent-to-own* ini.

Untuk Menteri, Menteri KPKT selesaikan masalah yang berkaitan dengan *end-financing* untuk pastikan rumah yang dibina ini pada harga mampu milik ini dapat juga dimiliki oleh rakyat. Ini termasuklah bukan sahaja program *rent-to-own*, termasuk program transit *housing* ataupun sewa sepanjang tempoh. Peruntukan RM10 bilion yang diperuntukkan dalam ucapan bajet yang diumumkan oleh Menteri Kewangan kepada institusi kewangan untuk program RTO ini. untuk bantu rakyat. Ia sebenarnya untuk bantu rakyat yang tidak mampu hendak bayar wang deposit pendahuluan kerana kebanyakan daripada mereka ini, permohonan mereka siang-siang dah ditolak.

Jadi, kita harap RM10 bilion ini betul-betul akan dapat bantu rakyat. Kita juga harap jangan banyak birokrasi kepada mana-mana institusi kewangan yang diberikan peruntukan RM1 bilion untuk langsung pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah. Jangan banyak 'cekadak'! Kalau rakyat ini dia layak, perlu dibantu, bagi. Jangan hendak tunjuk *act* sangat. Ini bukan duit awak. Ini duit rakyat yang dipulangkan kembali oleh kerajaan kepada rakyat... [Disampuk] Ya?

■1620

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Cekadak* itu apa, 'cekadak' itu apa?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *Cekadak* lah itu bahasa orang Johor. Dia lain daripada kepala angin lah. Dia lebih kurang macam kepala angin lah.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Masuk air, samakah masuk air?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Masuk air dia kembang.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan pastikan, tolong pastikan. Pertama, pastikan institusi kewangan benar-benar akan bertanggungjawab melaksanakan langsung pinjaman RM10 bilion itu.

Kedua, pastikan supaya diberikan keutamaan kepada pembeli daripada rakyat yang berpendapatan rendah yang kebiasaannya kesian, pergi bank belum lagi cerita lagi pasal pinjaman telah ditolak. Jadi saya harap keutamaan ini dapat diberikan.

Saya juga ucapkan terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, RM3 bilion *government bank guarantee* akan mampu untuk menghilangkan sedikit kerisauan di kalangan pembeli yang mungkin tidak upaya untuk menyambung pinjaman mereka. Mungkin lepas tiga empat bulan agaknya sudah tidak mampu untuk sambung pinjaman jadi *bank guarantee* ada untuk bayaran ansuran itu dan akhirnya agaknya mungkin untuk rumah mampu milik ini mungkin ada yang kerajaan boleh ambil alih dengan meneruskan dengan *bank guarantee* yang ada.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, saya menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau Tuanku tidak titah ini pun agaknya tidak jadi juga elaun untuk bomba RM200 ribu ini. Jadi, menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Elaun RM200 sudah diberikan, ini pun juga apa saya hendak cerita kalau saya cerita Yang Berhormat Jelutong marah.

Ini pun telah diuruskan oleh pihak Tanjong Karang sewaktu beliau menjadi Menteri. Sudah diumumkan 1 April dibayar tetapi apa hendak buat Allah hendak *test*, tengok Kerajaan Pakatan Harapan ini betul-betulkah kerajaan untuk rakyat akan tunaikan janji atau tidak rupanya, *hapah*-tidak tunai. Jadi akhirnya, elaun RM200 hendak dibayar kepada bomba tidak dapat dilaksanakan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Bangun*]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kemudian dimasukkan-saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri PKPT dan saya harap Tuan Yang di-Pertua ini elaun khas RM200 kita sudah berikan. Saya harap supaya pihak Menteri dan kementerian agaknya sudah tiba masanya lah, tengok balikkah, kaji balik perjawatan dan gred pegawai-pegawai kanan bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini. Ini adalah hero-hero yang tidak didendangkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Supaya dapat diletakkan sama...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Arau menyokong.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Kedudukan mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Dengan PDRM dan juga ATM. Sudah sampai masanyalah bukan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau menyokong.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Jangan pandang sipi kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini. Siapa tahu satu hari nanti dia akan ke rumah Yang Berhormat Jelutong untuk bantu Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sedikit sahaja.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja. Apakah Yang Berhormat hendak masukkan nama APM bersama dan juga RELA.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: APM bukan zaman Yang Berhormat dahulu sudah *settle* kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Belum *settle*, belum *settle*. Sudah tarik balik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Belum *settle*? Masukkan dalam ucapan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, oleh sebab kerajaan ini ada masalah...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya, masukkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Apakah Parlimen ini wajar dibubarkan ataupun tidak? *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Masukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, terakhir.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak masuk apa dalam ucapan?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang tadi APMM itu sahaja, yang bubar itu dia.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Baik *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, *last*. RM15 juta dalam buku bajet ini untuk Bandar Selamat- RM15 juta mana cukup Tuan Yang di-Pertua, kita ada 155 pihak berkuasa tempatan dekat Malaysia ini. RM15 juta untuk Bandar Selamat tidak tahulah apa Yang Berhormat Menteri KPKT boleh buat. Jadi, saya hendak tahu apa status Program Bandar Selamat setakat ini dan macam mana agaknya peranan Kementerian KPKT untuk menerajui agenda *Smart City* selepas kita langkah satu langkah ke hadapan lagi. Selepas Bandar Selamat agenda *Smart City*.

RM15 juta cukup kah? Tidak tahu pandai-pandailah Yang Berhormat Menteri KPKT. Jadi *last, last*. Mungkin RM100 juta ini pun boleh tengok...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kota Tinggi...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Ini dulu kita panggil...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: ...Giliran sayalah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: *Last, last*.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kita berikan bantuan kepada semua flat kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibangunkan oleh pihak swasta.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tangan itu tinggi angkat, jangan angkat tangan tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: RM100 juta macam tidak cukup. Jadi mungkin agaknya ditambahkan. Dahulu kita bagi RM200 juta ini RM100 juta. Akan tetapi, apa-apa pun saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KPKT kerana meneruskan agenda perjuangan untuk rakyat yang telah diuruskan daripada awal oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Berhormat mantan Menteri saya Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya ucapkan terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Menteri Pertahanan tidak dapat dengarlah Yang Berhormat sebab baru masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat Kota Tinggi mengambil masa yang lebih saya kena kurangkan 10 minit *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Hormat, hormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kota Tinggi, potong masa.

Tuan Yang di-Pertua: Kita teruskan dengan 15 minit sehingga satu tahap yang terpaksa dikurangkan. Yang Berhormat Tanjong Malim 15 minit lagi.

4.25 ptg.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bermula saya ingin ucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada seluruh masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan saya ingin respons kepada Yang Berhormat Kota Tinggi. Tadi Yang Berhormat Kota Tinggi kata semua polisi-polisi, dasar-dasar pun daripada masa Barisan Nasional. Dia cakap macam Barisan Nasional baharu tahun lepas jadi kerajaan tetapi dia lupa Barisan Nasional sudah jadi kerajaan untuk 60 tahun...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, tidak apa saya akan teruskan *[Ketawa]*

Keupayaan memiliki rumah rakyat Malaysia semakin rendah kajian *Khazanah Research Institute* (KRI) mendapati dari tahun 2012 sehingga 2014 harga penengah rumah, *medium house price* meningkat 23.5 peratus daripada RM175 ribu kepada RM280 ribu. Manakala, pendapatan penengah isi rumah, *medium household income*, dengan izin, hanya bertambah 11.7 peratus. Ini bermakna kenaikan pendapatan rakyat Malaysia tidak dapat mengejar kenaikan harga rumah. Menurut Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sebanyak 32,810 unit kediaman yang siap dibina tetapi tidak terjual dalam tempoh separuh tahun pertama tahun 2019.

Jumlah nilai unit-unit yang tidak terjual ini mencecah RM19.8 bilion. Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan bercadang untuk turunkan harga minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing dari RM1 juta kepada RM600 ribu. Tanjong Malim menyeru kerajaan agar pertimbangkan semula cadangan ini, sebab kerajaan tidak harus campur tangan dalam pasaran perumahan terutamanya projek perumahan yang dikendalikan oleh pemaju swasta.

Salah satu faktor yang menyebabkan unit kediaman tidak terjual adalah kerana pemaju lebih cenderung membina rumah kos tinggi daripada rumah kos sederhana dan rendah untuk mengaut keuntungan yang lebih. Ini telah mengakibatkan bekalan perumahan yang tidak memenuhi permintaan pasaran. Kajian KRI menunjukkan dari tahun 2004 ke tahun 2016, rumah yang berharga RM250 ribu ke atas telah meningkat dari 15 peratus ke 70 peratus.

Walaupun sebahagian daripada peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan pembinaan, namun peningkatan yang drastik ini menunjukkan pasaran perumahan di negara kita telah terganggu, *distorted*, dengan izin.

Menurut DBKL, nombor giliran menunggu untuk sewa PPR DBKL telah mencecah 40 ribu. Sehingga bulan Julai, penyewa yang liat membayar sewa selepas jumlah terkumpul tunggakan mencecah RM58 juta. Ini menunjukkan dengan jelasnya jenis perumahan yang dibekalkan oleh para pemaju tidak dapat memenuhi permintaan pasaran sebenar iaitu memerlukan lebih rumah mampu milik. Pemaju harus mencari jalan untuk menyelesaikan masalah rumah tidak terjual terutamanya rumah kos tinggi. Kerajaan tidak harus memainkan peranan dan buka ruang yang lebih kepada pemaju yang tidak membina mengikut permintaan pasaran.

Daripada memberi kelonggaran kepada pemaju yang membina perumahan mewah, kerajaan harus memberi insentif kepada pemaju yang rela membina rumah mampu milik. Selain itu, skim pembiayaan kerajaan juga harus memberi tumpuan kepada isi rumah berpendapatan rendah terutamanya mereka yang tidak dapat mengakses pasaran kredit komersial, *commercial credit market*, dengan izin. Statistik KWSP menunjukkan lebih daripada 85 peratus warga pekerja mendapat gaji kurang daripada RM5,000 sebulan. Fenomena ini telah mengakibatkan pemilikan rumah amat mencabar. Maka, kerajaan perlu ikhtiarkan suatu penyelesaian yang tuntas demi meningkatkan keupayaan rakyat memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh adalah pertanian. Sektor pertanian memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan keselamatan ataupun jaminan makanan negara kita. Dengan sektor pertanian yang maju, kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada makanan import serta mengurangkan defisit perdagangan. Malangnya, Malaysia kini menghadapi defisit perdagangan makanan yang agak ketara.

■1630

Menurut Laporan MyCC, negara kita mengalami defisit dalam perdagangan makanan kira-kira RM19 bilion. Punca utama wujudnya defisit ini adalah kerana kerajaan sebelum ini memberikan tumpuan yang salah dalam sektor pertanian. Sebanyak 86 peratus tanah pertanian telah digunakan untuk tanaman komersial, manakala hanya 14 peratus sahaja yang digunakan untuk tanaman makanan.

Kajian juga mendedahkan 76 peratus daripada jumlah tanah untuk tanaman makanan diusahakan oleh pengusaha kecil dan mikro. Saya difahamkan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas telah melaksanakan beberapa dasar yang menggalakkan penanaman makanan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Pertanian Moden (PPM) di Segamat, Johor. Rizab melalui agensi-agensi kerajaan seperti MARDI.

Namun, kami sering menerima aduan dari petani-petani kecil bahawa banyak lagi tanah terbiar di dalam skim-skim ini yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sebanyak ribuan hektar tanah pertanian yang sepatutnya menanam tanaman makanan, terbiar. Ini akan membantutkan penghasilan makanan dalam negara kita. Justeru itu, saya menyeru kepada pihak kerajaan agar memberi tumpuan yang lebih dalam usaha penanaman tanaman makanan, perbanyakkan skim-skim yang membantu petani-petani kecil yang sering kali menghadapi masalah tanah untuk menanam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengimport tanaman makanan, negara kita juga mengimport daging dari negara lain. Dimaklumkan, daging yang diimport lebih kurang 160 ribu metrik tan setiap tahun. Negara-negara yang membekalkan daging kepada negara kita termasuk Brazil, India, Jepun, Australia dan lain-lain.

Namun, Laporan MyCC telah mendedahkan terdapat kekurangan dalam industri pembekalan daging. Sebagai contohnya, terdapat buah lapan syarikat dari Brazil dibenarkan untuk eksport daging ke Malaysia tetapi lima daripada lapan buah syarikat itu dimiliki oleh orang yang sama. Terdapat tujuh buah syarikat dari India dibenarkan eksport daging ke Malaysia, tiga daripada tujuh buah syarikat itu dimiliki oleh pemilik yang sama.

Selain daripada itu, Jepun cuma mempunyai dua buah syarikat yang dibenarkan mengeksport daging ke Malaysia. Manakala Amerika Syarikat hanya mempunyai sebuah syarikat yang diberi kebenaran mengeksport kepada ke Malaysia. Apakah rasional kementerian secara amnya ataupun Jabatan Veterinar secara khasnya, dalam pertimbangan memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat tersebut untuk mengeksport daging ke Malaysia? Tanjong Malim ingin menyeru kerajaan supaya memperbetulkan keadaan ini dan memberi lebih banyak syarikat pembekal yang layak untuk mengeksport daging ke negara kita.

Dengan wujudnya persaingan yang sihat antara pembekal-pembekal daging, barulah rakyat Malaysia dapat menikmati daging yang berkualiti tinggi dan dengan harga yang berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu mengenai sektor pertanian adalah polisi yang baru dilaksanakan oleh kerajaan ini. Mulai tahun ini, hanya makanan halal sahaja yang boleh diimport selain daripada hasil babi dan alkohol. Difahamkan dasar ini diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2011 tetapi mereka tidak laksanakan. Mulai tahun ini, baharu dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tanjong Malim ingin tanya, apakah rasional untuk hanya membenarkan makanan halal diimport dari luar negara? Walaupun ramai pengimport tidak berniat untuk memasarkan produk mereka kepada pengguna yang beragama Islam. Dasar ini telah mengakibatkan kebebasan memilih atau membeli barang makanan tersekat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini bukan satu isu yang berkaitan dengan agama tetapi isu tentang pasaran. Oleh sebab pasaran Malaysia adalah pasaran *market economy*. Saya ingin mendesak kerajaan untuk menarik balik dasar ini yang akan mengganggu pasaran kita yang bersifat *market economy* ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga adalah pertahanan. Saya ada beberapa soalan hendak tanya sebab saya tidak dapat maklumat yang lengkap. Akan tetapi saya ingin tanya kerajaan, apakah status enam buah helikopter MD530G yang telah ditempah oleh Kementerian Pertahanan sebelum ini dari Amerika Syarikat? Saya difahamkan kita sudah bayar sepenuhnya kepada syarikat pembekal tetapi sampai hari ini satu helikopter pun belum sampai kepada TUDM.

Tanjong Malim dimaklumkan oleh rakan-rakan yang berkhidmat dalam pasukan keselamatan, TUDM sendiri pun tidak mahu helikopter-helikopter ini kerana tidak mengikut spesifikasi yang diperlukan, apakah kebenaran dalam kenyataan ini? Saya minta Kementerian Pertahanan boleh memberikan jawapan selepas ini...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan. Silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Ringkas sahaja, berkait dengan isu ini, pernah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan membangkitkan tentang Ops Yemen 2. Kalau Yang Berhormat Tanjong Malim ingat, dahulu pernah disebut kontinjen tentera telah dihantar tanpa pengetahuan dan kelulusan daripada Kabinet. Saya rasa perkara ini pun belum ada penyelesaiannya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang isu Ops Yemen 2? Adakah sesiapa patut dipanggil untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ada tiga soalan, soalan ketiga adalah mengenai Ops Yemen 2, nanti saya akan sebut.

Soalan kedua yang ingin saya tanya Kementerian Pertahanan adalah apakah status siasatan 16 skandal *land swap* yang telah terdedah sebelum ini? Berapa orang yang telah diambil tindakan tatatertib ataupun akan didakwa di mahkamah? Saya juga ingin menyeru kepada kerajaan supaya laporan Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang ini dibentangkan di dalam Parlimen supaya semua Ahli Parlimen dapat meneliti apakah skandal-skandal yang telah dilakukan oleh pentadbiran sebelum ini.

Ketiga, soalan tentang Ops Yemen 2. Ops Yemen 2 jelas satu operasi yang telah menghantar anggota tentera kita untuk menjalankan aktiviti *combatant* di negara lain dan tanpa dapat *initiating directive* (ID), dengan izin, dari Kabinet. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang akan diambil terhadap orang yang bertanggungjawab, termasuk Menteri Pertahanan pada masa itu, Yang Berhormat Sembrong. Mana Yang Berhormat Sembrong ya?

Inilah isu-isu yang Yang Berhormat Sembrong patut jawab dan terangkan kepada semua rakyat Malaysia, bukan sibuk hendak tentukan siapa Perdana Menteri ketujuh dan kelapan...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Setuju.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Malim, satu minit sahaja.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Tanjong Malim, bolehkah komen tentang isu bahawa melibatkan Yang Berhormat Sembrong yang menghentam Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita, mempersoalkan pertahanan negara kita. Saya difahamkan sejumlah wang telah dibayar, jumlah wang yang begitu banyak untuk tempahan beberapa buah helikopter, di mana wang itu telah pun dibayar tetapi helikopter itu tidak sampai. Bolehkah perkara itu juga kita minta di siasat? Beliau yang mempersoalkan pertahanan negara kita, memperlekehkan Menteri Pertahanan kita. Perkara-perkara ini dilakukan oleh beliau sebagai Menteri Pertahanan. Di mana, disebabkan oleh tingkah laku beliau, ketirisan kementerian beliau, kita dalam keadaan ini sekarang. Minta Yang Berhormat komen dalam perkara ini. terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tadi sudah komen lah. Soalan saya yang pertama adalah mengenai helikopter... [Disampuk]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, berani bangun menjawabkah?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, jangan ambil masa banyak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak bertanya perkara lain. Ini komik propaganda komunis ini, apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Malim?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan lari tajuk. Yang Berhormat Pontian, jangan lari.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh, boleh.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pontian, tidak mengapa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Diharamkan oleh KDN.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya hendak beritahu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO yang ada hubungan dengan komunis, UMNO yang hadir.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kata-kata pengantar itu Yang Berhormat Bagan yang buat.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pontian, tidak mengapa, tidak mengapa. Saya hendak bagitahu...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tiada kaitan dengan Yang Berhormat Bagan-lah, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bagan kata pengantar dalam komik itu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *In case* Yang Berhormat Pontian tidak tahu, komunis parti China pun tidak mengamalkan komunislah, tidak mengamalkan *comunisme*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kenapa KDN haramkan?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Itulah kena tanya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh pertikai pengharaman oleh KDN? Itu pertanyaan saya pada Yang Berhormat Tanjong Malim.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, Tanjong Malim akan persoalkan, bukan pertikai. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu minit lagi ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, ya. Ada dua isu yang pendek, tidak mengapa. Pertama, tentang *vape*. Walaupun telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi saya juga ingin menyuarakan pendirian saya. Saya menyeru kerajaan supaya kita mengkaji balik. Jangan kita haramkan *vape* dengan secara terburu-buru sebab ada ramai anak muda terlibat dalam *business vape* ini.

■1640

Sampai hari ini tak ada satu *conclusive report*, dengan izin, yang mengatakan bahawa *vape* ini lebih berbahaya daripada tembakau ataupun rokok. Maka saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kita *regulate vape* tetapi tidak mengharamkan *vape* dan satu lagi tentang isu PDK.

Elaun petugas PDK iaitu Program Pemulihan Dalam Komuniti ini, elaun petugas hanya RM800. Walaupun itu hanya sebagai satu elaun tetapi semua petugas itu bekerja secara sepenuh masa. Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menambahkan elaun petugas PDK yang sudah lama tidak bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tutup ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

*Membuat manisan dari buah salak;
Dijual dengan macam-macam harga;
Ada orang yang kuat menyalak;
Boleh dibeli dengan macam-macam harga.*

Tuan Yang di-Pertua: Kata satu pantun sahaja?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *[Membaca pantun]*

*Membeli baju bergambar waru;
Pulangnya mampir membeli kelapa;
Sudah kalah makin bercelaru;
Asal tak dakwa, siapa PM pun tak apa.*

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rompin. Masih 15 minit.

4.41 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Bajet yang saya namakan *illusion budget*. Bajet yang mungkin tidak akan tercapai, *illusion* sahaja. Mungkin tidak akan tercapai oleh kerana beberapa faktor. Tidak jelas dasar fizikal dan *monetary policy*. Selalunya kalau kita membentangkan bajet, harus jelas bagi memandu negara ini, memacu negara ini ke arah yang lebih baik. Dasar fizikalnya lebih jelas dan dasar *monetarynya* lebih jelas.

Rakan saya daripada Selayang tadi membangkitkan isu yang sangat relevan tentang dasar fizikal iaitu berhubung dengan *injection physical* dalam pembangunan negara. Cuba kita lihat suasana sekarang ini. Tidak ada kestabilan politik dalam negara, masalah perpaduan yang makin rapuh, keadaan ekonomi dunia yang lembap, masalah *domestic economy* yang bermasalah, harga komoditi yang rendah, kadar kemiskinan yang tinggi, eksport menurun dan import meningkat. Kadar mata wang semakin menurun. Semuanya *indicated* ekonomi dalam negara yang tidak menggambarkan yang positif. Bagaimana bajet ini untuk *address* masalah ini dan bajet ini tidak mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang saya katakan tadi. Sebab itulah saya panggil bajet ini bajet ilusi- *illusion budget*.

Kalau kita melihat bahawa bajet ini akan menyebabkan pendapatan orang miskin akan lebih miskin, orang kaya akan lebih kaya. Dalam Dewan Rakyat yang lepas saya mengatakan bahawa SST adalah *pro-businessman*. Konsep SST itu adalah *pro* kepada *businessman* dan GST adalah *pro* kepada rakyat kerana setiap orang rakyat akan dikenakan cukai dan tanggungjawab kerajaan untuk *distribute* cukai itu kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab kerana negara kita tidak boleh dilepaskan kepada *market forces* untuk menentukan struktur ekonomi. Negara harus lebih kepada *institutional driven*, dengan izin. Agensi-agensi akan memainkan peranan untuk *distribute income* dan pengagihan pendapatan dalam negara supaya jurang perbezaan di antara orang kaya dengan orang miskin dapat dirapatkan semula...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh celah sikit?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Akan tetapi bajet hari ini tidak begitu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Kangar, silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya ingat pendekatan yang Yang Berhormat Rompin maksudkan tentang *institutional driven* ini telah kita jalankan selama berdekad-dekad. Jadi agaknya mungkin Yang Berhormat Rompin dapat bantu jelaskan mengapa sekarang ini jurang itu berlaku sedangkan kita telah mengambil pendekatan yang sama selama berdekad-dekad.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya bercakap bukan soal kerajaan lama ataupun kerajaan baharu. Saya bercakap daripada segi realiti dan *suggestion* yang saya nak kemukakan di Dewan ini supaya kalau kerajaan pada hari ini merasakan pendekatan lama tidak bagus, dibuat pendekatan baharu tetapi saya nampak bajet hari ini merenggangkan lagi, menyusahkan lagi rakyat sedangkan bajet yang dibuat oleh kerajaan dahulu adalah jelas bagaimana hendak mengatur ekonomi berkembang dan bagaimana hasil dorongan ekonomi itu diagihkan kepada rakyat. Ini yang kita lihat.

Dalam konteks Malaysia, kita melihat bahawa dalam ekonomi terbuka, *institutional driven* adalah penting dan ini yang dilakukan oleh kerajaan dahulu bagi merenggangkan pendapatan di antara orang miskin dengan orang kaya. Saya ambil satu contoh, adakah benar harga barang ini meningkat atau kah pendapatan tidak meningkat? Kos sara hidup tidak boleh kita kawal kerana kita import banyak barang. Sebenarnya pendapatan rakyat negara ini secara keseluruhannya tidak meningkat. Jadi, kesannya kita melihat harga kos hidup itu membebankan rakyat kerana pendapatan mereka tidak meningkat. *Job creation* tidak ada.

Kita mengatakan bahawa siswazah mengganggu, tidak kompeten. Kita katakan bahawa *tidak memahami bahasa Inggeris itu adalah escapism kerajaan kerana* sebenarnya kita tidak berjaya mewujudkan pekerjaan, *job creation*. Adakah sebab orang Jepun tidak faham bahasa Inggeris, mereka tidak maju? Kalau China tidak faham bahasa Inggeris, kenapa mereka boleh maju? Taiwan tidak faham bahasa Inggeris, mereka maju. Di Eropah, Switzerland, *Germany*, Perancis adalah negara-negara yang tidak berbahasa Inggeris tetapi mereka maju. Kita *escapism, job creation problem* sekarang ini. Ratusan ribu siswazah mengganggu disebabkan oleh itu.

Cuba kita lihat struktur pendapatan dalam negara, saya cakap tadi *institutional driven*. Bank Negara telah membuat kajian bahawa seluruh pendapatan syarikat negara ini, pekerja bawahan dapat 35 peratus sahaja. Katalah RM1 juta, rakyat, pekerja bawahan hanya dapat 35 peratus sahaja. *Shareholders* dan *upper management board of directors* dapat 35 peratus. Negara maju, *lower income people* dapat 45 peratus hingga 50 peratus. Jadi, kita *need institutional driven to overcome this problem*, dengan izin, dan ini harus dilakukan oleh kerajaan. Saya melihat *we are trapped*, kita terperangkap dalam *low income economy. Low income economy and middle-income trap*.

Kalau tidak ada *institutional driven* masalah ini tidak akan dapat diselesaikan. Ia memerlukan komitmen yang tinggi daripada kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini dan paling kurang, kerajaan dahulu berjaya *to distribute income* melalui cukai yang lebih progresif...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Minta laluan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sila, Yang Berhormat Beruas.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Malaysia merupakan negara yang di tingkat yang teratas untuk negara-negara yang membangun daripada segi pendapatan. Keadaan ini telah berlangsung 30 tahun dan selama ini mungkin Kerajaan Barisan Nasional pun ada peluang untuk meningkatkan pendapatan hingga kita boleh mendapat pendapatan negara maju. Boleh cadangkan 30 tahun ini, apakah rancangan ataupun idea-idea yang boleh dikongsi dengan kerajaan baharu supaya pendapatan boleh meningkat ke tahap negara maju? Terima kasih.

■1650

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Mungkin Yang Berhormat seorang peguam, tidak memahami istilah-istilah ekonomi yang saya sebutkan tadi bahawa *low-income economy, middle-income trap*. Itu adalah masalah. Kerajaan dahulu sedar, ekonomi kita sedar.

Sebab itulah polisi-polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan dahulu lebih menjurus kepada *to distribute income* dengan izin, kepada orang bawahan. Ini telah berjaya dilakukan oleh kerajaan melalui beberapa dasar fizikal, dasar kewangan. Kalau kita lihat banyak perkara yang dilakukan.

Saya melihat bahawa kalau 10 persen sahaja lari daripada *income*, bajet terpaksa kita *illusion*. Kerajaan hari ini tidak akan dapat mengutip *direct tax* sebanyak RM14 bilion. *Indirect tax* kalau 10 persen tidak dapat, ia akan gagal untuk mendapatkan RM4.7 bilion. Maknanya kerajaan tidak akan dapat mengutip hampir RM20 bilion lebih kalau lari. Mana mungkin dapat tercapai dalam ekonomi yang lembap. *Income tax* akan kurang, *company tax* akan kurang, SST akan kurang.

Ini masalah yang dihadapi oleh negara pada tahun hadapan dan mungkin negara ini akan menjurus kepada bankrap. Terpaksa meminjam lagi, jual harta. Kadang-kadang saya tidak faham Yang Berhormat Menteri Kewangan selalu berbangga dengan *inflation* yang rendah, *two percent*. Mungkin dia tidak faham ekonomi. Inflasi yang kurang daripada satu persen membimbangkan. *Inflation*- saya ulangi, dengan izin, *the impetus of development*. Kalau tidak ada inflasi maknanya orang tidak berbelanja. *Domestic income* tidak akan berkembang. Dia bangga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu lagi saya tengok Yang Berhormat Menteri Kewangan bangga dia kata bila Kerajaan Amerika kata radar negara...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: [Bangun]

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Amerika kata Malaysia ini adalah negara yang sedang diperhatikan perdagangan antarabangsa. Yang Berhormat Menteri Kewangan gembira dengan keadaan ini. Ini amat membimbangkan kita. Ya Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa? Yang Berhormat Pontian, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Adakah beberapa orang pakar ekonomi membuat telahan betul bahawa kadar inflasi yang terlalu rendah itu menyebabkan negara terperangkap apa yang disebut sebagai deflasi? Itu satu.

Kemudian yang kedua, untuk menjadikan rakyat ini berpendapatan tinggi, setujukah Yang Berhormat Rompin kalau kita tumpukan kepada kemahiran tinggi, pendidikan tinggi dan juga keusahawanan yang berdaya saing untuk rakyat berpendapatan tinggi. Apa pandangan?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh sedikit lagi Yang Berhormat Rompin?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih. Saya percaya Yang Berhormat Rompin orang yang faham ekonomi tahu orang kata situasi kalau ikut *World Economic Outlook* pada tahun depan, ekonomi akan mencabar. Yang Berhormat Rompin mungkin setuju bahawa kerajaan mengambil pendekatan *expansionary* ataupun belanjawan mengembang. Dalam kata yang lain, belanjawan mengembang ini kita kena tambah hutang. Sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Yang Berhormat Pekan selepas tahun 2009. Pada tahun 2010 kita meningkatkan hutang kita sehingga 52 peratus KDNK pada waktu itu. Kemudian secara sedikit demi sedikit cuba mengurangkan. Minta pandangan Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, ekonomi tidak akan berkembang kalau *tax structure you* tidak bagus. Kerajaan hari ini tidak mengunjurkan satu *tax structure* yang bagus. Kita kembangkan ekonomi kalau kita meminjam tidak bagus. Kalau kita kembangkan dalam infrastruktur, bagus. Akan tetapi nampaknya kita tidak jelas ambil duit PETRONAS RM30 bilion buat apa? Hendak bayar gaji kah? Jual harta sebab apa? Hendak bayar gaji kah? Sudah pasti hendak bayar gaji kerana tidak cukup duit. *Tax* tidak cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bimbang keadaan yang akan berlaku. Dasar fizikal macam kata *you*, tidak jelas. Macam mana *you* nak *expansion* kalau duit tidak ada. Duit tidak ada. Ini cukup membimbangkan kita dan saya jangka sebab itu saya kata *illusion budget*. Pandangan Yang Berhormat Pontian dimasukkan ke dalam ucapan saya... [Tepuk]

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah dua tahun gagal untuk mengemukakan satu bajet yang benar-benar berkesan kepada ekonomi negara sedangkan inflasi pun dia tidak faham. Perdagangan mata wang pun dia tidak faham. Mungkin latar belakang dia tahun yang pertama mencari kesalahan orang sebagai *auditor*, dia melihat *balance sheet*. Bajet bukan masalah *balance sheet*. *Budget is* memacu ekonomi negara.

Kesalahan tetap kesalahan. Kita tidak pernah akur ataupun tidak pernah setuju dengan orang yang membuat kesalahan. Akan tetapi masa setahun setengah masih lagi untuk mencari kesalahan, itu ada yang tidak kena dari segi dasar kewangan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Rakyat akan menderita, orang luar bandar akan menderita. Harga komoditi yang rendah, hubungan antarabangsa yang tidak baik. Saya cukup bimbang sekali ialah keadaan perpaduan yang semakin rapuh yang telah kita bina 60 tahun, kita beri kuasa kepada Pakatan Harapan supaya membina lebih baik tetapi kenyataannya pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan gagal untuk disiplinkan Ahli-ahli Parlimen dan penyokong-penyokong mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ini jelas.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya saya ingin- satu lagi yang akhirnya mengatakan sekali lagi bahawa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa DAP memainkan peranan untuk mencetuskan api perkauman ini?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya kalau kita lihat mutakhir ini, itulah dengan komiknya, dengan kenyataan-kenyataan pemimpin, keterlibatan dalam isu-isu yang negatif. Ya mungkin ada elemen-elemen itu kerana mungkin rasa mereka berkuasa, mereka takut untuk menegur penyokong-penyokong mereka. Takut hilang undi, mereka membiarkan.

Ini kerajaan kita- kalau pemimpin dahulu, pemimpin Barisan Nasional tidak berkorban beritahu ini tidak boleh, itu tidak boleh, tidak mungkin negara ini terbina.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, siapa yang benarkan Ahli-ahli Parlimen diserang di Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa sudah tamat. Kalau tidak, ada Yang Berhormat yang tidak dapat berbahas. Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor dan pada tahap ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO yang serang Ahli-ahli Parlimen di Parlimen.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak. Yang Berhormat Jelutong, hari pertama menjejak ke Parlimen, sampai sekarang menjadi kebencian seluruh orang... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Saya kurangkan kepada 10 minit.

4.58 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat. Silakan Yang Berhormat Hulu Selangor.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat. Hulu Selangor bangkit untuk bahas mengenai Belanjawan Tahun 2020 di Dewan yang mulia ini.

Pelbagai aspek telah diambil kira dan terusi. Namun Hulu Selangor ingin memohon beberapa pencerahan dan menyuarakan beberapa cadangan yang datang daripada rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa 10 minit.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Moga dengan perbincangan hari ini kita dapat bersama membina negara mampan untuk tahun 2020 dalam Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor mempunyai industri berteknologi tinggi seperti sektor automobil oleh Perdua dan Tan Chong Motor di Sungai Choh. Sektor aeroangkasa oleh *UMW Aerospace* dan T7 di Serendah dan juga sektor kereta api oleh SMH Rail di Rasa. Hulu Selangor juga akan dibangunkan bersama dengan *UMW High Value Manufacturing Park* di Serendah dalam mewujudkan industri berimpak besar di kawasan luar bandar. Saban tahun juga, Parlimen Hulu Selangor mempunyai lebih daripada 3,000 pelajar lepasan SPM. Oleh itu, amat tepat sekali kerajaan dapat merancang untuk membina satu institusi pendidikan tinggi di kawasan Hulu Selangor dalam bidang TVET. Perancangan ini bersesuaian dengan pembinaan industri berteknologi tinggi yang mengangkat Revolusi Industri 4.0.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited untuk membantu meningkat taraf kemudahan asas di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, Hulu Selangor masih ketinggalan berbanding daerah lain. Permohonan Hulu Selangor untuk menaik taraf jalan raya telah lama dipohon, tetapi masih tiada sebarang tindakan. Lantaran itu, Hulu Selangor memohon kepada pihak kementerian untuk mengutamakan naik taraf di daerah ini. Diharapkan dengan inisiatif ini, kita dapat mengurangkan kadar kematian disebabkan jalan raya yang tidak selamat dan seterusnya, memberi keselesaan kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada 11 Januari yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah turun padang melawat tapak yang bakal dibina sebuah Klinik Kesihatan Bukit Sentosa. Namun diumumkan tempoh hari, klinik ini tidak disebut bagi projek pembinaan baharu.

Justeru itu, Hulu Selangor membawa harapan tinggi rakyat di kawasan ini agar kementerian dapat juga mengangkat permohonan ini di dalam Belanjawan 2020. Klinik kesihatan ini amat diperlukan bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan. Hulu Selangor amat memuji tindakan kerajaan dalam meneruskan perkhidmatan klinik bergerak. Walaupun kelihatan kecil dan hanya memberi perkhidmatan kesihatan asas, namun besar jasanya kepada masyarakat. Jelas-lah Kerajaan Pakatan Harapan kekal utuh dalam menjaga kebajikan rakyat.

Hulu Selangor menyambut baik usaha kerajaan dalam menghargai anggota RELA dengan menaikkan *allowance* RM2 sejam dan anggota bomba pula dengan menerima *allowance* khas RM200 sebulan. Namun begitu, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Hulu Selangor memohon agar kerajaan dapat memberikan berita gembira ini juga kepada sukarelawan di agensi dan jabatan lain seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Di dalam APM, penglibatan anggota sukarela menjadi tulang belakang utama dalam setiap pelaksanaan tugas dan fungsi APM di lapangan.

Pujian dan penghargaan sewajarnya harus diberikan kepada anggota sukarelawan yang dilantik oleh pegawai tetap APM hingga berjaya menyempurnakan tugas dengan cemerlang. Sebagai pengiktirafan dan langkah memperkasakan APM, seharusnya anggota sukarela APM ini juga diberikan kenaikan *allowance* yang sama seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 2020.

Seterusnya, Hulu Selangor merasakan bahawa pegawai tetap Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam, Skim KP dan APM juga seharusnya diberi *allowance* khas kerana mereka juga turut melaksanakan tugas yang berisiko tinggi.

Allowance ini amat-lah wajar bagi mengiktiraf beban tugas Skim KP APM yang turut berperanan sebagai barisan hadapan pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah. Fungsi pegawai ini di antaranya adalah tugas sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah, pengurusan utama pusat-pusat pemindahan mangsa bencana, perkhidmatan kecemasan harian MERS999, perkhidmatan penyelamat pantai, perkhidmatan latihan kesiapsiagaan awam kepada rakyat dan perkhidmatan penyelamat dan bantuan bencana.

Oleh itu, agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan kenaikan *allowance* ini untuk diseragamkan bersama dengan pasukan sukarelawan seperti APM dan yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor sering menerima aduan dan rungutan rakyat bahawa daerah ini kurang dapat liputan jalur lebar, sedangkan permintaan terhadap fasilitet tersebut adalah amat tinggi. Malah, lebih teruk lagi apabila liputan harian telekomunikasi asas juga amat teruk di kawasan ini.

Rungutan juga disuarakan oleh perusahaan industri dan syarikat-syarikat swasta yang bertapak di Hulu Selangor. Secara tidak langsung, ia memberi impak buruk kepada bakal-bakal pelabur kerana kelemahan capaian *Internet* yang begitu rendah. Untuk makluman, permohonan penambahbaikan juga telah dimajukan oleh pihak yang berkenaan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Justeru itu, Hulu Selangor mohon pihak kementerian dapat mempertimbangkan permohonan ini bagi membantu masyarakat luar bandar untuk kekal berhubung dan mempunyai infrastruktur telekomunikasi yang lebih baik. Hulu Selangor merupakan satu daerah yang masih mengekalkan keindahan ekosistem alam sekitar. Di samping mempunyai lebih 20 kawasan tumpuan pelancongan yang majoritinya berkonsepkan ekopelancongan dan agropelancongan. Tidak dinafikan pelancongan merupakan satu sumber ekonomi yang dapat menjana hasil yang tinggi di samping dapat membangunkan ekonomi setempat.

Namun begitu, itu hanya-lah sekadar angan-angan sekiranya pihak kementerian tidak membantu pengusaha kecil ekopelancongan di luar bandar. Kementerian perlu merangka dasar baharu untuk membantu kerana ini merupakan satu bidang yang berpotensi tinggi. Jelas-lah bahawa kerajaan perlu merangka strategi bagi membantu dan menjadi pemangkin ekonomi ekopelancongan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor bersetuju dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat Port Dickson. Teks perbincangan perbelanjaan sering dibangkitkan mengenai kebergantungan kepada import pertanian yang kini mencecah RM50 bilion. Kementerian harus melihat kembali dasar-dasar program serta inisiatif yang telah digarapkan untuk membantu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian dalam negara kita. Kita perlu mencari jalan penyelesaian pantas untuk mengurangkan kebergantungan import ini.

Seterusnya, Hulu Selangor turut menyokong usaha kementerian di dalam memberikan galakan dan insentif buat para petani, penternak dan usahawan. Malahan, Hulu Selangor mencadangkan agar pihak kementerian memperkasakan lagi program ini dengan menarik lebih banyak penyertaan dari golongan belia. Buka-lah peluang kepada golongan belia untuk menerokai bidang ini yang mana sering mendapat persepsi bahawa industri pertanian dan penternakan ini tidak berdaya maju. Juga disarankan agar kementerian memberi galakan dan projek agromakanan bagi menjana ekonomi sampingan khususnya buat masyarakat luar bandar.

Sedikit penambahan pula mengenai sektor agropelancongan dan inap dusun. Peluang ini wajar diterokai dan dibantu oleh kementerian sebagai satu cara yang memberi pendapatan sampingan buat para petani, penternak, mahupun usahawan. Program khusus boleh direncanakan oleh kementerian bagi memastikan berjalan lancar selaras dengan dasar dan garis panduan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor ingin meminta pandangan kerajaan mengenai perancangan masa akan datang untuk membina satu generasi belia yang mampan dan apakah rangka masa depan untuk belia berhadapan dengan arena global yang begitu mencabar. Hal ini kerana isu besar bagi golongan belia pada masa kini adalah kurangnya peluang pekerjaan yang mengakibatkan peratusan pengangguran semakin meningkat.

Pada dasarnya belia mahu bekerja, tetapi peluang pekerjaan ini yang menjadikan persoalannya. Kita puji usaha kementerian dalam pembangunan *e-sports*. Akan tetapi, lihatlah masalah yang dihadapi oleh golongan belia di peringkat akar umbi. Jika tidak ditangani dengan baik, isu pengangguran di kalangan belia ini bakal menjadi barah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai percukaian. Hulu Selangor menyambut baik pengumuman kerajaan dalam memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan lagi aktiviti bernilai tambah tinggi dalam industri elektrik dan elektronik (E&E). Untuk beralih ke ekonomi digital berasaskan 5G dan Industri 4.0, lanjutan bagi galakan cukai modal teroka dan pelabur mungkin juga amat baik. Dicadangkan agar insentif cukai juga diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana untuk merangsang lagi ekonomi negara.

Selain itu, Hulu Selangor menyambut baik cadangan kerajaan untuk menghubungkan Serendah ke Klang dengan mewujudkan *bypass Klang*. Perancangan ini amat bertepatan untuk merancakkan lagi industri di samping meningkatkan ekonomi luar bandar. Dengan adanya kunci kesalinghubungan ini, tidak mustahil suatu hari nanti kerajaan dapat mewujudkan, dengan izinnya, *free trade zone* di Hulu Selangor. Pastinya ia memberi pelbagai manfaat dan masyarakat luar bandar di samping lebih ramai pelabur dan perniagaan akan berkembang di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Mohon tamatkan.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Akhir kata, Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan bakal memberi pelbagai manfaat buat semua lapisan masyarakat. Melalui belanjawan ini, diharapkan dapat mempergiatkan lagi pelbagai sektor ekonomi di seluruh negara. Rakyat sentiasa memerhati, maka mandat yang diberikan tidak boleh kita persiakan. Kerajaan Pakatan Harapan harus kekal komited dalam mengurus dan mengagihkan peruntukan yang telah dirancang di samping menangani isu kemiskinan dan kesenjangan.

Secara tidak langsung, Kerajaan Pakatan Harapan akan memperkukuhkan tadbir urus negara ke arah yang lebih mampan tahun 2020- memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama, dan seterusnya, merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Deepavali kepada seluruh rakyat Malaysia yang beragama Hindu. Sekian terima kasih. Yang Berhormat Hulu Selangor menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang Yang Berhormat Maran. Silakan, 10 minit juga.

5.10 ptg.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ada 15 minit Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam membahaskan pembentangan Bajet 2020 yang telah dibentangkan pada Jumaat yang lepas. Saya melihat keseluruhan bajet yang telah dibentangkan sebagai satu bajet yang tidak banyak berbeza dengan bajet-bajet sebelum ini yang dibentangkan oleh kerajaan Barisan Nasional dan kebanyakannya juga ternyata hanya mengulang pakai inisiatif yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

Ada juga peruntukan atau inisiatif yang dimansuhkan semasa Bajet 2019 apabila kerajaan Pakatan Harapan memerintah. Namun demikian, dikembalikan semula bajet kali ini, barangkali kerana telah mendapat rungutan daripada rakyat dan dimansuhkan atas sebab diwujudkan oleh kerajaan Barisan Nasional, maka diwujudkan semula bajet tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan hendak mengucapkan tahniah, syabas kepada Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan di antara dua kementerian yang mendapat peruntukan yang agak tinggi.

Kementerian Pendidikan mendapat RM64 bilion dan Kementerian Kesihatan mendapat RM27.1 bilion bagi Bajet 2020 ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memberikan perhatian kepada pendidikan. Kita hendak mendidik anak kita. Saya hendak pastikan supaya peruntukan ini bukan sekadar kita memberikan peruntukan kepada meningkatkan kemudahan fizikal di sekolah-sekolah dan sebagainya tapi kita hendak meningkatkan nilai produk yang kita keluarkan di sekolah-sekolah termasuk universiti dan sebagainya.

Lepas itu kita tidak mahu melihat ada mahasiswa yang biadab apabila menghadiri majlis konvokesyen. Malah kita hendak supaya kalau boleh Yang Berhormat Jelutong, ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini merupakan ahli-ahli Parlimen yang cukup tertib. Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong ini orang kawasan saya cukup suka dia pada mulanya kerana dia rajin berdiri, tetapi akhir, sekarang mereka telah benci kepada Yang Berhormat Jelutong. Saya beritahu saja. Oleh sebab itulah kita hendak supaya kita didik ahli-ahli Parlimen. Yang Berhormat Jelutong jangan marah, saya ikhlas cakap, di luar pun saya bercakap. Jadi kita hendak supaya Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan, masyarakat kita dididik melalui peruntukan yang besar yang diberikan oleh kerajaan ini.

Jadi saya harap Kementerian Pendidikan berikan perhatian yang serius dalam kita meningkatkan nilai pendidikan dan melahirkan insan yang berguna di negara kita ini. Bagi Kementerian Kesihatan, memang pendidikan dan kesihatan adalah dua elemen yang cukup penting. Doktor ya, dalam hidup kita. Tidak ada orang yang, sebab itu dalam Islam... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Iaitu akal yang sihat lahir daripada tubuh badan yang sihat. Oleh sebab itulah kesihatan mestilah diberikan perhatian. Saya ucapkan terima kasih walaupun kerajaan Pakatan Harapan tetapi berikan perhatian kepada aspek-aspek yang penting adalah suatu yang cukup perlu kita perhatikan.

Saya minta supaya pihak kerajaan dan Kementerian Kesihatan khususnya memberikan perhatian kepada keadaan peralatan, kemudahan-kemudahan di hospital-hospital yang cukup menyedihkan. Saya bangga dan saya ucapkan tahniah kepada seluruh kakitangan hospital dan pekerja-pekerja termasuk bawahan yang telah memberikan perkhidmatan yang cukup baik kepada pesakit-pesakit kita walaupun mereka berada dalam keadaan yang cukup kadang-kadang setengahnya daif.

Namun demikian, kepada Kementerian Kesihatan saya hendak ingatkan, jangan lupa Hospital Maran telah diluluskan oleh kerajaan sebanyak RM200 juta dan mesti dilaksanakan segera. Kalau hendak lihat orang Maran, bukan saja Ahli Parlimen ya, bahkan seluruh rakyatnya akan lahir sebagai orang yang sihat, yang akan memberikan sumbangan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita bangga kerana negara kita menghadapi pengangguran yang masih rendah, bawah daripada empat peratus. Kalau mengikut ILO, negara yang empat peratus kadar penganggurannya adalah negara yang telah- pengangguran yang tinggi dan negara kita adalah merupakan negara guna tenaga penuh. Di negara kita hari ini mempunyai kurang lebih 15.19 juta tenaga kerja. Manakala seramai kira-kira 520 ribu orang pula masih menganggur termasuk kira-kira lebih kurang 175 ribu siswazah yang mendaftar dengan *JobsMalaysia* di bawah Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada kerajaan dan saya minta supaya usaha bagi melahirkan, menambahkan peluang-peluang pekerjaan pada anak-anak kita ini akan dapat dipastikan oleh kerajaan. Apakah kita tidak boleh melihat pekerja-pekerja negara kita yang bekerja di luar negara. Ada ruang kosong di negara kita ini. Saya ingin tahu berapa jumlah pekerja negara kita yang bekerja di luar negara, tidak kira di negara mana. Kalau di negara kita ini, kita ada berapa juta pekerja asing dan mereka membawa balik wang daripada negara kita ke negara mereka lebih kurang, lebih daripada RM30 bilion setahun. Saya juga, kita hendak tahu berapa jumlah wang yang dibawa balik oleh...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Maran, sikit boleh.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sikit saja, sikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Maran, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Maran sebagai orang yang pernah berada di Kementerian Sumber Manusia, *Global Talent Competetive Index 2014-2019*, 2014 Malaysia berada di tahap 35 tetapi 2018, 2019 kita kekal tahap ke 27.

Jadi bagaimana Yang Berhormat Maran boleh cadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita dapat tingkatkan, supaya kita berada dalam 10 terbaik di dunia yang telah dibuat dalam *survey* yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Maran.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ingat semasa saya berada di Kementerian Sumber Manusia, kita menghadiri, melibatkan diri dalam berbagai-bagai pertandingan, *world skill* di peringkat Asean, antarabangsa dan sebagainya. Kita pernah mencapai *champion* dalam *ASEAN Skill Competition*, tetapi akhir ini keadaan itu telah agak menurun. Saya tidak tahu di mana sebabnya dan sebab itulah saya kira TVET ini mesti kita tingkatkan. Persaingan dalam bidang teknikal dan vokasional ini mesti kita tingkatkan kepada anak-anak kita. Saya yakin kalau usaha ini dibuat, sudah tentulah kita boleh memperbaiki balik kedudukan kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada keadaan yang berikut, iaitu tentang gaji minima. Kerajaan telah memutuskan melalui bajet baru ini ialah gaji minima akan dinaikkan pada RM1,200. Akan tetapi kalau mengikut Akta Gaji Minima, setiap dua tahun kajian ini dibuat walaupun tahun lepas telah pun dinaikkan RM1,100. Paling malang saya tidak tahu bagaimana hendak dilaksanakan ialah gaji minima ini akan hanya melibatkan bandar-bandar utama sahaja. Bagaimana dimaksudkan bandar utama- Kuala Lumpur, Kuantan, Pekan dan sebagainya, dan bagaimana ia akan dilaksanakan?

Saya bimbang, kalau perkara ini dilakukan oleh kerajaan, mungkin kita tidak dapat memberikan gaji yang sewajarnya, sepatutnya diterima oleh pekerja-pekerja kita. Adakah kerajaan merasakan ianya adil untuk gaji minima dibezakan mengikut kawasan, bandar utama, bandar biasa dan juga luar bandar?

Saya percaya tidak ramai majikan yang menyambut baik cadangan gaji minima baru ini. Jadi bagaimana pula kerajaan akan memastikan majikan tidak akan culas dan komited dalam melaksanakan skim gaji baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak melihat, pergi kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSP) telah ditubuhkan oleh kerajaan terdahulu untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri. Antaranya pemandu teksi, bas yang menjalankan kerja secara sepenuh masa atau separuh masa. Saya difahamkan statistik yang melibatkan pemandu teksi ini masih lagi rendah. Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan? Ini kerana berpuluh-puluh ribu lagi pemandu teksi ini tidak terlibat dengan Skim Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah pemandu teksi ini.

Cadangan bagi memperluaskan pelaksanaan SKSP yang membolehkan caruman oleh 18 kumpulan yang bekerja sendiri mulai tahun 2020 nyatanya ianya merupakan kesinambungan daripada usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dahulu. Kalau satu skim bawah teksi pun kita masih belum lagi dapat melaksanakan yang terbaik, bagaimana kita boleh melaksanakan skim-skim yang lain bagi pekerjaan sendiri ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sebutkan, oleh kerana masa tidak mengizinkan ialah tentang PTPTN. Walaupun banyak sahabat-sahabat kita telah menyentuh tentang PTPTN ini tetapi dalam bajet baru-baru ini saya nampak tidak ada di situ oleh Kementerian Kewangan. Apakah Menteri Kewangan takut dengan janji yang diberikan kepada pelajar-pelajar kita yang buat pinjaman PTPTN supaya menghapuskan bayaran ini?

Oleh sebab itulah saya minta supaya kerja ini ataupun perkara ini diberikan perhatian. Kita mahu ramai lagi anak-anak kita yang kebanyakannya akan masuk ke pusat pengajian tinggi akan mendapat faedah daripada PTPTN ini.

■1720

Mengikut statistik dalam Kertas Konsultasi Rakyat yang berdasarkan statistik sehingga 31 Disember 2018 sebanyak 49 peratus peminjam PTPTN dikategorikan sebagai peminjam bertanggungjawab. Akan tetapi sebahagian daripada itu 26 peratus atau RM499 ribu peminjam menyelesaikan bayaran balik membabitkan RM5.9 bilion manakala 23 peratus atau RM438 ribu peminjam membayar balik secara konsisten dengan kutipan RM2.5 bilion.

Saya hendak supaya kerajaan berikan perhatian tentang perkara ini dan berilah pengorbanan, perjuangan kita kepada anak-anak kita yang sedang menuntut pelajaran.

Oleh sebab itulah jangan kita lalai, jangan lupa jangan berikan janji yang tidak boleh ditunaikan nescaya apabila datang nya Pilihanraya Umum Ke-15 ini nanti anak-anak muda kita ini akan memberikan ganjaran balik ataupun balasan balik kepada kerajaan yang selama ini banyak menipu mereka. Tidak seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja lah sentuhan saya tentang bajet pada tahun ini dan kita harap rakyat jelata bukan sahaja melihat bajet ini sebagai satu bajet yang mungkin tidak menyeluruh yang boleh diturunkan pada rakyat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Maran.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: ...Akan tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis. Buat penggulangan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tak payah, tidak payah beri orang lain- kita hendak supaya walaupun bajet ini tidak menyeluruh, akan tetapi kita hendak supaya kesan seperti mana yang disebutkan tadi dapat sampai terus kepada rakyat dan semua rakyat yang berada di negara kita ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Kapar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Ya, ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Apakah Yang Berhormat bersetuju DAP adalah penyumbang kepada permasalahan yang timbul?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kapar.

5.22 ptg.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu banyak retorik saya terus kepada sasaran. Pertama saya ingin menyinggung di bahagian pembangunan pendidikan berjumlah RM4.858 bilion yang melibatkan sekolah-sekolah dan juga pembangunan.

Ingin saya meneruskan kepada sasarannya di sekolah Rantau Panjang di Kapar memerlukan penambahbaikan yang tidak boleh di kompromi. Dia telah terbakar dan perlukan pembinaan semula ataupun membaiki sekolah itu termasuk Sekolah King Edward VII di sekolah lama saya di Taiping, yang perlukan pembangunan semula kerana lantai pun sudah roboh dan juga Sekolah King Edward I sekolah yang bersejarah yang sudah pun terbina ratusan tahun yang lalu supaya Kementerian Pendidikan fokus untuk membina semula ataupun penambahbaikan di setiap dua sekolah tadi.

Saya juga terus kepada pindaan Akta Kerja 1955 yang pembangunannya berjumlah RM455 juta. Ini juga memberikan kesan baik di mana seksyen 37, Akta Kerja 1955 itu dipinda daripada 60 ke 90 hari akan tetapi 2021. Saya mohon supaya ia disegerakan termasuk JTK. JTK ini perlukan penambahan 400 pekerja kerana mereka tidak boleh melayani ataupun bekerja tanggungjawabnya di antara 24 akta yang terpaksa mereka bawa untuk dipertanggungjawabkan. Ini juga perlu disegerakan kerana bajet saya nampak pembangunan pengurusan itu lebih tinggi daripada pembangunan.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada ruang pekerjaan sasaran yang disasarkan 230,000 yang telah pun diumumkan dan itulah sasaran yang baik untuk kita pastikan satu juta itu menjadi pencapaian dalam *target* kita. Akan tetapi saya ingin menyinggung statistik Pegawai Dagang Aktif Pengikut Sektor sehingga April 2019.

Saya dimaklumkan laporan yang saya terima ialah sebanyak 123,077 orang dan ini juga menjadi satu kesan buruk apabila kita memberikan ruang yang luas walaupun ini akan menyinggung ataupun menyedihkan beberapa pihak. Akan tetapi saya ingin jelaskan bahawa *TalentCorp* ataupun *Talent Corporation* yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengambil pekerja profesional luar negara balik, akan tetapi mereka mengambil pekerja luar negara ataupun pekerja asing untuk masuk bekerja dalam negara yang jumlahnya itu begitu meruncingkan.

Saya mohon Kementerian Sumber Manusia untuk buat pemantauan segera supaya mereka-mereka ini diisi dengan pekerja separuh profesional dalam negara. Sekarang ini penganggurannya sekitar saya percaya peningkatan berlaku daripada lebih 400 ribu ke 511 ribu ini akan meningkat kalau kita tidak memantau daripada sekarang. Seterusnya saya ingin menegaskan satu berita yang tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, minta laluan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Walaupun tidak popular akan tetapi saya terpaksa menyatakan dengan jelas bahawa 'vip' ini. Rata-rata orang mengatakan 'vip' ini, saya dimaklumkan 'vip' ini menjadi satu pengganti kepada merokok.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa dia ejaannya, ejaannya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Salah satu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Vape ke vip?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Vip.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Vape, vip?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Vip.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Vip? Vape.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Vape pun vape lah... [Dewan ketawa] Salah satu medium yang paling efisien...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Check betul2 dahulu.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Untuk berhenti merokok. Menjana ekonomi negara, memberi peluang pekerjaan kepada anak muda mempunyai pekerjaan 5,000 pekerja sedang beroperasi dan mempunyai 2,000 pembuat cecair 'vip'...

Beberapa Ahli: Vape.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Bakal hilang 50 ribu vape ini. [Ketawa] Seramai 2 juta pengguna vip ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Vape.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Kembali merokok kalau kita diharamkan. Begitu juga mohon KKM mengkaji secara terperinci contoh seperti *Public Health of England*, industri yang dikawal selia dan di cukai. Dua hospital di UK telah membenarkan rokok elektronik dibuka di *Sandwell General Hospital, West Bromwich* dan *Birmingham City Hospital* di Birmingham. Jadi, ini adalah yang diiktiraf oleh UK. Maka saya hendak minta kepada kerajaan mengapa perlu kawal selia kerana mengawal penjualan terhadap penggunaan bawah umur.

Saya juga ingin menyinggung tentang kementerian supaya membuat kajian secara terperinci kerana melibatkan penghasilan yang cukup bermanfaat kepada negara, satu. Kedua jangan terlampau...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kapar sedikit boleh?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Terlampau kritikal sangatlah tentang...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Kesihatan ini semua kerana saya percaya dan saya yakin setiap tubuh itu mempunyai jawapannya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kapar sedikit Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Begitu juga dengan merokok.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kapar sedikit boleh?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Merokok ini sebenarnya ada lebih kurang sembilan juta perokok. Ya, kita akui okey merokok itu dikatakan membahayakan kesihatan, okey. Akan tetapi kita juga jangan lupa bahawa hak kebebasan perokok-perokok sembilan juta itu perlu diambil kira. Maka, saya ingin menyarankan kepada Kementerian walaupun saya bukan perokok tegar Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, saya tahu.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Akan tetapi saya ingin menyarankan supaya kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan mengkaji semula sekurang-kurangnya bagilah sudut merokok. Saya pergi ke Mekah, Madinah pun ada dalam hotel yang membenarkan merokok di Madinah, di Mekah. Jadi saya tengok ini keperluan-keperluan yang mendesak.

Saya minta diberikan satu ruang merokok seperti mana di Parlimen, diberikan satu ruang merokok untuk ahli-ahli perokok yang sentiasa memberi perhatian untuk mengangkat kedudukan kekuatan Parlimen yang mereka sentiasa berada dengan teman merokok. Jadi saya akui...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ya Yang Berhormat Bera?

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya sokong.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Hendak menyokong ke hendak membantah ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sokong, sokong, sokong.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Okey, sokong okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sokong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami menyokong Yang Berhormat Kapar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You are the best lah.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Saya sokong ya, sokong Yang Berhormat. *Vape* belum ada kajian yang tepat mengenai bahayanya sedangkan rokok sudah *very clear* memang berbahaya. Jadi kalau hendak haramkan *vape* haramkan rokok itu yang pertama.

Kedua, saya difahamkan Malaysia merupakan pengeksport kedua terbesar di dunia *liquid vape* tersebut itu tadi. Jadi adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kita bantu usahawan-usahawan bumiputera ini supaya lebih maju dan menjadikan Malaysia sebagai pengeksport utama dunia *vape* punya *liquid* ini?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ya, masukkan semua ucapan Ketua Pembangkang dalam ucapan saya. [Tepuk] Jadi saya ambil pendekatan begini Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Habis Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kita ambil begini. Kita tidak boleh mengehendkan kebebasan hak rakyat Malaysia. Sekurang-kurang dalam restoran itu bagi satu sudut merokok ini tiga meter, saya kesian orang yang merokok jauh-jauh macam pelarian kelas tiga.

Jadi saya harap ia tidak mendiskriminasikan, Yang Berhormat Arau bersetuju dengan saya mendiskriminasikan perokok-perokok ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sokong, sokong.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *Be rational* lah sedikit. Hendak buat sesuatu itu ke depan jangan duduk tapak sekaki akan tetapi buat keputusan jauh melangkau berapa kilometer, tidak boleh. Jadi, buat perhatian untuk serius. Ini saya bukan perokok tegar akan tetapi saya ingin memberikan hak dan kebebasan kepada rakyat negara ini yang menangisi hak mereka itu dirampas oleh mereka.

Saya juga ingin menyinggung kerana dua minit terakhir saya diminta oleh persatuan ini Yang Berhormat Bera kena sokong Ketua Pembangkang ini. Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia. Saya menerima pandangan mereka iaitu memberi ruang untuk persatuan ini dan orang-orang buta ini diberikan peluang untuk memperkasakan golongan OKU.

Kedua, membawa peranan dan tanggungjawab di dalam kelompok orang awam. Ketiga, menghargai peranan golongan OKU.

■1730

Kempat, menjadikan program surau, masjid sebagai platform untuk mereka bersama-sama dengan rakyat biasa, untuk mereka memainkan peranan, untuk melahirkan kesedaran yang lebih mendalam dan lebih berkesan kepada orang-orang OKU ini.

Malah, peruntukan yang diberikan secara *one-off* RM300 ribu ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak mencukupi untuk 365 hari. Jadi, saya mohon supaya kerajaan memikirkan bagaimana untuk kita membantu serta memastikan objektif mereka menganjurkan dan menggalakkan kegiatan-kegiatan dakwah bagi faedah orang-orang cacat penglihatan Islam, meningkatkan- kau tengok Yang Berhormat Arau, Pakatan Harapan bercakap dalam soal Islam sekarang ini.

Selepas itu, meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan orang-orang cacat penglihatan Islam, menggalakkan dan menerokai peluang-peluang ekonomi bagi faedah orang-orang cacat penglihatan Islam. Ini untuk Islam, yang lepas ini untuk orang-orang yang bukan Islam, semua itu terbabit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar, oleh kerana masa sudah sampai 5.30 petang, saya gunakan Peraturan 12(3) untuk memanjangkan selama 15 minit lagi...
[Tepuk]

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong masih menanti ya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya sayang Tuan Yang di-Pertua ini. Okey, baru kita *slow* sikit. Seterusnya, mendedahkan dan menggalakkan penerokaan peluang-peluang ekonomi bagi faedah orang-orang cacat, tak kira dia Islam, dia tidak Islam tetapi mereka diberikan peluang. Ini adalah satu sifat keprihatinan manusiawi yang sepatutnya kita tonjolkan dan tidak boleh meminggirkan mereka. Seterusnya, menyelaras apa-apa kegiatan yang bertujuan untuk membela dan bertanggungjawab atas kebajikan orang-orang cacat penglihatan. Menyalurkan, menyelaras dan menyelia bantuan atau pemberian daripada badan-badan atau orang-orang perseorangan kepada orang-orang cacat penglihatan, termasuk semua kumpulan orang-orang cacat. Jadi, inilah platform yang terbaik untuk saya garis panduan, untuk lebar luaskan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Okey, saya bagi seminit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini adalah ucapan yang teragung yang kami menyokong Yang Berhormat Kapar. Jadi, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada kementerian supaya dibawa usahawan kecil dan sederhana itu dimasukkan juga industri *vape* seperti Yang Berhormat sebut tadi.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Okey, jadi Yang Berhormat Arau punya itu saya *reserve* untuk masuk sebahagian daripada ucapan saya tetapi yang awal itu saya masukkan. Apa yang perlu saya garis pandukan di sini ialah untuk menyatakan dengan seikhlasnya bahawa kita tidak boleh mengetepikan atau meminggirkan atau tidak mempedulikan orang-orang cacat ini.

Jadi, di antara kumpulan-kumpulan yang datang kepada saya, inilah kumpulan perintis yang saya lihat terkesan di atas hujah mereka itu, ia perlu diberi perhatian. Saya mohon Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula, mempertimbangkan bahawa aktiviti-aktiviti mereka ini, termasuk di masjid, di surau, di gereja, di kuil, di tokong itu diberikan perhatian serius untuk sama-sama kita membantu dan membina penjaan untuk memperkasakan kebolehan yang mereka ada.

Seterusnya, saya ingin juga menyinggung satu lagi isu iaitu isu TEKUN. Isu TEKUN dikurangkan. Dalam proses untuk kita mengangkat peniaga-peniaga kecil, SME dan kita nak pastikan bahawa mereka semua juga sama-sama menyertai kepesatan ekonomi pada waktu ini yang mendesak dalam kesesakan yang begitu meruncing dan mereka ini juga perlu dibantu. Saya mohon supaya TEKUN itu diberi penambahan sekurang-kurangnya ruang untuk mereka yang berniaga ini dalam keadaan suasana hari ini yang begitu merunsingkan ini dapat dibantu. Saya nampak TEKUN lah peluang yang terbaik yang mereka boleh fokus dan mereka boleh rujuk untuk mereka memastikan bahawa perniagaan-perniagaan yang akan mereka lalui itu dapat perhatian dan juga penyelesaian.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: TEKUN, TEKUN.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: TEKUN.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Demi untuk memastikan *Rahmatan lil'alam* itu dapat ditegakkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kapar, pinjaman TEKUN itu boleh dibuat...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar menyokong sepenuhnya bajet ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Untuk industri *vape*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: TEKUN, laluan ya. Okey Yang Berhormat, ada laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada pembahas yang terakhir, kalau tidak, tak ada masalah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Laluannya, yang pertama saya mewakili blok pembangkang ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada rakan-rakan Hindu di dalam Parlimen dan juga seluruh negara. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Jadi, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepong sebagai pembahas terakhir, ada 10 minit lagi. Ya, silakan.

5.35 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih. Memandangkan masa suntuk, okey. Keadaan banjir, bencana, kesesakan trafik di Lembah Klang- *Klang Valley* setiap kali hujan lebat dah lama berlaku, dari zaman Barisan Nasional sehingga pemerintah di bawah Pakatan Harapan kini. Jadi, saya rasa kita tidak boleh bergantung lagi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Jadi, saya minta Kerajaan Pusat memberi peruntukan khas dan juga menubuhkan jawatankuasa khas dipengerusikan oleh Ahli Parlimen di Kuala Lumpur untuk menyelesaikan banjir kilat di Kuala Lumpur ini.

Kedua, saya minta Jabatan Landskap Negara diberi peruntukan yang lebih untuk kegunaan di kawasan Parlimen Kepong. Ini adalah kerana apabila saya minta Jabatan Landskap atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk *beautify*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, taman-taman di kawasan Kepong, jawapan yang saya terima adalah kerajaan tiada bajet. Jadi, saya minta bajet yang lebih diberikan khususnya untuk menaik taraf landskap di Taman Metropolitan Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta peruntukan yang khas untuk meletak kerusi panjang- *public benchers*, dengan izin, diletakkan di sekitar kawasan Parlimen Kepong yang bersesuaian. Langkah ini adalah untuk menggalakkan orang awam lebih bergerak di luar daripada duduk di rumah. Saya juga minta peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan bagi peluang bekerja golongan OKU. Saya minta semua jawatan di para agensi Kerajaan Persekutuan diwajibkan satu *percentage* yang tertentu diperuntukkan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bekerja. Di sektor swasta pula, saya minta insentif cukai yang menarik diberikan kepada mana-mana syarikat swasta yang sanggup mengupah pekerja OKU.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, 8 daripada 10 orang Ahli Parlimen di Kuala Lumpur, Pakatan Harapan telah menandatangani satu surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk peruntukan pengurusan pejabat kita. Ahli Parlimen di Kuala Lumpur tidak serupa Ahli Parlimen di tempat lain. Kami tiada ADUN, kami tiada ahli majlis, kami hanya ada Ahli Parlimen. Semua isu tempatan, semua isu negara, isteri dan suami bergaduh, ayam hilang, semua cari Ahli Parlimen.

Jadi, Ahli Parlimen di Kuala Lumpur, kami memerlukan peruntukan pengurusan pejabat yang lebih tinggi untuk mengupah kakitangan yang mencukupi untuk menyelesaikan isu-isu tempatan. Jadi, saya minta surat kami yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh dibenarkan. Itu sahaja. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu terlalu ringkas. Kalau tidak, saya boleh beri masa yang lebih kepada Yang Berhormat Kapar tadi tapi tak mengapalah. Dengan itu, Yang Berhormat Kepong adalah pembahas yang terakhir dan keseluruhannya 143 orang pembahas telah berbahas tahun ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk ucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali dan berterima kasih kepada Menteri yang telah membekalkan muruku kepada kami semua. Ini adalah sejarah dalam Dewan yang dibuat oleh Menteri Pakatan Harapan, sejarah ya. terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk Sawit-ku ya? Jadi, saya juga mengambil kesempatan ini walaupun sudah diucapkan pagi tadi oleh Timbalan Yang di-Pertua tetapi saya ambil juga kesempatan hari ini untuk mengucapkan Hari Deepavali kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang beragama Hindu dan kepada yang lain, selamat beristirahat. Sehingga kita berjumpa semula pada hari Selasa.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 29 Oktober 2019. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang]